

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bahasa ialah alat komunikasi milik sesebuah masyarakat penuturnya. Sesebuah masyarakat bahasa pasti mempunyai bahasanya yang tersendiri yang membezakannya dengan masyarakat penutur bahasa lain. Sesuatu bahasa itu merupakan warisan dari zaman ke zaman. Bahasa yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi biasanya mengalami perubahan dan perkembangan, baik dari segi bunyi, bentuk, maupun makna. Biarpun berlaku perubahan, bahasa tersebut tetap difahami oleh penuturnya bersesuaian dengan perkembangan zamannya. Bahasa selalu berkembang dalam masyarakat yang berkembang.

Dalam proses perkembangannya, suatu bahasa tidak dapat lari daripada menerima kata-kata asing yang kemudian menjadi sebahagian dari kosa kata bahasa tersebut. Tidak ada satu pun bahasa di dunia ini yang sudah memiliki kosa kata yang lengkap. Bahasa Inggeris yang merupakan bahasa global sekalipun, tidak terlepas dari menyerap kata dari bahasa Yunani, Latin, Perancis, dan bahasa-bahasa lain. Sesuatu bahasa itu boleh tersebar luas disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah faktor politik, seperti penjajahan, faktor sosial, ekonomi, dan budaya. Contoh yang paling jelas bahawa bahasa itu boleh tersebar luas disebabkan faktor politik dan kuasa ialah penyebaran bahasa Inggeris. Kini bahasa Inggeris tersebar luas ke seluruh dunia kerana faktor penjajahan dan kuasa politik yang seterusnya membawa kepada perkembangan bahasa menjadi bahasa ilmu dan ekonomi pada peringkat global.

Dunia tanpa sempadan memberikan laluan kepada pengaliran maklumat yang melimpah-limpah kepada semua bangsa di dunia ini, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Namun sebahagian besar ilmu ini disebarluaskan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Ilmu sains, teknologi maklumat dan komunikasi dilihat begitu penting sekali demi kelangsungan tamadun bangsa sehingga bahasa Inggeris diberikan keutamaan di kebanyakan negara di dunia, termasuk di Negara Timur Tengah. Ekoran perubahan ini, ribuan istilah baru telah digunakan. Perkembangan pendidikan global menuntut penguasaan dalam bahasa Inggeris.

1.1 Pernyataan Masalah

Sesuatu istilah yang baru muncul dalam sesuatu bahasa adalah hasil daripada ciptaan teknologi baru, penemuan baru dalam bidang ilmu dan hasil pemahaman gaya baru tentang hal yang sedia diketahui (Ainon Muhammad: 1992). Dalam peminjaman perkataan pinjaman asing, persoalan yang selalu timbul ialah sama ada perkataan tersebut dipinjam secara keseluruhannya dengan membuat penyesuaian ejaan, atau mengambil sebahagian sahaja dan disesuaikan dengan pola yang ada dalam bahasa sasaran di samping penyesuaian fonologi. Penyesuaian fonologi perkataan pinjaman boleh ditakrifkan sebagai penyesuaian bunyi yang berlaku terhadap sesuatu perkataan yang dipinjam dari bahasa lain dengan mengubah bunyi tersebut mengikut peraturan bunyi yang ada di dalam bahasa sasaran. Weinreich (1957:1) menjelaskan bahawa penyesuaian fonologi istilah pinjaman melibatkan “cara seseorang penutur menerima dan menghasilkan bunyi-bunyi asing sesuatu bahasa di dalam bahasanya”.

Sebagai hasil pertembungan bahasa dan pinjaman leksikal khasnya yang bersabit dengan usaha pembinaan dan perancangan bahasa, sesuatu bahasa akan terdorong untuk meminjam perkataan-perkataan atau istilah-istilah daripada bahasa yang lain. Penutur-penutur bahasa penerima akan menyesuaikan sebutan perkataan pinjaman ini mengikut sistem bunyi bahasa mereka. Jadi kajian ini ingin melihat cara seseorang penutur atau pengguna bahasa Arab menerima dan menghasilkan bunyi-bunyi bahasa Inggeris di dalam bahasanya. Bahasa Arab umpamanya, membuat penyesuaian perkataan itu mengikut pola bahasa Arab. Contohnya perkataan *machine* dibentuk atas wazan (فَاعِلَةٌ) *cadre* dan perkataan (كَادِرٌ) dibina atas wazan (فَاعِلٌ). Apa yang dapat diperhatikan dalam pembentukan istilah masa kini ialah kecenderungan membentuk istilah menggunakan sistem fonologi dan morfologi bahasa Arab di samping penterjemahan terus. Contohnya perkataan (هيدروجين) *hydrogen* terus diterjemahkan dari perkataan bahasa Inggeris (*hydrogen*) dan disesuaikan dengan bunyi yang ada dalam bahasa Arab.

Justeru itu, kajian ini berusaha untuk menghuraikan dan merumuskan beberapa ciri tertentu yang terdapat dalam penyesuaian fonologi dan morfologi perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab dan ingin melihat sejauh manakah penyesuaian ini mengikut ciri atau sistem bahasa Arab itu sendiri. Selain itu, kajian ini juga ingin memperlihatkan sama ada terdapat suatu kaedah yang khusus di dalam pengambilan dan peminjaman perkataan bahasa Inggeris dalam bahasa Arab ataupun sekadar penterjemahan terus semata-mata.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini berhasrat untuk memenuhi tiga tujuan utama mengenai penyesuaian fonologi dan morfologi perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab, iaitu:

- (1) Mengenal pasti perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab.
- (2) Menganalisis proses yang berlaku dalam penyesuaian fonologi dan morfologi perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab.
- (2) Merumus bentuk-bentuk perubahan fonologi dan morfologi yang utama di dalam perkataan tersebut.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba memperlihatkan:

- 1) Apakah istilah-istilah pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab?
- 2) Bagaimanakah penyesuaian fonologi dan morfologi istilah pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab berlaku?
- 3) Apakah bentuk perubahan fonologi dan morfologi yang berlaku kepada istilah pinjaman bahasa Inggeris di dalam bahasa Arab?

1.4 Bidang Kajian

Kajian dalam bidang morfo-fonologi ini akan membahaskan konsep peminjaman secara umum dan peminjaman bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab secara khusus dengan menganalisis kosa kata tersebut dari aspek perubahan bunyi (fonologi) dan perubahan bentuk (morfologi). Jadi, kajian ini

melibatkan bidang morfo-fonologi sebagai bidang utama. Bidang ini dilihat lebih menjurus kepada bidang fonologi kerana melibatkan pengaruh sesuatu bunyi fonem apabila berdampingan dengan sesuatu fonem yang lain di dalam satu perkataan atau ungkapan.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini meneliti dan membahaskan perkataan-perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab dari aspek fonologi dan morfologi. Kajian aspek fonologi membincangkan perubahan-perubahan yang berlaku pada sesuatu huruf semasa digunakan dalam pelbagai keadaan sama ada di awal, tengah dan akhir perkataan dari kata asal ke dalam bahasa Arab. Manakala kajian dari aspek morfologi pula menganalisis perubahan morfologi yang berlaku di dalam penyesuaian pola perkataan pinjaman bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab.

Perkataan pinjaman yang akan dianalisis melibatkan perkataan kata nama dalam bidang sains dan teknologi yang diambil dari kamus bahasa Arab iaitu al-Mu‘jam al-Wasiṭ. Bidang ini dipilih kerana bidang ini dipelopori oleh pengkaji barat. Justeru, banyak perkataan daripada bidang ini tersebar dengan meluas dan digunakan di seluruh dunia. Perkataan pinjaman bahasa Inggeris di dalam kajian ini merupakan perkataan bahasa Inggeris yang terdapat di dalam kamus bahasa Inggeris “*Oxford Advanced Learner’s Dictionary of Current English*”.

Penumpuan kajian adalah kepada perkataan yang mempunyai bunyi yang tidak terdapat dalam bahasa Arab. Kajian ini membatasi penelitiannya terhadap beberapa ciri tertentu yang wujud dalam penyesuaian fonologi dan morfologi

perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab. Jadi, analisis data yang akan dibuat akan melihat sama ada perkataan pinjaman ini mengalami perubahan pada aspek fonologi sahaja, morfologi sahaja atau kedua-duanya sekali.

1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian kepustakaan. Kajian ini melibatkan data-data kualitatif iaitu data yang dianalisis dan diuraikan secara deskriptif atau penerangan. Data-data diperolehi dengan mengkaji karya para pengkaji silam dan moden yang berhubung dengan pinjaman asing dalam bahasa Arab. Pandangan ahli-ahli bahasa silam dan moden dikemukakan dalam kajian ini bagi mencapai satu pendapat yang bersesuaian dengan perkembangan zaman dan perubahan-perubahan yang mungkin berlaku kepada huruf dan seterusnya kepada sesuatu perkataan.

1.6.1 Prosedur Kajian

Kajian ini dibuat dengan mengeluarkan perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang terdapat dalam kamus bahasa Arab iaitu Al-Mu‘jam Al-Wasiṭ. Perkataan-perkataan ini kemudiannya diasingkan mengikut bidang yang telah dipilih iaitu istilah dari bidang sains dan teknologi. Perkataan-perkataan ini akan dianalisis dengan mentranskripsikannya dan membuat analisis perubahan yang berlaku dari bahasa asalnya iaitu bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab dari aspek penukaran bunyi dan perubahan dari segi morfologi.

1.6.2 Data Kajian

Sebanyak 70 perkataan telah dipilih sebagai data kajian. Data ini berpandukan data-data yang diperolehi daripada kamus bahasa Arab al-Mu‘jam al-Wasiṭ. Perkataan-perkataan ini merupakan perkataan yang dikenal pasti sebagai perkataan pinjaman dengan melihat kepada sebutan dan simbol yang terdapat pada perkataan tersebut. Simbol-simbol tersebut ialah (و), (مع) dan (مج). Simbol (و) merujuk kepada perkataan al-Dakhīl iaitu perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab tanpa sebarang perubahan seperti الْأَكْسِيْجِن (oksigen). Simbol (مع) merujuk kepada perkataan al-Mu‘arrab iaitu perkataan asing yang telah diubah oleh orang Arab dengan cara pengguguran, penambahan atau penggantian bunyi. Manakala simbol (مج) pula merujuk kepada perkataan yang telah ditetapkan oleh Dewan Bahasa Arab (جَمِيعُ الْلُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ). Perkataan bahasa Inggeris pula diambil daripada kamus “*Oxford Advanced Learner’s Dictionary of Current English*”. Kamus merupakan rujukan utama bagi mengenal pasti kesahihan sesuatu perkataan dan dapat membekalkan contoh-contoh yang diperlukan untuk menjelaskan isu-isu yang dibincangkan dalam kajian ini. Data-data yang terlibat ialah perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab yang kebanyakannya terdiri daripada perkataan moden.

1.6.3 Sumber Data

Data diperoleh dari sebuah kamus bahasa Arab, iaitu al-Mu‘jam al-Wasiṭ. Kamus ini merupakan kamus semasa di bawah kelolaan dan terbitan Dewan Bahasa Arab yang berpusat di Kaherah, Mesir. Kamus ini merupakan kamus jenis ekabahasa. Kata-kata (entri) yang dijelaskan dan penjelasannya adalah terdiri daripada bahasa yang sama. Kamus ini dilihat lebih sistematik dan berkaedah di dalam pengambilan dan penetapan sesuatu perkataan berbanding kamus ekabahasa bahasa Arab yang lain. Hal ini merupakan antara sebab utama pemilihannya

sebagai sumber data. Kamus ini mempunyai perbezaan yang jelas dengan kamus dwibahasa kerana penyusunan dibuat berasaskan pembuktian data korpus. Ini bermaksud takrifan makna ke atas kata-kata adalah berdasarkan makna yang diberikan dalam contoh ayat yang mengandungi kata-kata berkenaan.

1.6.3.1 Al-Mu‘jam al-Wasiṭ

Al-Mu‘jam al-Wasiṭ adalah kamus bahasa Arab tersohor yang dihasilkan Dewan Bahasa Arab di Kaherah. Edisi pertama telah dikeluarkan pada tahun 1960. Manakala edisi ketiga diterbitkan tahun 1998. Kamus ini merupakan hasil cetusan idea Muḥammad ‘Aliyy al-Aūban yang menjawat jawatan sebagai Menteri Pelajaran Mesir pada tahun 1936. Tujuan utamanya ialah bagi menghasilkan sebuah kamus bersaiz sederhana dalam memenuhi keperluan orang ramai khususnya pelajar peringkat menengah dan universiti selain penulis dan ilmuwan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan (Mustapha, 1999:6)

Kamus ini mengandungi sekitar 30000 entri asas yang juga dibantu dengan hampir 600 gambar rajah. Justeru, kamus ini adalah kamus bahasa Arab kedua selepas al-Munjid yang menggunakan gambar dan gambar rajah bagi membantu menerangkan makna entri (Muhammad Marwan & Wan Moharani : 2009:113). Ia terdiri daripada 1900 halaman dalam dua bahagian. Tertib susunan entri yang jelas, pembahagian entri dan susun aturnya serta persembahan entri dengan makna-maknanya yang tersusun rapi merupakan antara kelebihan utama kamus ini. Teknik cetakan moden menyebabkan entri dan maknanya dibezakan dengan jelas selain memudahkan proses pencarian.

Di samping itu, pemilihan utama kamus ini juga adalah kerana kamus ini merupakan kamus yang memuatkan perkataan-perkataan moden dan semasa. Menurut Radzuan (1999), al-Mu‘jam al-Wasiṭ merupakan kamus ekabahasa Arab yang pertama dilahirkan dan mengandungi dua ciri besar iaitu ianya sebagai sebuah kamus tradisi dan juga kamus semasa. Menurut Radzuan (1999), al-Mu‘jam al-Wasiṭ kurang memuatkan perkataan yang pupus dan agak jarang digunakan dalam pertuturan dan penulisan masa kini. Jadi, kamus ini merupakan kamus yang memuatkan perkataan-perkataan yang masih digunakan sehingga kini.

1.6.4 Analisis Data

Data akan dianalisis dengan melihat kepada proses penyesuaian fonologi dan perubahan morfologi yang berlaku dalam istilah pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab. Analisis dibuat dengan menyebut deskripsi setiap bunyi yang terlibat. Deskripsi bunyi-bunyi bahasa Arab dibuat dengan merujuk kepada buku *Al-Šawtiyyāt al-‘Arabiyyat*. Manakala deskripsi bunyi bahasa Inggeris dibuat dengan merujuk kepada buku *An Introduction To Language* edisi ke-7. Analisis adalah berdasarkan perubahan bunyi dan perubahan bentuk sesuatu perkataan mengikut tiga proses fonologi yang utama. Sama ada sesuatu perkataan itu mengalami proses penggantian bunyi baru, pengguguran atau penambahan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan dan merumuskan beberapa ciri penyesuaian fonologi kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab yang merupakan satu usaha untuk memperjelaskan lagi sistem bunyi dan fonologi

bahasa Arab. Dengan demikian, kajian ini boleh dianggap sebagai satu usaha untuk memenuhi kekosongan yang terdapat di dalam bidang kajian penyesuaian fonologi istilah pinjaman dalam bahasa Arab. Belum banyak kajian yang dibuat di dalam bidang fonologi dan fonetik bahasa Arab lebih-lebih lagi yang melibatkan bidang morfonologi bahasa Arab. Kajian ini penting bagi mendedahkan kepada para pencinta bahasa Arab bahawa bahasa Arab juga mempunyai proses fonologi dan morfologinya yang tersendiri iaitu melibatkan proses I'lāl dan Ibdāl dalam bahasa Arab secara istilah klasiknya dan melibatkan proses seperti asimilasi (المحاكاة), disimilasi (المحاكاة), pengguguran (الخنف) dan sebagainya secara istilah modennya.

Kajian ini juga dapat membantu para pengajar di dalam pengajaran mereka mengenai I'lāl dan Ibdāl dengan menggunakan contoh-contoh dari perkataan moden. Selain itu, kajian ini penting bagi mendedahkan kepada para pelajar dan para pengkaji bahasa Arab mengenai perkataan bahasa Inggeris yang sememangnya digunakan di dalam bahasa Arab. Hal ini sedikit sebanyak membantu mereka untuk menggunakan perkataan moden dengan pola dan ejaan yang betul. Kajian ini secara tidak langsung memperlihatkan perkembangan bidang morfonologi bahasa Arab yang seterusnya memperlihatkan perkembangan bahasa Arab itu sendiri yang berkembang seiring dengan perkembangan bahasa-bahasa lain di dunia.

1.8 Tinjauan Kajian Berkaitan

Beberapa kajian yang berkaitan dengan tajuk ini telah dijalankan. Penulisan yang berkaitan dengan peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Arab telah dibuat sama ada melalui penulisan buku-buku secara umum, penulisan buku-buku secara

khusus, penulisan tesis dan penulisan jurnal. Namun begitu, kajian tentang penyesuaian fonologi dan morfologi istilah pinjaman dalam bahasa Arab setakat ini belum lagi dibuat secara khusus.

Terdapat satu kajian yang mengkaji aspek fonologi istilah pinjaman bahasa Inggeris di dalam bahasa Melayu oleh penutur-penutur asli bahasa Melayu. Kajian ini telah dibuat oleh Tan Joo Seng (1991). Menurut Roslina (2005), aspek-aspek fonologi ini berhubung rapat juga dengan isu klasifikasi pinjaman, iaitu asimilasi lengkap, separa asimilasi, dan tanpa asimilasi termasuklah bentuk ortografi yang merangkumi diftong serta vokal. Contoh kajian yang lain, iaitu kajian yang dibuat oleh Ghazali (1973) dalam peristilahan bahasa Melayu. Beliau telah menyentuh pembentukan kata pinjaman yang memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu. Kajian ini mendapati bahawa kosa kata bahasa Melayu dapat dikembangkan melalui pelbagai cara dan salah satu caranya ialah melalui peminjaman kata.

Terdapat beberapa kajian yang berkaitan telah dibuat di dalam bidang bahasa Arab. Antara yang terawal ialah kajian yang bertajuk “ Pembentukan Kata Pinjaman dalam Bahasa Arab” oleh Wan Ibrahim Bin Haji Wan Mamat pada tahun 1995. Kajian ini memfokuskan kepada perbezaan kata pinjaman dengan unsur-unsur yang hampir sama dengannya sama ada dari segi nama atau bentuk serta menjelaskan cara-cara mengenali kata pinjaman dengan mengemukakan beberapa cara dan tanda bagi menentukan sama ada sesuatu perkataan itu perkataan pinjaman atau tidak. Pembentukan kata pinjaman ini lebih merujuk kepada pembentukan kata pinjaman kata-kata klasik yang kebanyakannya dipinjam dari bahasa klasik seperti bahasa Latin, bahasa Parsi dan sebagainya.

Kajian seterusnya ialah kajian yang bertajuk “Peminjaman Bahasa Asing Dalam Kamus Al-Misbāḥ Al-Munīr” oleh Abdul Rauf Bin Haji Hassan pada tahun 2002. Kajian ini memfokuskan kepada tiga konsep utama dalam peminjaman bahasa asing menurut filologi Arab, iaitu perkataan al-mu‘arrab, al-dakhīl dan al-muwallad. Selain itu, kajian ini juga membahaskan mengenai faktor-faktor berlakunya peminjaman asing dalam bahasa Arab dan membahaskan mengenai beberapa bahasa asing yang dipinjamkan ke dalam bahasa Arab. Kajian ini telah dirumuskan dengan mengkategorikan perkataan-perkataan asing yang terdapat dalam kamus al-Misbāḥ, al-Munīr dari tiga konsep utama tadi.

Selain itu, terdapat satu lagi kajian dalam bidang bahasa Arab yang bertajuk “Kata Pinjaman Bahasa Arab yang sama di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu: Satu kajian Makna” oleh Wan Salsa Bila pada tahun 2008. Kajian ini bertujuan mengkaji sudut makna leksikal pada kata pinjaman bahasa Arab yang sama di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Data diperolehi dengan menganalisa tiga buah kamus utama iaitu *al-Mu’jam al-Wasiṭ*, *Oxford Advanced Learner’s Dictionary of Current English* dan *Kamus Dewan*. Skop peminjaman ini dikhususkan berdasarkan ciri-ciri penyerapan di dalam bahasa Melayu di kenali ‘Kata Pinjaman Penyerapan, penyesuaian (*matching*) dalam bahasa Inggeris dan *al-ta’rīb* atau *al-tadkhīl* dalam bahasa Arab. Hasil kajian ini mendapati bahawa kata pinjaman bahasa Arab yang didapati sama di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama ialah kata pinjaman bahasa Arab yang sama di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang masih mengekalkan makna asal bahasa sumber. Kategori kedua ialah kata pinjaman bahasa Arab yang sama di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang mengalami perubahan makna sama ada kepada penyempitan, perluasan, tambahan atau penyimpangan makna.

Kesimpulannya, belum banyak kajian yang dibuat tentang analisis morfonologi peminjaman kata dalam bahasa Arab. Kajian-kajian yang ada hanya melihat aspek kata dalam peristilahan sepintas lalu sahaja. Selain itu kajian yang telah dibuat kebanyakannya mengkaji pengaruh bahasa Arab ke dalam bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Sedangkan kajian ini tertumpu kepada pengaruh bahasa asing iaitu bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab.

1.9 Rangka Kajian

Bab Satu: Bab ini akan mengemukakan perkara-perkara yang berkaitan dengan latar belakang kajian ini, iaitu penyataan masalah, objektif kajian, bidang kajian, batasan kajian, metodologi kajian dan kepentingan kajian.

Bab Dua: Bab ini akan menghuraikan landasan teori dan perkaedahan yang digunakan di dalam kajian ini yang melibatkan bidang Morfo-fonologi. Topik-topik seperti Fonetik, Fonologi dan Morfologi bahasa Arab akan dibincangkan di dalam bab ini. Bab ini juga akan membincangkan setiap proses yang berlaku di dalam bidang fonologi dan morfologi yang melibatkan proses I'lāl dan Ibdāl serta proses-proses seperti asimilasi, disimilasi, pengguguran fonem dan sebagainya.

Bab Tiga: Bab ini akan membincangkan mengenai konsep peminjaman asing menurut filologi Arab seperti al-Mu‘arrab, al-Dakhīl, dan al-Muwallad. Bab ini juga akan membicarakan mengenai kaedah peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Arab secara umum.

Bab Empat: Bab ini akan menyenaraikan perkataan pinjaman asing yang telah dikenalpasti dari kamus dan dianalisis berdasarkan perubahan fonologi dan morfologi yang berlaku.

Bab Lima: Bab ini akan membincarakan tentang rumusan dan kesimpulan daripada kajian yang dilakukan dan saranan-saranan yang sewajarnya dilakukan terhadap kajian yang seumpamanya sebagai sumbangan ke arah pemahaman dan pembelajaran bahasa Arab yang lebih baik, berkesan dan efektif.

1.10 Kesimpulan

Bab ini telah menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan latarbelakang kajian ini, yakni pernyataan masalah, tujuan kajian, data kajian, cara kajian dijalankan dan kepentingan kajian. Bab seterusnya akan memaparkan landasan teori yang digunakan di dalam kajian ini yang berkaitan dengan bidang morfo-fonologi.

BAB DUA

MORFO-FONOLOGI BAHASA ARAB

2.0 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan landasan teori dan perkaedahan yang digunakan di dalam kajian ini yang melibatkan bidang Morfofonologi. Topik-topik seperti Fonetik, Fonologi dan Morfologi bahasa Arab akan dibincangkan di dalam bab ini. Bab ini juga akan membincangkan setiap proses yang berlaku dalam fonologi dan morfologi yang melibatkan proses I'lāl dan Ibdāl serta proses-proses seperti asimilasi, disimilasi, pengguguran fonem dan sebagainya.

2.1 Fonetik Bahasa Arab

2.1.1 Definisi Fonetik

Fonetik secara umumnya ialah kajian bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan oleh manusia. Menurut Lutfi Abas (1992), fonetik ialah ilmu yang mempelajari segala bunyi yang diucapkan dalam atau melalui mulut manusia, baik bunyi bahasa, bunyi bukan bunyi bahasa, maupun bunyi marginal dan memberikan simbol fonetik untuk masing-masing bunyi. Kajian di bidang fonetik melibatkan beberapa aspek yang penting iaitu, aspek bagaimana bunyi-bunyi bahasa dihasilkan oleh organ sebutan, aspek bagaimana bunyi-bunyi itu dapat diklasifikasikan, aspek bagaimana setiap bunyi yang dikeluarkan oleh manusia itu berbeza antara satu sama lain dan kajian bagaimana pendengar dapat mengenali bunyi-bunyi yang dihasilkan oleh penutur lain.

Hal ini bertepatan dengan apa yang telah dijelaskan Bloomfield (1992) bahawa, fonetik adalah kajian yang mengkaji pertuturan tanpa merujuk kepada maknanya, mengkaji hanya pergerakan penutur melahirkan bunyi, gelombang bunyi, dan tindakan gegendang telinga pendengar.


2.1.1.1 Alat Artikulasi

Manusia tidak mempunyai alat khas untuk proses penyebutan sepetimana alat penglihatan dan alat pendengaran, tetapi, proses artikulasi melibatkan pelbagai organ badan yang mempunyai fungsi lain. Organ ini melibatkan paru-paru hingga ke bibir. Setiap organ mempunyai fungsinya yang asas iaitu sebagai organ pernafasan atau organ yang digunakan ketika makan. Fungsi artikulasi merupakan fungsi sekunder. Organ yang digunakan untuk menghasilkan bunyi ini dinamakan sebagai alat artikulasi ataupun alat ujaran.

Alat artikulasi manusia melibatkan paru-paru, tekak, dan pita suara, dan epiglotis, dan tekak, lidah, anak lidah, dan langit-langit, gusi, gigi, bibir, dan rongga mulut, dan hidung. Alat artikulasi dan daerah artikulasi dapat dilihat melalui gambar berikut:

Jadual 2.1: Alat Artikulasi

Rajah 2.1 : Alat Artikulasi



1.	Bibir atas	11.	Tengah lidah
2.	Bibir bawah	12.	Belakang lidah
3.	Gigi atas	13.	Akar lidah
4.	Gigi bawah	14.	Epiglotis
5.	Gusi	15.	Pita suara
6.	Lelangit keras	16.	Rongga tekak
7.	Lelangit lembut	17.	Rongga Hidung
8.	Anak tekak	18.	Rongga mulut
9.	Hujung lidah	19.	Rahang
10.	Hadapan lidah	20.	Tenggorok

2.1.1.2 Bunyi Bahasa Arab

Setiap bahasa mempunyai bunyi-bunyi bahasa yang spesifik. Spesifik di sini bermakna bunyi bahasa yang ada dalam satu bahasa belum tentu ada dalam bahasa lain. Oleh itu, ada kemungkinan bunyi sesuatu bahasa disesuaikan dengan bunyi bahasa lain yang hampir dengan bahasanya. Begitu juga dengan bahasa Arab yang mempunyai satu bunyi khas, iaitu bunyi dad [d] yang mewakili huruf (ض). Oleh karena itu, bangsa Arab dikenal dengan bangsa yang berbahasa (ḍād).

Sepertimana yang diketahui, bunyi bahasa dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu vokal dan konsonan berdasarkan cara sebutan. Bahasa Arab mempunyai sistem vokal yang terhad dan kaya dengan sistem konsonan.

2.1.1.2.1 Bunyi vokal

Bunyi vokal ialah bunyi yang dihasilkan tanpa sebarang sekatan pengaliran udara. Vokal dihasilkan dengan saluran suara yang agak terbuka. Semua bunyi vokal adalah bunyi bersuara. Terdapat enam fonem vokal asas dalam bahasa Arab, iaitu tiga vokal pendek dan tiga vokal panjang. Vokal di dalam bahasa Arab diwakili oleh baris-baris tertentu. Baris-baris vokal ialah:


- a) Baris Atas (Fathah) /-/ yang melambangkan bunyi [a] bagi vokal pendek.
Contoh: كَتَبَ [kataba]
- b) Baris atas (Fatḥah) /-/ yang diikuti huruf alif mati ՚/ melambangkan bunyi [a] bagi vokal panjang. Contoh: كَاتِبًا [kātābā]
- c) Baris depan (ḍommah) /-/- yang melambangkan bunyi [u] bagi vokal pendek.
Contoh: كُتُبٌ [kutubu]

- d) Baris depan (d̥ommah) /_-/ diikuti huruf wau mati / ڻ / melambangkan bunyi [u] bagi vokal panjang. Contoh: **ڪُتُبُ** [kūtūbū]
- e) Baris bawah (kasroh) /ـ/ yang melambangkan bunyi [i] bagi vokal pendek. Contoh: **ڪِتِبِ** [kitibī]
- f) Baris bawah (kasroh) /ـ/ diikuti huruf ya mati / ڦ/ melambangkan bunyi [i] bagi vokal panjang. Contoh: **ڪِتَبِيٰ** [kitibī]

Klasifikasi bunyi vokal ditentukan dengan kedudukan lidah, ketinggian lidah atau disebut sebagai saiz rongga mulut dan bentuk bibir. Kedudukan lidah semasa melafaz menentukan sama ada bunyi vokal yang dilafazkan tersebut adalah vokal depan, belakang atau tengah. Ketinggian lidah atau saiz rongga mulut menentukan sama ada bunyi yang dilafazkan itu merupakan vokal tinggi (sempit), vokal separuh tinggi (separuh sempit), vokal rendah (luas) dan vokal separuh rendah (separuh luas). Manakala bentuk bibir pula menentukan sama ada bunyi vokal itu disebut dalam keadaan bentuk bibir bundar atau tak bundar. Secara amnya, vokal bahasa Arab dapat dibahagikan kepada tiga bahagian berdasarkan tiga klasifikasi tadi iaitu:

Jadual 2.2: Jadual Vokal Bahasa Arab

KEDUDUKAN LIDAH	BENTUK BIBIR	KETINGGIAN LIDAH
Vokal depan: [i] / [i:]	Bibir bundar : [u]	Tinggi (Sempit): [i],[u]
Vokal tengah : [a] / [a:]	Bibir tak bundar: Hampar [i] Neutral [a]	Rendah (Luas) : [a]
Vokal belakang: [u] / [u:]		



Rajah 2.2: Vokal Bahasa Arab

Vokal Dalam Bahasa Arab

- a) Baris atas, tengah luas dan tak bundar (neutral) [̇]
- b) Baris bawah, depan sempit dan tak bundar (hampar) [̈]
- c) Baris depan. Belakang sempit dan bundar. [̉]

2.1.1.2.2 Bunyi Diftong

Vokal yang telah dibincangkan adalah bunyi tunggal dan disebut monoftong. Terdapat juga bunyi vokal yang datang dalam keadaan dua vokal iaitu vokal ganda atau disebut sebagai diftong. Untuk pembentukan diftong ini, alat artikulasi bermula dari kedudukan vokal yang pertama dengan pantas berpindah ke arah vokal kedua. Diftong tidak memperlihatkan pengekalan bunyi kepada satu bunyi vokal sahaja. Menurut Abdullah Hassan (2006), bunyi diftong adalah bunyi geluncuran. Bunyi ini dihasilkan dengan geluncuran dua bunyi vokal, iaitu dari satu bunyi vokal yang pertama menggeluncur ke bunyi vokal yang kedua. Ini bererti ada dua bunyi vokal yang dibunyikan secara berturut-turut. Bahasa Arab mempunyai dua bunyi diftong, iaitu [aj] yang dilambangkan dengan baris atas diikuti dengan huruf ya mati dan bunyi [aw] yang dilambangkan dengan baris atas diikuti dengan huruf wau mati. Contoh:

Diftong [aj]

كَجْ [kaj]

Diftong [aw]

لَوْ [law]

2.1.1.2.3 Bunyi konsonan

Konsonan ialah bunyi bahasa yang dihasilkan apabila penutur sama ada berhenti atau secara keras menyempitkan aliran udara dalam saluran suara, di samping mengkelaskannya sebagai tidak bersuara atau bersuara. Konsonan lazimnya diuraikan dari segi daerah artikulasi dan cara artikulasi (Adrian akmajian et al. (1990). Hal ini juga dijelaskan oleh Rahmat Sato (1996), yang menyatakan bahawa, konsonan digolongkan berdasarkan tiga kriteria iaitu, daerah sebutan, cara sebutan dan ada atau tiadanya getaran pita suara atau dikatakan juga bersuara dan tak bersuara.

Penghasilan bunyi konsonan adalah berlawanan dengan penghasilan bunyi vokal. Bunyi konsonan dihasilkan apabila berlakunya sekatan udara yang mengalir dalam saluran suara. Bunyi konsonan dihasilkan dengan saluran suara yang agak tertutup. Bunyi konsonan ada yang bersuara dan ada yang tak bersuara. Terdapat 28 fonem konsonan dalam bahasa Arab. Fonem-fonem tersebut ialah:

أ، ب، ت، ث، ج، ح، خ، د، ذ، ر، ز، س، ش، ص، ض، ط، ظ، ع، غ،

ف، ق، ك، ل، م، ن، و، ه، ي

Berdasarkan pengklasifikasian yang telah dibincangkan tadi, konsonan bahasa Arab dapat diuraikan seperti berikut:

1) Getaran pita suara

- Bunyi apabila pita suara bergetar : ب، ج، د، ذ، ر، ز، س، ش، ص، ض، ط، ظ، ع، غ، ل، م، ن، و، ي

- Bunyi apabila pita suara tak bergetar: ت، ث، ح، خ، ف، ق، ك، ه.

- Bunyi apabila pita suara bergetar dan tak bergetar : ء

2) Lokasi pengeluaran bunyi

- bibir : ب، م

- bibir gigi : ف

- Gigi : ث، ذ، ظ

- Gigi gusi : ت، د، ض، ط، ل، ن

- Gusi : ر، ز، س، ص
- Gusi lelangit keras : ج، ش
- Lelangit tengah : ي
- Lelangit lembut : خ، غ، ك، و
- Anak tekak : ف
- Pharyngeal : ح، ع
- Glotis/ Peti suara : ه، ئ

3) Cara menghasilkan bunyi/Sifat bunyi:

a) Letupan

Bunyi ini dihasilkan dengan menyekat saluran suara yang bersambung ke rongga hidung dengan menaikkan lelangit lembut serta menahan arus udara dalam rongga mulut, dengan sempurna, untuk seketika kemudian dilepaskan secara tiba-tiba. Sifat letupan yang di sisi ahli bahasa moden dilihat dari segi dentuman udara kuat yang dilepaskan oleh dua organ pertuturan sebaik sahaja bertemu rapat ketika penyebutan berlaku. Ianya dikenali sebagai infijariyy (*انفجاري*). Bunyi- bunyi letupan ialah [b] ب, [t] ت, [d] د, [k] ك, [Q] ق, [?] ئ, [t^δ] ط, [d^δ] ض.

b) Letusan

Menurut Abdullah Hassan (2007) bunyi ini dihasilkan dalam keadaan yang sama seperti bunyi letupan. Perbezaannya adalah bunyi ini dilepaskan secara perlahan-lahan sehingga terdengar bunyi geluncuran. Dalam keadaan ini lelangit lembut

dinaikkan dan pita suara bergetar dan tidak bergetar bagi menghasilkan bunyi bersuara dan tak bersuara. Bunyi letusan ialah [dʒ]

c) Sengauan

Apabila bunyi letupan diartikulasi, arus udara dihambat dengan sempurna untuk seketika di dalam rongga mulut. Tetapi apabila sekatan itu dilepaskan dengan menurunkan lelangit lembut, udara mengalir keluar ke rongga hidung terbuka. Bunyi sengauan ialah [m] dan [n] .

d) Geseran

Bunyi geseran diartikulasi dengan menyempitkan saluran suara, sehingga arus udara dihambat dan keluar bergeser. Bunyi-bunyi geseran ialah [F] , [θ] , [ð] , [s] , [z] , [ʃ] , [χ] , [v] , [h] , [f] , [h] , [ðˤ] dan [sˤ] .

e) Getaran

Bunyi getaran diartikulasi apabila arus udara yang kuat ditahan menggetarkan alat artikulasi secara berterusan dengan pantas. Bunyi getaran ialah [r] .

f) Sisian

Menurut Rahmat Sato (1998:60), bunyi sisian berlaku apabila lidah menyentuh daerah artikulasi (gigi atas, gusi, lelangit) dengan sempurna seperti artikulasi bunyi hentian dan bunyi sengauan serta menghambat arus udara di bahagian tengah lidah di sepanjang rongga mulut, maka udara mengalir keluar dari kedua-dua sisi lidah yang terbuka. Bunyi sisian ialah [l] .

g) Geluncuran

Apabila saluran udara disempitkan sehingga hampir tidak menyebabkan geseran udara, dan alat artikulasi tidak mengekalkan kedudukan kepada satu vokal yang

tertentu dan berpindah ke kedudukan vokal berikut dengan pantas. Bunyi ini ialah [j] ي dan [w] و.

Mengikut ahli bahasa silam, secara amnya dalam bahasa Arab terdapat 19 sifat yang mana sepuluh daripadanya adalah sifat-sifat yang berlawanan, manakala yang selebihnya tidak bercirikan berlawanan. Ahli bahasa moden mempunyai sedikit perbezaan dengan ahli bahasa silam dari segi istilah dan takrif. Walaupun begitu pandangan mereka tidak menyimpang jauh antara satu sama lain. Di sini diterangkan takrif sifat-sifat itu secara ringkas (Mohd Zaki Abd. Rahman, 2001:45-52):

1-Majhur

Sifat majhur bagi ahli bahasa moden dilihat dari segi pita suara yang terletak di tenggorok bergetar semasa penyebutan berlaku. Ahli bahasa silam melihatnya dari segi udara yang kuat digunakan dan nafas tersekat semasa penyebutan. Huruf majhur ialah : (و، م، ب، ذ، ظ، د، ط، ز، ل، ن، ر، ي، ض، ح، ق، ئ، غ، ع)

2- Mahmus

Sifat mahmus di sisi ahli bahasa moden dilihat dari segi pita suara yang terletak di tenggorok tidak bergetar semasa penyebutan berlaku. Ahli bahasa silam melihatnya dari segi tekanan udara yang agak lemah digunakan dan nafas tidak tersekat semasa penyebutan. Huruf mahmus ialah: (ت، ط، ص، س، ش، ك، ق، خ، ف، ث، ح، ه)

3- Neutral

Sifat neutral diperkenalkan oleh ahli bahasa moden bagi menyatakan sifat kepada Hamzah. Ia merujuk kepada keadaan kedua-dua pita suara yang bertemu rapat

dan menyekat laluan udara, kemudian melepaskannya dengan kuat sehingga berbunyi seperti letupan. Hurufnya ialah hamzah. (ء).

4-Letupan

Ahli bahasa moden melihat dari segi dentuman udara yang kuat dilepaskan oleh dua organ pertuturan sebaik sahaja bertemu rapat ketika penyebutan berlaku. Ia dipanggil infijāriyy (الْفِجَارِيَّ) dalam BA. Adapun ahli bahasa silam melihat dari segi suara yang tersekat semasa penyebutan dan member istilah syadid (شَادِيدٌ) kepadanya. Huruf yang bersifat letupan ialah:

(ب، ت، د، ط، ض، ج، ك، ق، ء).

5-Geseran

Sifat geseran berlaku bila dua organ pertuturan bertemu secara tidak rapat yang membolehkan udara melepassi celah kedua-dua dengan manghasilkan bunyi desiran (حَقْيَفٌ) akibat daripada pergeseran di antara udara dengan organ-organ tersebut. Sifat ini digelar iħtikākiyy (الْحِتِّكَاكِيَّ) dalam istilah moden dan rikhw (رِخْو) dalam istilah silam. Huruf geseran ialah: (ه، خ، ش، ح، غ، ض، ن، ز، س، ص، ظ، ذ، ث، ف).

6-Geluncur

Sifat ini berlaku bila udara dilepaskan secara perlahan semasa penyebutan tanpa mengeluarkan bunyi desiran atau udara yang tersekat di makhraj keluar semula di tempat yang sama beberapa kali seperti yang terjadi semasa menyebut lām, mīm. Ia digelar mā'i' (مَائِعٌ) dalam istilah moden dan mutawassit (مُتَوَسِّطٌ) dalam istilah silam. Huruf geluncur ialah (ع، و، ي، ر، ن، ل، م).

7-Menurun

Sifat ini merujuk kepada keadaan tengah dan pangkal lidah yang duduk mendatar di dasar mulut semasa penyebutan berlaku. Ia dipanggil *istifāl* (استفال) dalam bahasa Arab. Huruf yang bersifat menurun ialah (ه، ع، ح، ك، و، ج، ش، ي، ر، ل، ز، س، ت، د، ذ، ث، ف، ب، م، ف).

8-Menaik

Ia merujuk kepada kedudukan bahagian belakang lidah yang terangkat ke arah lelangit dan bahagian hadapannya mendatar ketika penyebutan. Sifat ini dipanggil *isti'lā* (استعلاء) dalam BA. Huruf-hurufnya ialah : (غ، خ، ق، ض، ص، ط، ظ).

9-Itbāq

Sifat *Itbāq* ialah suatu keadaan di mana belakang lidah terangkat ke arah lelangit, bahagian tengah lidah menurun dan bahagian depannya menaik ke kawasan gusi. Sifat ini adalah khusus bagi empat huruf iaitu ط، ض، ص and ظ. Ia disebut *itbāq* (إطباق) dalam BA.

10-Infitāḥ

Sifat ini bermaksud lidah tidak berkeadaan melengkung seperti ketika menyebut fonem yang bersifat *itbāq*. Dalam BA ia disebut *infitāḥ* (انفتح) yang bermakna ‘terbuka’. Hurufnya ialah selain daripada huruf *itbāq* iaitu : (ه، ع، ح، غ، خ، ذ، ق، ك، و، ج، ش، ي، ر، ن، ل، ز، س، ت، د، ث، ف، ب، م، و).

11-Dhalāqat

Sifat kepada fonem-fonem yang dianggap paling ringan penyebutannya. Ia terdiri daripada 6 huruf. Dalam bahasa Arab disebut *dhalāqat* (ذلقة). Huruf *dhalāqah* ialah (ر، ن، ل، ف، ب، م).

12-Iṣmāt

Sifat iṣmāt merupakan sifat yang dikira berat dari segi penyebutan. Jadi setiap perkataan Arab tidak boleh dibina hanya dengan fonem iṣmāt, bahkan ianya hendaklah diselangi dengan mana-mana huruf yang bersifat ringan. Dalam bahasa Arab disebut iṣmāt (إِسْمَاتٌ). Huruf-huruf iṣmāt ialah: (ك، خ، ق، ح، ع، ه). Huruf-huruf iṣmāt ialah: (و، ج، ش، ي، ض، ز، س، ص، ط، د، ت، ظ، ذ، ث، و).

13-Lantunan

Sifat lantunan dipanggil qalqalah (قَلْقَالَةٌ) dalam BA. Lantunan terjadi semasa penyebutan fonem bersifat majhur dan letupan, di mana penyebutan baris matinya akan disusuli oleh bunyi vokal yang ringan dan udara menjadi bergelombang dengan kuat. Huruf-hurufnya ialah: (ق، ج، ط، ب، د).

14-Desis

Sifat ini merujuk kepada udara yang tertekan keluar dengan laju melalui laluan sempit di antara dua organ pertuturan. Ianya digelar ṣāfir (صَافِرٌ). Huruf-hurufnya ialah : (ش، ز، س، ص).

15-Sengauan

Sengauan berlaku semasa penyebutan fonem mengeluarkan udara melalui rongga hidung. Dalam BA sifat ini dipanggil ghunna (غُنْنَةٌ). Huruf yang tergolong dalam sifat ini ialah nūn ڻ dan mīm ڻ.

16-Letusan / Afrikat

Sifat ini disebut ta'ṭīsh (تَطَيِّشٌ) dalam BA. Ia merupakan cantuman letupan-geseran. Sebutannya bermula dengan letupan dan berakhir dengan geseran. Timbulnya keadaan sedemikian disebabkan perpisahan di antara dua organ yang menghasilkan letupan semasa penyebutan (iaitu bagi huruf ج adalah lebih lambat,

jika dibandingkan dengan semasa penyebutan huruf-huruf bersifat letupan yang lain.

17-Berhamburan

Sifat berhamburan adalah khusus untuk shīn ش. Ia dipanggil tafashshī (تَفَشِّي) dalam BA. Semasa penyebutan fonem ini, lidah melebar dan terangkat ke arah langit yang menyebabkan udara terpancar serta mengeluarkan bunyi desis.

18-Berulang /Getaran

Sifat berulang ini khusus untuk fonem Rā' ر. Ia bermaksud bahagian depan lidah bergetar semasa penyebutan dengan membuat paluan bertalu-talu ke arah langit yang menyebabkan udara terpancar luas serta mengeluarkan bunyi desis.

19-Melencung /sisipan

Melencung atau inḥirāf (الْخَرَاف) dalam bahasa Arab ialah sifat khusus bagi Lām ل [l]. Semasa menyebut lām, udara yang menghadapi gangguan di permukaan lidah, keluar melencung melalui tepi lidah.

Selain itu, huruf-huruf ini mempunyai di antara lima hingga tujuh sifat. Semakin banyak sifat dimiliki oleh sesuatu huruf, semakin jelas sebutannya dan semakin mudah dikenali oleh pendengar (Mohd Zaki, 2002:22).

Oleh kerana penulis akan melihat perubahan yang berlaku di antara bahasa Inggeris dan bahasa Arab, penulis ingin menerangkan mengenai huruf-huruf dalam bahasa Arab yang tidak ada persamaannya dengan huruf rumi. Menurut Sulaymān Yāqūtiy (1983:18) dalam Anas (2004:65):

إِنَّ فِي الْعَرَبِيَّةِ حُرُوفًا لَا نَظِيرَ لَهَا فِي الْأَنْجَلِيَّةِ كَلْخَاءُ الَّتِي يُنْطِفُهَا الْأَنْجَلِيَّيُّ هَاءُ وَالْحَاءُ الَّتِي يُنْطِفُهَا كَافٌ فِيهَا إِسْمَاعِيلْ بَسِينْتُ مِنَ الْخَاءِ وَكَذَلِكَ حُرْفُ الضَّادِ لَا وُجُودَ لَهُ فِي الْأَنْجَلِيَّةِ.

Maksudnya: Dalam bahasa Arab terdapat huruf-huruf yang tidak terdapat persamaannya dalam bahasa Inggeris. Huruf-huruf tersebut ialah khā' خ yang disebutkan oleh orang Inggeris ha', dan ḥā' ح yang disebutkan oleh orang Inggeris seperti mereka menyebutkan huruf kāf ك dengan mendekati sedikit isymām dari khā' خ begitu juga huruf ḍād ض tidak terdapat dalam bahasa Inggeris. Hal ini mempengaruhi keadaan perkataan asing apabila digunakan di dalam bahasa Arab.

Berdasarkan kenyataan di atas, orang yang tidak berbahasa Arab, apabila mereka mempelajari bahasa Arab, maka salah satu hal yang diperhatikan ialah mengenali ciri-ciri huruf bahasa Arab dan sebutannya. Ini sangat penting, kerana beberapa sebutan huruf dalam bahasa tersebut tidak terdapat persamaannya dengan huruf-huruf bahasa lain. Kadang-kadang penutur asing tidak dapat membezakan penyebutan dua huruf tā' ت dan ṭā' ط seperti perkataan طوينل, mereka menyebutkan توينل, padahal yang dimaksud ialah طوينل (panjang). Kekeliruan sebegini terjadi kerana huruf ط (ṭā') tidak terdapat dalam bahasa Melayu misalnya. Fenomena ini sering berlaku di kalangan mereka yang tidak berbahasa Arab sewaktu membaca atau menuturkan bahasa Arab. Begitu juga orang Arab ketika menyebutkan perkataan yang diawali dengan huruf (p) seperti pasir, mereka akan menyebut " basir " kerana dalam bahasa Arab tidak ada huruf (p) yang lebih dekat dengan huruf itu adalah ba ب dalam BA.

2.1.2 Definisi Fonologi

Menurut Ibrāhim Khalīl (2007), fonologi atau dalam bahasa Arabnya disebut ‘ilmu aşwāṭ ważīfiy (علم الأصوات الوظيفي) adalah ilmu yang membincangkan mengenai ciri-ciri dan sifat-sifat bunyi, serta segala perubahan yang berlaku kepada bunyi itu ketika digunakan dalam percakapan. Selain itu, ia menerangkan tentang perubahan yang menyebabkan sifatnya yang asal dihilangkan dan memperoleh sifat baru dari bunyi yang berdekatan dengannya. Contohnya huruf ṣīn س akan disebut secara tebal sekiranya berada berdekatan dengan bunyi yang bersifat tebal seperti ṭā’ atau dengan huruf yang bersifat tebal yang lain seperti dalam perkataan سطح و سطبل dan يسطح yang akan disebut sebagai سطبل و يسطح. Hal ini berbeza dengan ilmu fonetik yang hanya membincangkan mengenai cara penghasilan sesuatu bunyi di dalam bahasa. Contohnya, huruf konsonan ṣīn س merupakan bunyi geseran gusi gigi.

Fonologi merupakan bidang linguistik yang mengkaji sistem dan corak bunyi yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Fonologi ialah subbidang linguistik yang mengkaji struktur dan pola sistematik bunyi dalam bahasa manusia. (Adrian Akmajian et al., 1990). Hal ini menunjukkan, fonologi merupakan kajian sistem bunyi sesuatu bahasa yang melibatkan bidang fonetik sebagai bidang asas. Jadi fonetik merupakan sebahagian bidang fonologi.

2.1.2.1 Suku Kata Bahasa Arab

Menurut Manṣūr al-Ghāmidīy (2000), suku kata bahasa Arab terdiri daripada salah satu suku kata berikut:

1) Konsonan + vokal pendek (kv)

Contoh: kataba كَتَبَ

2) Konsonan + vokal panjang (kv:)

Contoh: qāmā قَامَا

3) Konsonan + vokal pendek + konsonan (kvk)

Contoh: māktab مَكْتَبٌ

4) Konsonan + vokal panjang + konsonan (kv:k)

Contoh: sād سَادٌ

5) Konsonan + diftong + konsonan (kvvk)

Contoh: qaūm قَوْمٌ

6) Konsonan + vokal pendek + konsonan + konsonan (kvkk)

Contoh: ‘add عَدَدٌ

Pembahagian suku kata bahasa Arab ini bergantung kepada beberapa syarat iaitu:

- Setiap suku kata mestilah terdiri daripada bunyi vokal
- Setiap suku kata mestilah dimulakan dengan satu bunyi konsonan
- Suku kata ini boleh menjadi suku kata terbuka (diakhiri oleh bunyi vokal) atau suku kata tertutup (diakhiri oleh bunyi konsonan).

2.1.2.2 Proses Fonologi Bahasa Arab

Setiap bunyi mempunyai sifatnya tersendiri yang membezakannya dengan bunyi-bunyi yang lain. Hal ini kerana apabila sesuatu bunyi itu hadir di dalam konteks sesuatu bunyi ia akan memperoleh sifat-sifat baru disebabkan pengaruh bunyi yang berdekatan. Apabila bunyi-bunyi hadir berhampiran di dalam satu perkataan atau di dalam sesuatu percakapan sifat-sifatnya berkemungkinan akan berubah sama ada berlaku perubahan secara keseluruhan ataupun perubahan secara sebahagian. Ianya bergantung kepada sifat atau ciri bunyi yang berhampiran dengannya. Perubahan ini kadang-kadang menyebabkan pertambahan, pembuangan, pemerolehan sifat baru, ataupun penyesuaian di antara bunyi. Antara sebab terpenting perubahan ini adalah bagi memudahkan sebutan bunyi dan penyesuaian bunyi.

Menurut Mohd. Zaki (2007), penyesuaian bunyi selalunya terhasil daripada proses penghampiran bunyi atau dikenali juga sebagai Asimilasi dan kadang-kadang terhasil daripada proses kelainan bunyi atau dikenali juga sebagai Disimilasi. Disimilasi ini kadang-kadang berlaku dengan penukaran salah satu bunyi sama yang datang berturutan kepada bunyi lain bagi meringankan penyeputan. Contohnya: Perkataan *الْمُؤْمِنُ* diubah menjadi *أَمْلَى* dan *الْمُؤْمِنَةُ* diubah menjadi *أَمْلَى*. Iaitu menukar bunyi konsonan yang kedua kepada bunyi vokal. Ini merupakan contoh dari bahasa yang sama. Penyesuaian bunyi atau penyesuaian fonologi ini juga berlaku terhadap perkataan asing yang digunakan di dalam sesuatu bahasa. Contohnya: Perkataan *April* dalam bahasa Inggeris diubah menjadi *إِبْرَيلٌ* apabila digunakan dalam bahasa Arab dengan menggantikan fonem /p/ kepada fonem *بـ* /b/. Hal ini kerana fonem /p/ tidak wujud di dalam fonologi bahasa Arab.

Fenomena penyesuaian bunyi adalah fenomena yang berlaku hasil daripada pertembungan bunyi di dalam sesuatu konteks dan pengaruh bunyi itu di antara satu sama lain. Hal ini membezakan penyusunan huruf yang membentuk perkataan bahasa Arab di dalam bentuk lafaz asal. Contohnya perkataan *تَنْصُّصٌ* telah bertukar menjadi *تَنْصُّصٍ* iaitu berbeza dari perkataan asalnya yang di akhirnya adalah fonem *ص*. Perubahan bunyi yang paling penting berlaku adalah disebabkan peraturan bunyi (persekitaran bunyi).

Fenomena bunyi yang sering berlaku adalah fenomena Asimilasi dan Disimilasi. Kedua-dua fenomena ini merupakan fenomena bahasa yang berlaku bagi menyelaraskan sebutan huruf bagi memudahkan dan meringankan proses penyebutan. Kedua-duanya melibatkan aspek fonologi yang membincangkan sistem bunyi di dalam sesuatu bahasa. Kedua-dua proses ini merupakan proses penyesuaian yang berlaku di antara huruf (fonem) yang berdekatan makhraj (titik artikulasi) atau sifat apabila ia berada secara berdampingan dalam satu perkataan ataupun di antara dua perkataan. Penyesuaian dibuat dengan mewujudkan keserasian dan keharmonian bagi memudahkan dan meringankan sebutan. Oleh itu, perubahan yang berlaku adalah melibatkan perubahan pada peringkat pertuturan yang berkait rapat dengan analisis fonologi tanpa melibatkan aspek lain seperti aspek morfologi, sintaksis, semantik dan balaghah.

2.1.2.2.1 Asimilasi (*الْمُمَاثِلَاتُ*)

Menurut ‘Abd. al-Fattāḥ dalam Mohd. Zaki (2007), Asimilasi (*al-Mumāthalat*) bermaksud penyesuaian yang berlaku di antara dua huruf yang berdekatan, dengan salah satunya diabaikan bagi mewujudkan keharmonian dalam penyebutan.

Ulama bahasa Arab terdahulu sangat memberi perhatian terhadap fenomena bahasa ini. Sesetengah mereka membincangkan fenomena ini dengan begitu terperinci. Pelbagai istilah yang digunakan merujuk kepada fenomena ini. Antaranya ialah “al-Idghām al-Juz’īyy”, al-Ta‘rīb”, “al-Badal” “al-Ibdāl”, “al-Qalb” ataupun “al-Iqlāb”. Menurut Ibrāhīm Khalīl (2007), tujuan Asimilasi ini adalah untuk mengekalkan lidah dalam satu bentuk. Sepertimana telah dijelaskan oleh Sibawaih, fenomena ini dinamakan “al-Mudhāra‘ah” iaitu “persamaan” dalam perbincangannya mengenai bab huruf yang disamakan dengan huruf dari makhraj yang sama atau dinamakan “al-Taqrīb” kerana mendekatkan satu huruf dengan huruf yang hampir makhrajnya seperti mendekatkan huruf šād dan zāi supaya mengurangkan jurang perbezaan antara gandingan huruf yang berdekatan makhraj ataupun sifatnya serta memudahkan proses penyebutan dan menjimatkan tenaga penutur. Hal ini dibincangkan dengan lebih luas oleh para ulama di dalam bab Idghām.

Ulama terdahulu telah memperkenalkan fenomena ini. Mereka juga menggunakan istilah penghampiran bunyi, dan juga membincangkan fenomena ini dalam bab Idghām dan juga di dalam kajian al-Ibdāl dan al-Iqlāb. Ulama moden menamakannya dengan istilah “Mumāsalāt” iaitu Asimilasi. Antara jenis-jenis Asimilasi dalam bahasa Arab adalah:

1- Asimilasi bunyi bersuara dengan bunyi tak bersuara

Sepertimana dalam perkataan ازدهى، ادعى، أزيوع، مزدر، مزدق . Di dalam perkataan-perkataan ini telah bertukar huruf tā’, śīn dan šād yang merupakan huruf tak bersuara kepada huruf bersuara disebabkan kewujudan huruf-huruf ini

sebelum huruf-huruf bersuara iaitu huruf dāl, bā' atau wujudnya selepas huruf bersuara iaitu huruf zāy dalam perkataan ازدهى. Perkataan ini berasal dari ازتهى.

2- Asimilasi bunyi nipis (muraqqiq) dengan bunyi tebal (mufakhkham).

Seperti dalam perkataan اضطراب، واطرد، واصطلي، واظطلم. Di dalam perkataan-perkataan ini huruf ta' yang merupakan bunyi nipis ditukar dengan bunyi tebal kerana ia wujud selepas huruf qād, tā', ḥād, dan dhā' yang semuanya bersifat tebal.

3- Asimilasi bunyi sengauan bersama bunyi bibir

Seperti dalam perkataan-perkataan ماء، ونبعد. Asal kedua-duanya adalah daripada perkataan من ما ومن بعد. Huruf nūn iaitu huruf sengau menjadi huruf bibir – huruf yang paling hampir dengan mīm adalah huruf bā' yang merupakan bunyi bibir. Pada contoh kedua, من بعد bunyi /n/ telah bertukar kepada bunyi /m/ bukannya bunyi /b/. Apa yang perlu diingat adalah bunyi sengau bagi fonem mim adalah sifat kedua, manakala bunyi sengau bagi fonem nūn adalah sifat utama.

Proses penghampiran bunyi ini berlaku dari satu bunyi lain disebabkan pengaruh salah satu bunyi kepada bunyi yang lain yang membawa kepada bunyi yang sama ataupun bunyi yang hampir sama. Ianya juga dikenali dengan nama al-mumāsalat (المماثلة) dan juga sering disebut sebagai al-Idghām (الإدغام). Penghampiran satu bunyi kepada satu bunyi yang lain, kadang-kadang hanya melibatkan penghampiran yang sikit dan tidak menyeluruh. Ianya dinamakan “Idghām Aṣghar” (الإدغام الأصغر). Hal ini berlaku dalam salah satu keadaan di bawah:

1-Salah satu dari dua bunyi huruf berubah menjadi bunyi ketiga yang mempunyai makhraj dan sifat yang sama. Contohnya ialah perkataan أَنْبَاءٌ and أَصْنَابٌ.

أَنْبَاءٌ — ►أَمْبَاءٌ

Bunyi nūn dihampirkan dengan bunyi mīm yang merupakan huruf bibir seperti huruf bā'.

اصْطَهْرٌ — ►اَصْطَهْرٌ

Bunyi ta ditukarkan dengan huruf ṣād menjadi huruf ṭā' yang bersifat iṭbāq seperti huruf ṣād.

2-Bertukar salah satunya kepada bunyi dari jenis yang lain, akan tetapi tidak mempengaruhinya secara keseluruhan, bahkan beberapa sifatnya masih kekal.

Contohnya kekalnya bunyi ghonnat "من واق" : (الغنة) "من يهد الله"

Kekalnya bunyi iṭbāq "أَحْتَ" : (الإِطْبَاق)

Kekalnya bunyi isti'lā' (الاستعلاء) "أَلَمْ نَخْلُكُمْ" :

Kadang-kadang juga melibatkan penghampiran yang sempurna. Ianya dinamakan sebagai Idghām Akbar (الإِدْغَامُ الْأَكْبَرُ). Ia berlaku dengan melibatkan penghampiran dari aspek makhraj dan sifatnya serentak. Contohnya:

(من رأى — ►مرأى)

Bunyi fonem nūn disesuaikan dengan fonem rā', maka terjadilah bunyi nūn itu seperti bunyi rā'. Sebab proses ini terjadi memerlukan kepada penerangan yang terperinci. Penulis akan cuba menerangkannya dalam jadual di bawah.

2.3 : Jadual Idghām Akbar

Contoh	المقترب	المقترب مـهـ	Hasil	Sebab
أَنْبَاءُ	nūn	bā'	mīm	bā'
اصْطَبِرْ	ṭā'	ṣād	tā'	shīn
الشَّمْسُ	lām	shīn	shīn	shīn

Apabila ulama silam telah mula membincangkan fenomena ini yang mana bertujuan untuk mengurangkan tenaga penutur menyebut bunyi dan memudahkan penyesuaian antara bunyi, pada masa yang sama, mereka juga telah mengkaji tentang cara untuk menjaga pengaruh fenomena ini terhadap bunyi. Terutamanya di kalangan ulamak qiraat dan tajwid yang memberi amaran kepada orang ramai supaya tidak menyebut bunyi dengan pengaruh bunyi yang berhampirannya. Dalam perkara ini, Ibnu Jazari telah mengetengahkan perkara ini di dalam bukunya yang bertajuk (النشر في القراءات العشر) sebagai ingatan supaya tidak berlaku fenomena ini yang dianggapnya satu kesalahan dan memberi kesan kepada makna. Umpamanya huruf jīm di dalam perkataan (جـمـعـ) kadang-kadang disebut dengan pengaruh bunyi huruf tā' selepasnya yang bersifat mahmus.

Manakala Para ulama moden pula telah memberi perhatian terhadap fenomena ini dengan kajian dan analisis bagi menjelaskan jenis pengaruh, tahap dan gambaran yang berlaku. Fenomena ini kadangkala berlaku di antara dua sifat bunyi iaitu

letupan dan letusan. Salah satu dari keduanya mempengaruhi satu yang lain sepermata contoh sebelum ini. Di dalam bahasa Arab, sering berlaku fenomena ini di mana huruf *jīm* yang bersifat majhur dipengaruhi oleh huruf *tā'* yang bersifat mahmus. Maka timbulah perkataan seperti (كَسْع), dengan huruf *kāf* menggantikan huruf *jīm*.

Kadang-kadang juga berlaku pengaruh di antara bunyi letupan dan geseran. Keduanya mempengaruhi antara satu sama lain sehingga ke tahap Idghām. Seperti huruf *dāl* dan huruf *dhāl* dalam ayat – (قد ذكرك أخوك بغير) – “*qad zakaraka akhūka bikhair*”. Apabila kita menyebut ayat ini, kita akan menyebut dengan pengaruh bunyi *dhāl* yang bersifat geseran ke atas huruf *dāl* yang bersifat letupan menjadi seperti bunyinya. Pengaruh bunyi *dhāl* telah menghilangkan bunyi *dāl* menjadi (قد ذكرك أخوك) – *qazzakaruka akhūka*.

Di sini jelas kepada kita bahawa fenomena Asimilasi ini banyak berlaku di dalam bahasa Arab dan dialek-dialek bahasa Arab klasik begitu juga moden sehingga tidak dapat dihitung. Begitu juga di dalam bacaan al-Quran. Para ulamak qiraat telah banyak memberi sumbangan di dalam menetapkan dan menghadkan penerimaan fenomena ini di dalam bacaan al-Quran. Khususnya di dalam hukum Idghām di mana ianya merupakan sebaik-baik contoh bagi fenomena ini di dalam bahasa Arab.

2.1.2.2 Disimilasi (المُخالفة)

Disimilasi (*al-Mukhālafat*) pula ditakrifkan sebagai proses penukaran sesuatu huruf kepada huruf lain dalam perkataan yang mengandungi huruf-huruf

berturutan yang serupa. Iaitu proses ke arah mewujudkan perbezaan kepada dua bunyi berdekatan yang sama. Hal ini kerana dalam sesetengah keadaan dua huruf atau lebih yang serupa atau hampir sama apabila berturutan mungkin menimbulkan sedikit rasa berat kepada penutur. Maka salah satu daripadanya ditukar dengan huruf yang lain bagi mengelak kesulitan dalam penyebutan sesuatu perkataan. Contohnya ialah perkataan (ظنت) dan (تَعْصِيَت):

- Perkataan (ظنت) mempunyai sedikit kesulitan untuk menyebutnya disebabkan berlaku perhimpunan huruf nūn di dalam perkataan tersebut. Bagi mengelak dari hal itu, huruf nūn yang ketiga telah ditukar dengan huruf yā' menjadi perkataan (تَعْصِيَت). Perbezaan di antara huruf yā' dan nūn adalah jelas.
- Perkataan (تَعْصِيَت) juga mempunyai perhimpunan dua huruf yang sama iaitu dua huruf šād. Hal ini juga memberi kesulitan untuk menyebutnya. Bagi mengelak hal ini, huruf šād yang kedua telah ditukar kepada huruf yā' seperti contoh pertama. Jadi, perkataan ini menjadi (تَعْصِيَت). Terdapat perbezaan yang jelas di antara huruf šād dan huruf yā'.

Berdasarkan penerangan yang diberikan, telah jelas kepada kita bahawa bunyi bahasa terutamanya bahasa Arab mengalami perkembangan dan perubahan berdasarkan pengaruh untuk bersederhana dalam menggunakan tenaga ketika menyebut sesuatu, di samping menjaga prinsip penyebutan dengan mudah. Hal ini berlaku melalui dua cara iaitu secara Asimilasi dan secara Disimilasi.

2.1.2.2.3 Pembalikan Konsonan (القلب المكاني)

Menurut Alīy Jābir dan ‘Alā’ Hashim (2002), al-Qalbu dapat dibahagikan kepada dua jenis. Pertamanya ialah al-Qalb al-I'lāliy dan yang kedua adalah al-Qalb al-Makāniy. Al-Qalbu al-I'lāliy ialah pertukaran yang berlaku pada satu huruf di dalam sesuatu perkataan kepada huruf yang lain disebabkan barisnya. Contohnya menukar fonem wāw dan fonem yā' kepada alif dalam perkataan *جَلَّ* asalnya alif ialah wāw *فَعْلٌ*. Disebabkan baris sebelumnya adalah fathah, maka ia perlu ditukar kepada fonem alīf. Manakala al-Qalb al-Makāniy berlaku dengan mendepankan atau mengakhirkan satu fonem dari fonem-fonem yang lain di dalam sesuatu perkataan yang menyebabkan perubahan pada urutan fonem dalam satu perkataan. Berlaku perubahan pada kedudukan sesuatu fonem di dalam perkataan sama ada diubah ke hadapan ataupun diubah ke belakang dengan cara mengekalkan fonem tersebut dan mengekalkan makna perkataan itu. Hal ini selalunya terjadi pada kata Kerja Mu'tal dan kata Kerja Mahmūz. Al-Qalbu al-Makāniy berlaku pada wazan atau *(فعَلٌ)* atau *(فَعَلٌ)*. Contohnya perkataan *نَاعٍ = فَاعِلٌ*.

Menurut Ibrāhīm Khalīl (2007), fenomena ini banyak berlaku di dalam bahasa dialek dan terdapat di dalam bahasa baku. Sebagai contoh, penduduk negeri Syam menyebut perkataan *أَعْلَى* 'ā'ilīy yang merujuk kepada *(عَالِيٰ)*. Mereka telah menukar kedudukan fonem 'ain dan hamzah di dalam perkataan yang dirujuk. Contoh lain ialah perkataan *(مَعَة)* sejenis alat yang digunakan untuk makan iaitu sudu. Perkataan asalnya ialah *(مَعَة)* kerana kata kerja asalnya ialah *أَعْقَى*. Apabila dibentuk menjadi isim alat (kata nama objek) *سُمْسُمٌ*/ia perlu menggunakan wazan *مُفْعَلٌ* jadi sepatutnya menjadi *(مَفْعَلٌ)* seperti yang telah disebut. Proses ini juga berlaku dengan mendepankan sesuatu fonem dari yang lain. Contohnya : طَحْرٌ *and* طَحْرٌ yang memberi makna yang sama. Begitu juga

dengan perkataan جب و جنب. Proses ini juga melibatkan pertukaran kedudukan baris sukun dan baris lain di dalam sesuatu perkataan. Misalnya perkataan بَكِيرٌ وَهِنَاءُ merupakan perkataan-perkataan yang asalnya adalah berbaris sukun di tengah dan fonem seterusnya berbaris. Perubahan di sini dikira sebagai Disimilasi kerana mengelak dari berlaku urutan dua huruf yang berbaris sukun.

Di dalam bahasa lain, proses ini juga berlaku. Proses ini dinamakan *inversion* sekiranya perubahan dan pertukaran kedudukan sesuatu fonem itu berlaku di antara fonem yang hampir. Sekiranya proses ini berlaku di antara fonem yang berjauhan ia dinamakan sebagai *methathesis*. Antara contoh yang paling jelas ialah perkataan dari bahasa Sepanyol *flaira* yang asalnya adalah *frail*.

2.1.2.2.4 Penggandaan Konsonan (**التضعيف**)

Seringkali kita menjumpai dua bunyi yang serupa di dalam satu juzuk kata, salah satunya terletak pada akhir perkataan, manakala yang satu lagi terletak di permulaan perkataan yang selepasnya. Oleh itu, jadilah dua bunyi ini seperti satu bunyi. Sarjana terdahulu telah menjelaskan perkara ini sebagai dua huruf akan menjadi satu huruf yang mempunyai tekanan dan mengangkat lidah ketika menyebutnya dengan satu gerakan. Contohnya:

"لَمْ يَقِنْ فِكْرِي عَلَى حَقِيقَةِ الْمُوْضُوعِ" (lam yaqif fikri 'alā haqiqatilmaudū'

"إِدْرِبْ بِعَصَاكَ" ("idrib bi'asāka")

Di dalam contoh di pertama, didapati bahawa huruf fā' digandakan penyebutannya. Begitu juga huruf bā' di dalam contoh kedua. Sekiranya tidak bertemu dua bunyi di dalam satu ujaran kata, tidaklah berlaku proses ini. Proses taq'if ini juga dinamakan sebagai Idghām. Fenomena ini berlaku ketika berlakunya pertembungan dua bunyi yang sama, sama ada secara asli ataupun secara tidak asli iaitu dengan perubahan bunyi mengikut konteks.

2.1.2.2.5 Proses Pemendekan (التقصير)

Proses ini berlaku apabila melibatkan penyebutan huruf vokal atau huruf mad sebagai bunyi terakhir sesuatu perkataan ketika disambung dengan perkataan selepasnya. Contohnya:

- كتبوا
- كتبوا اللرس

Berdasarkan contoh diberikan, kita dapat melihat perbezaan sebutannya. Contoh pertama disebut dengan memanangkan huruf wāw yang merupakan salah satu dari huruf vokal. Manakala contoh kedua, kita akan menyebutnya secara terus, seolah-olah menyebut ḫommah bukan seperti menyebut vokal wāw seperti contoh pertama. Alasannya di sini adalah contoh pertama yang memerlukan penutur berhenti di situ. Manakala contoh kedua memerlukan penutur menyambung pertuturnya dengan perkataan selepasnya yang membawa kepada pemendekan bunyi vokal wāw. Proses ini melibatkan perubahan bunyi yang berlaku terhadap bunyi dalam sesuatu konteks ayat. Hal ini bagi memelihara peraturan tertentu dalam bahasa ataupun bagi menunjukkan tujuan utama percakapan. Contohnya:

- (كتاب) - katabu
- (أنا الكتاب) - analkatib

Apabila kita menyebut perkataan (كتاب) dengan vokal /ū/ panjang ketika perkataan itu bersendirian dalam konteks. Dalam contoh kedua, apabila kita menyebut kata ganti nama diri (أنا) ketika bersendirian ataupun ketika berangkai ia diakhiri dengan vokal panjang /ā/. Tetapi ketika dalam keadaan seperti (أنا الكتاب). Kita akan memendekkan sebutan panjang vokal panjang /ā/ menjadi vokal pendek /a/. Kedua-dua contoh di atas melibatkan pemendekan huruf vokal. Terdapat juga pemendekan bunyi huruf konsonan. Kita dapat perhatikan bahawa sesetengah huruf konsonan yang sepatutnya disebut dalam keadaan panjang kerana datang berturutan seperti perkataan (مستمر) dengan tasydi'd huruf rā'. Ketika kita menyebutnya kita akan menyebut (مستمر) dengan satu rā'.

2.1.2.2.6 Pengguguran (الحذف)

Sepertimana berlakunya fenomena pemendekan bunyi dalam kata, begitu juga dengan fenomena pembuangannya. Banyak contoh dalam bahasa Arab yang dapat kita perhatikan. Antaranya pembuangan huruf tā' dan barisnya. Contohnya:

Firman Allah (s.w.t) dalam ayat 11 surah Al-Hujurat:

(وَلَا تَسْأَبُرُوا بِالْأَنْقَابِ)

Sabda Rasulullah (s.a.w):

(وَلَا تَسَارُعُوا، وَلَا تَخَاطُّوا، وَلَا تَبَاغِضُوا، وَكُفُّونَوا عِبَادَ اللَّهِ إِنْحِوَانًا)

Di dalam kedua-dua contoh di atas, berlakunya proses pembuangan huruf konsonan di mana asal bagi setiap perkataan di atas ialah:

(تَسَاءَبُرُوا)، و (تَسَارُعُوا)، و (تَخَاطُّوا)، و (تَبَاغِضُوا)

Iaitu terdapat rangkaian huruf tā' di dalam setiap perkataan. Kadang-kadang juga terdapat tiga deretan huruf tā' di dalam satu perkataan. Contohnya: **ولاتابعوا في** (لـشـرـ) asalnya ialah (تـتـابـعـواـ) dengan tiga huruf tā', dan dibuang salah satu daripadanya.

2.1.2.2.7 Penyambungan (الوصل)

Proses ini berlaku apabila kita menyebut sesuatu ujaran seperti:

(خرجـتـ منـ الـبـيـتـ) kita dapati bahawa perkataan (منـ) telah bercampur bunyinya dengan perkataan selepasnya. Oleh itu, terhasillah potongan kata - (منـ الـبـيـتـ) minalbait. Jika diperhatikan di dalam potongan kata ini, pada bentuk kedua-dua perkataan kita dapati bahawa kata (منـ) - min disebut (منـ) -mina iaitu dengan vokal /a/ selepas huruf nūn. Manakala perkataan kedua pula disebut (بـيـتـ) -lbait tanpa perlu menyebut hamzah wasal yang ada pada awal perkataan dengan vokal /a/ yang ada selepas huruf nūn.

Menurut Ibrāhīm Khalīl (2007), Al-waṣl merupakan fenomena fonologi yang mirip kepada proses disimilasi jika dilihat dari satu aspek. Hal ini kerana huruf sukun yang pertama ditarik untuk menyambung sebutan perkataan selepasnya. Terutamanya jika perkataan selepasnya ialah alif lam ta'rīf (لـ). Contohnya: **إـنـ اـللـهـ وـمـنـ الـبـيـتـ**. Jika kita perhatikan di dalam bahasa Inggeris, kita dapati perkataan seperti *meta-fiction* dan *metaphysic* ataupun perkataan *metalinguage* juga mengalami proses ini. Perkataan-perkataan ini didahului dengan imbuhan *met* tanpa ada fonem /a/ selepas /t/ pada asalnya. Tetapi telah ditambah bagi menyambung dengan perkataan yang disambung. Contoh lain ialah fonem /o/ dalam perkataan *parometre*.

Proses ini banyak berlaku pada perkataan yang bersambung di antara satu sama lain yang disebut tanpa berhenti iaitu pada potongan kata tertentu. Proses inilah yang dinamakan sebagai proses sambungan antara satu fonem dengan fonem yang lain. Hal ini adalah bertepatan dengan satu kaedah yang terdapat dalam bahasa Arab iaitu bagi mengelakkan dari pertembungan dua sukun (huruf mati tanpa baris). Oleh itu, jelaslah kepada kita bahawa, kebanyakan perkataan disebut dalam dua bentuk. Iaitu disebut secara bersambung ataupun disebut tanpa bersambung.

2.2 Morfologi Bahasa Arab

Morfologi merupakan antara cabang linguistik yang mengkaji struktur pembentukan kata. Berdasarkan takrif, kajian morfologi tertumpu kepada kata. Kata terbentuk daripada unsur yang dikenali sebagai morfem. Morfem ialah unit yang terkecil dalam bahasa yang bermakna atau yang menjalankan tugas nahu, serta tidak dapat dipecah-pecahkan lagi. Ada dua jenis morfem, iaitu morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas ialah morfem atau kata yang dapat berdiri sendiri sebagai satu kata dan bermakna serta tidak dapat dipecahkan kepada unit yang lebih kecil lagi. Contohnya perkataan *بَيْت* (rumah). Morfem terikat pula sebaliknya kerana bersifat tidak sempurna sekiranya tidak digandingkan dengan morfem bebas. Contohnya, perkataan *كَبِيتٌ* mempunyai fonem *tā'* (*fā'il*) yang perlu digabungkan dengan kata kerja bagi menunjukkan fungsinya sebagai pelaku di dalam sesuatu kata kerja. Sesuatu perkataan dibentuk daripada satu morfem atau lebih. Misalnya, bagi perkataan makan, terdiri daripada satu morfem, iaitu morfem bebas, manakala makanan terdiri daripada dua morfem, iaitu makan sebagai morfem bebas dan *-an* sebagai morfem terikat.

Oleh sebab itu, ada perbezaan yang jelas antara morfem dengan perkataan, iaitu semua perkataan ialah morfem tetapi tidak semua morfem itu menjadi perkataan. Proses pembentukan kata dalam sesuatu bahasa ialah proses penyusunan morfem menurut peraturan sistem morfologi bahasa itu. Proses morfologi ialah suatu proses yang mengubah bentuk sesuatu morfem dan perubahan ini bertujuan untuk menambah sesuatu makna kepada morfem tersebut. Dalam kata lain yang lebih mudah, proses morfologi bermaksud cara sesuatu perkataan itu dihasilkan atau diterbitkan daripada bentuk dasarnya.

Dalam bahasa Arab, ilmu morfologi disebut “ilmu ḫarf” (علم الصرف). Sarjana linguistik Arab mendefinisikan ilmu sarf ini sebagai ‘ilmu yang memperkenalkan kaedah pembinaan perkataan bahasa Arab. Menurut ‘Abduh al-Rājiḥīy (1984), pembinaan perkataan ini bukan bermaksud perkataan itu merupakan perkataan mu‘rab (berubah) ataupun mabnīy (tetap), tetapi merujuk kepada keadaan bentuk perkataan sama ada kata nama, kata kerja, kata sifat dan sebagainya. Menurut Muḥammad Abdul Ghaniy (1989), ḫorf merupakan ilmu yang mempelajari cara binaan perkataan yang terdiri dari beberapa aturan bunyi dan huruf. Ilmu ini membincangkan beberapa tajuk yang penting, iaitu:

- Pembahagian perkataan, seperti kata nama, kata kerja, huruf. Pembahagian wazan-wazan perkataan, seperti mujarrad, mazid dan membincangkan makna-makna setiap wazan.
- Pembahagian kata nama kepada kata nama Jāmid (kata tetap) dan Musytaq (kata terbitan).
- Pembahagian kata berdasarkan gender, seperti maskulin (muzakkár) dan feminin (mu’annath). Berdasarkan bilangan, seperti tunggal, dual dan jamak.

-Pembahagian perkataan kepada nakirat dan makrifat.

-Kata kerja ketika bersambung dengan kata ganti nama (đamîr), seperti ghâ'ib, mutakallim dan mukhâṭab.

-Perbincangan mengenai I'lâl dan Ibdâl, Idghâm, Waqaf, dan waṣal.

Menurut 'Abduh al-Râjîhiy (1984:7), sarjana moden bahasa Arab melihat ilmu ini sebagai segala kajian yang berkaitan dengan perkataan ataupun salah satu dari juzuknya yang seterusnya membawa kepada pembentukan ayat dan memberikan makna nahuan yang berbeza. Perkara ini semuanya di bawah perbincangan morfologi. Dari sini kita dapat mengetahui bahawa, tahap permulaan perbincangan morfologi bermula dari kajian bunyi secara berasingan yang dipanggil fonem dan seterusnya kajian bunyi dengan gabungan bunyi lain yang dipanggil morfem dan tahap yang terakhir membawa kepada kajian sintaksis yang melibatkan ayat. Unsur-unsur ini penting kerana, berkait rapat di antara satu sama lain dalam kajian morfologi. Perbincangan tajuk-tajuk tertentu seperti I'lâl dan Ibdâl memerlukan kajian dari aspek fonologi terlebih dahulu, begitu juga dengan kajian sintaksis yang tidak dapat dibuat melainkan selepas kajian morfologi. Oleh sebab itu, kebanyakan para sarjana moden berpendapat bahawa ilmu nahu dan şarf terletak dalam satu bahagian yang sama yang dinamakan sebagai *grammar*.

Morfologi di dalam kajian ini merujuk kepada definisi sarjana terdahulu yang berpendapat bahawa ilmu ini merupakan ilmu mengkaji pembentukan perkataan. Di bawah penggolongan bahasa-bahasa dunia yang berdasarkan aspek morfologi, bahasa Arab terletak di dalam golongan bahasa infleksi (inflectional language) atau dikenali juga sebagai bahasa fleksi (flectional language) (Mohd. Zaki & Che

Radiah, 2010). Bahasa dalam golongan ini menunjukkan gabungan ciri-ciri distingtif dari segi semantik dalam satu bentuk terikat yang tunggal atau dalam bentuk terikat yang bersatu dengan padunya. Dengan kata lain ia memperlihatkan perubahan dalaman bagi kata dan ciri-ciri yang berkaitan dengan aspek masa, aspek jumlah, aspek genus (jantina), kasus dan lain-lain secara serentak. (Asmah, 1992). Hal ini kita dapat perhatikan pada ciri-ciri yang terdapat pada setiap perkataan bahasa Arab.

Ciri perkataan bahasa Arab yang asas ialah gender (جنس), bilangan (عدد), ketentuan (التعيين) dan posisi (المكانة). (Mohd Rosdi : 2003). Contohnya perkataan قرآن. Perkataan ini mengandungi berbagai ciri semantik dan unsur tatabahasa secara bersepada, antaranya:

- dari segi masa perlakuan dibuat, ia menunjukkan kala lampau
- dari segi jumlah pelaku, ia menunjukkan kepada seorang pelaku,
- dari segi gender, ia menunjukkan pelakunya adalah maskulin,
- dari segi status pelaku ia menunjukkan pelakunya adalah ganti nama ketiga (dia).

Aspek-aspek semantik dan tatabahasa bersepada yang disebutkan ini, adalah antara ciri-ciri asas kepada analisis sesuatu kata dalam bahasa Arab yang menyebabkan ia digolongkan dalam bahasa infleksi (اللغة التصريفية). (Mohd. Zaki & Che Radiah, 2010).

2.2.1 Bentuk Perkataan Dalam Bahasa Arab

Ahli bahasa Arab telah meletakkan satu senarai acuan kata bagi pemandangan setiap kata dalam bahasa Arab. Tujuannya bagi memudahkan sesuatu kata itu dikembalikan kepada kata akarnya, mengklasifikasikan jenis kata, menyelaraskan sistem derivasi kata dan merumuskan pengaedahan pecahan kata kerja dan kata nama. Para sarjana nahu Arab klasik menggolongkan kata bahasa Arab kepada tiga kategori, iaitu:

a- kata nama

b- kata kerja

c- huruf

Penggolongan ini selari dengan yang dinyatakan oleh Ibn Hisyam (1984):

الكلمة جنسٌ تُخَتَّلْهُ هذِهِ الْأَنْوَاعُ التَّلَاثَةُ لَاَ عَيْرُ وَجْمَعٌ عَلَى ذَلِكَ مَنْ يُعْتَدُ بِقُولِهِ.

Maksudnya: Kata, adalah jenis, yang mengandungi tiga macam perkataan, dan ini telah disepakati oleh ulama yang muktabar.

Ibnu Hisyam dalam membahagikan kata melihat kepada aspek makna dan ciri-cirinya. Oleh kerana itu, pembahagian ini tidak membezakan satu bahasa dengan bahasa yang lain. Selanjutnya, beliau mengatakan:

دَلِيلُ الْحُصُرِ أَنَّ الْمَعْنَى ثَلَاثَةً، ذَاتٌ، وَحَادِثٌ، وَالرَّابِطَةُ لِلْحَادِثِ بِالذَّاتِ، فَالذَّاتُ الْاَسْمُ، وَالْحَادِثُ الْفَعْلُ، وَالرَّابِطَةُ الْحُرْفُ، وَإِنَّ الْكَلِمَةَ إِنْ دَكَّتْ عَلَى مَعْنَى فِي عَيْرِهَا فَهِيَ حُرْفٌ، وَإِنْ دَلَتْ عَلَى زَمَانٍ مُخَصَّلٍ فَهِيَ فَعْلٌ، وَإِلَّا فَهِيَ اَسْمٌ... الْأَلْيَلُ الَّذِي دَلَّ عَلَى الْانْحِصَارِ فِي التَّلَاثَةِ عَمْلٌ، وَالْأَمْوَارُ الْعُقْلَيَّةُ لَا تَخْتَلِفُ بِالْخِتَّافِ الْلِّغَاتِ.

Maksudnya: Dalil pembahagian kata kepada tiga bahagian, kerana makna perkataan dalam BA terdapat tiga jenis, pertama zat, kedua perbuatan, dan yang

ketiga ialah penghubung perbuatan dengan zat. Yang dimaksudkan “zat” ialah kata nama, “perbuatan” ialah kata kerja, dan penghubung ialah huruf. Apabila perkataan itu mengandungi makna apabila dihubungkan dengan perkataan yang lain, maka disebut huruf,...dan apabila perkataan itu mengandungi makna masa (ketentuan waktu), maka disebut kata kerja, dan apabila perkataan itu tidak memiliki dua ciri-ciri di atas, maka disebut kata nama. Alasan pembahagian kata kepada tiga bahagian ini adalah berdasarkan ‘akli (logika). Apabila pembahagian itu berdasarkan akal, maka tidak ada bezanya antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. (Ibid).

Di dalam kajian ini, penulis hanya akan membincangkan dua bahagian kata iaitu kata nama dan kata kerja. Masing-masing dapat dijelaskan seperti berikut:

1- Al-ism (kata nama)

الاسم كُلْمَةٌ تَدْلِي مَعْنَى فِي تَعْسِيهٍ غَيْرِ مُعْتَدِلٍ بِزَمَانٍ .

Maksudnya: kata nama ialah kata yang mengandungi makna yang tidak berkaitan dengan masa.

Terdapat beberapa pembahagian kata nama bahasa Arab. Ahmad Al-Ḥamalāwīy telah membahagikan kata nama kepada lima bahagian. Bahagian-bahagian tersebut ialah:

- i- Imbuhan
- ii- Terbitan
- iii-Gender
- iv-Binaan Akhir
- v- Bilangan

Pembahagian kata nama yang menjadi fokus kajian ini adalah pembahagian kata nama berdasarkan binaan akhir. Pembahagian ini dapat dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Kata Nama Manqūṣ, Kata Nama Maqṣūr, Kata Nama Mamdūd dan Kata Nama Sahīh.

1. Kata Nama Manqūṣ

Kata Nama Manqūṣ adalah kata nama murab (berlaku perubahan di akhir) yang diakhiri dengan huruf yā' lāzimat̄ dan huruf sebelumnya berbaris kasrat̄.

Contohnya: الْحَكَمِيٌّ (Hakim).

2. Kata Nama Maqṣūr

Kata Nama Maqṣūr adalah kata nama yang diakhiri dengan huruf alif lāzimat̄ atau dikenali juga sebagai alif maqṣūr dan huruf sebelumnya berbaris fathah.

Contohnya: الْرَّمَاجِيٌّ (Remaja).

3. Kata Nama Mamdūd

Isim Mamdūd adalah isim yang diakhiri dengan huruf hamzah dan sebelumnya berupa alif zā' idah (tambahan). Contohnya: صَحْرَاءُ (Padang pasir)

4. Kata Nama Sahīh

Semua kata nama yang tidak masuk dalam kategori kata nama Maqṣūr, Manqūṣ ataupun Mamdūd. Contohnya: خَيْلٌ (Kuda)

2- Al-fi‘l (kata kerja)

الفِعْلُ مَا دَلَّ عَلَى مَعْنَى فِي نَصِّهِ مُفْتَرِّنٌ بِزَمَانٍ .

Maksudnya: kata kerja ialah kata yang menunjukkan makna, yang berkaitan dengan masa.

Kata kerja di dalam bahasa Arab dapat dibahagikan kepada beberapa pembahagian. Ahmad al- Ḥamalāwīyy (2008), telah membahagikan kata kerja bahasa Arab kepada tujuh pembahagian utama. Pembahagian-pembahagian tersebut berasaskan kepada:

- i) Masa
- ii) Imbuhan
- iii) Huruf ‘Illat
- iv) Terbitan Jumud dan Taṣrīf
- v) Transitif dan tak transitif
- vi) Aktif dan Pasif
- vii) Penggunaan Nun Taukid

Pembahagian kata kerja yang menjadi fokus kajian ini adalah pembahagian kata kerja berdasarkan berdasarkan huruf Illat. Pembahagian ini melibatkan penggunaan huruf ‘illat di dalam binaan kata kerja. Huruf illat ataupun dikenali juga sebagai huruf mad adalah huruf alif, wāw dan yā’. Kata kerja yang dilihat dari sudut binaannya menggunakan huruf ‘illat atau tidak, boleh dibahagikan kepada dua:

- a) Kata kerja saḥīḥ

Kata kerja Sahih adalah kata kerja yang dibina tanpa menggunakan huruf ‘illat. Ianya terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

i- Kata Kerja Sālim

Kata kerja Sālim adalah kata kerja yang huruf asalnya tidak mengandungi huruf ‘illat, huruf hamzah dan taq’if (huruf sama yang berulang). Contoh: كَتَبَ

ii- Kata Kerja Muḍa‘af

Kata kerja Muḍa‘af ialah kata kerja yang huruf lam dan ‘ainnya dari huruf yang sama. Contoh : مَدَدَ asalnya ialah مَدَدٌ.

iii- Kata Kerja Mahmūz

Kata kerja Mahmūz ialah kata kerja yang mempunyai salah satu dari huruf asalnya hamzah. Contoh: أَخْذَ

b) Kata kerja mu‘tal

Kata kerja Mu‘tal pula adalah kata kerja yang menggunakan huruf ‘illat dalam binaannya. Ianya terbahagi kepada empat iaitu:

- i- Kata kerja Mithāl. Kata kerja ini ialah kata kerja yang huruf fa‘ilnya huruf ‘illat. Contoh : وَعْدٌ - فعل
- ii- Kata kerja ’Ajwaf. Kata kerja ini ialah kata kerja yang huruf ‘aynnya huruf ‘illat. Contoh : صَامٌ - فعل
- iii- Kata kerja Nāqis. Kata kerja ini ialah kata kerja yang huruf lamnya huruf ‘illat. . Contoh : غَرِّيْ - فعل
- iv- Kata kerja Lafīf. Kata kerja ini ialah kata kerja yang mempunyai dua huruf ‘illat di dalam kata asalnya. Ia terbahagi kepada dua, iaitu kata kerja lafīf mafrūq dan kata kerja lafīf maqrūn.

- Kata kerja lafif mafrūq : kata kerja yang huruf fa'nya dan huruf lamnya huruf 'illat. Contoh : وَقَ

- Kata kerja lafif maqrūn : kata kerja yang huruf 'ainnya dan huruf lamnya huruf 'illat. Contoh : طَوِي

(Lihat al-Ghalāyinīy (1997 : 9,11,12)

2.2.2 Proses Morfologi Bahasa Arab

Proses Morfologi ini ialah proses-proses yang berlaku dalam bahasa Arab bagi menghasilkan kata-kata terbitan. Proses ini menjelaskan apa yang berlaku terhadap unsur morfologi, iaitu morfem dan kata dalam bahasa Arab bagi menerbitkan perkataan baru yang mengikut peraturan bahasa Arab. Proses-proses ini dilakukan kepada bentuk dasar yang boleh terdiri daripada kata kerja, ataupun kata nama. Kedua-dua jenis perkataan ini mengalami proses morfologi ini.

2.2.2.1 Al-I'lāl

Menurut 'Abduh al-Rājihiyy (1984), al-I'lāl menurut sarjana terdahulu ialah perubahan yang berlaku pada sesuatu perkataan disebabkan oleh huruf 'illat. Perubahan ini berlaku sama ada dengan menggantikan huruf tersebut kepada huruf lain atau menggugurkan sesuatu tanda bacaan (vokal ḫommah, fathah, dan kasrah) dan menukarkannya dengan tanda sukun. Kadang-kadang ia melibatkan pengguguran secara keseluruhan. Proses al-I'lāl yang berlaku hanya terbatas kepada huruf 'illat iaitu alif, wāw, yā' dan juga fonem hamzat. ('Abduh al-Rājihiyy:1984:156).

Jadi, al-I'lāl ialah perubahan yang berlaku terhadap satu perkataan disebabkan huruf 'illat yang tiga iaitu alif wāw dan yā' dan juga hamzah yang membawa kepada pengguguran huruf 'illat, penukaran huruf 'illat kepada huruf 'illat yang lain dan penukaran baris huruf 'illat yang berbaris kepada huruf yang tidak berbaris dengan baris sukun.

2.2.2.1.1 Pembahagian Al-I'lāl

Para linguistik Arab telah membahagikan al-I'lāl kepada tiga bahagian iaitu melibatkan perubahan secara al-Hazf, al-Qalb, dan al-Naql atau dikenali juga sebagai al-Taskin.

- a) Al-I'lāl bi al-Hazf. Contohnya: يَوْمَ، يَوْمُونَ asalnya يَوْمٌ.
- b) Al-'ilāl bi al-Qalb. Contohnya: قَوْلَ، قَوْمَ asalnya قَوْلٌ
- c) Al-I'lāl bi al-Naql. Contohnya: سَيِّعَ، سَيِّعُونَ asalnya سَيِّعٌ، سَيِّعُونَ

a) Al-I'lāl bi al-Hazfi

Menurut Ayman Amin (2000 : 279) al-I'lāl bi al-Hazfi berlaku dengan menggugurkan huruf asal atau tambahan pada sesuatu perkataan. Ianya melibatkan pengguguran huruf 'illat. Al-i'lāl bi al-hazfi dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu al-i'lāl bi al-hazf al-qiyāsiyy dan al-i'lāl bi al-hazfi al-samā'iyy.

Al-I'lāl bi al-Hazf al-Qiyāsiyy adalah proses pengguguran sesuatu huruf disebabkan oleh faktor morfologi. Tujuannya ialah untuk mengelakkan daripada wujudnya dua tanda sukun pada satu perkataan dan memudahkan sebutan seperti

pengguguran huruf wāw pada pola kata kerja kala kini menjadi يَوْصِلَ *yawṣila*. Huruf wāw digugurkan disebabkan kedudukannya di antara yā' dan baris kasrah. Alasan pengguguran ini adalah bagi mengelak kedudukan wāw terletak di antara huruf yā' yang berbaris kasrah kerana hal ini menjadi berat untuk disebut. Perbincangan mengenainya akan dijelaskan dengan lebih terperinci selepas ini.

Manakala al-I'lāl Bi al-Hazf Ghair Qiyāsiyy @ al-Samā'iyy adalah proses pengguguran sesuatu huruf bukan disebabkan faktor morfologi seperti pengguguran huruf yā' pada perkataan يَدُ (tangan) asalnya يَدَيْ *yadai* dan أَبُ (ayah) asalnya أَبَ *ab*. Pengguguran huruf yā' dan wāw adalah untuk meringankan sebutan.

Penumpuan kajian ini adalah terhadap Al-I'lāl bi al-Hazf al-Qiyāsiyy iaitu proses pengguguran sesuatu huruf disebabkan oleh faktor morfologi. Al-I'lāl jenis ini melibatkan empat jenis pengguguran. Iaitu:

i) Pengguguran huruf hamzat tambahan

ii) Pengguguran fā' fi'l

iii) Pengguguran 'ayn fi'l

vi) Pengguguran lām fi'l

i) Pengguguran Huruf Hamzat Zā'i'dat (همزة زائدة)

Pengguguran ini melibatkan huruf hamzah zā'i'dat (tambahan) yang terdapat pada kata kerja. Apabila kata kerja kala lampau (mādi) dibina berdasarkan pola أَفْعَلَ *af'ala*, maka huruf hamzah wajib digugurkan. Pengguguran ini berlaku pada kata kerja

kala kini (muḍāri‘), kata kerja perintah (amr), kata nama pelaku (ism fā‘il) dan kata nama objek (ism maf‘ūl). (Ayman Amin : 2000: 279).

Sebagai contoh perkataan **مُكْرِمٌ** (memuliakan). Ia merupakan kata kerja kala lampau yang dibina berdasarkan pola **فَعَلَ**. Ketika pola muḍāri‘, perkataan ini berubah menjadi **يُمْكِنُ**. Huruf hamzat tersebut digugurkan dan seterusnya membentuk perkataan **مُكْرِمٌ**. Demikian juga yang berlaku pada kata nama pelaku. Perkataan tersebut menjadi **مُمْكِنٌ**. Berdasarkan kepada kaedah al-I'lāl huruf hamzah digugurkan dan ia dibina sebagai **مُمْكِنٌ** (yang memuliakan). Manakala perkataan yang dibina untuk menunjukkan kata nama objek juga melibatkan pengguguran huruf hamzah. Seperti perkataan **مُمْكِنٌ** yang memerlukan penguguran huruf hamzah menyebabkan perkataan tersebut berubah menjadi **مُمْكِنٌ** (yang dimuliakan). Berdasarkan kepada beberapa contoh yang dijelaskan, huruf hamzah digugurkan sesuai dengan kaedah yang telah ditetapkan kerana ia merupakan hamzah tambahan.

ii) Pengguguran Fā’ Fi’l (فَاءٌ فِي الْمُكْرِمِ)

Pengguguran huruf ‘illat pada fā’ fi’l berlaku pada kata kerja mithāl thulāthiyy (مثال ثلثي). Ia terjadi pada pola kata kerja kala kini, kata kerja perintah dan kata terbitan. Menurut Sabri Sahrir (2002:76), kata kerja mithal ialah kata kerja yang mempunyai salah satu daripada huruf-huruf ‘illat pada huruf pertama daripada kata akarnya. Huruf-huruf ‘illat yang terdapat pada huruf pertama kata kerja mithāl thulāthiyy (مثال ثلثي) terdiri daripada wāw atau yā’ seperti **وَصَلَ** (sampai) dan **يَسِّرَ** (mudah).

Apabila pola kata kerja kala kini terdiri daripada fonem waw mithāl ma'lūm (المثال المعلوم الواوي يُفعَل) yang selari dengan pola ‘ayn fi'l bertanda kasrah (bawah), maka huruf yang terletak pada kedudukan fā' fi'l mesti digugurkan. Seperti وصل asal kata kerja kala kini adalah بِوَصْلٍ. Sebelum berlaku al-I'lāl, fonem wāw masih terdapat pada pola kata kerja kala kini بِيَوْصْلٍ. Setelah berlaku al-I'lāl dengan pengguguran fonem wāw, maka perkataan yang dihasilkan adalah بِيَصْلٍ (sampai). Manakala pengguguran fonem wāw berlaku pada kata kerja kala kini (muḍāri') pula menjadikan perkataan tersebut hanya terdiri daripada dua huruf sahaja apabila diubah kepada kata kerja perintah iaitu صَلْ (hubungkan).

Pengguguran kata terbitan pula melibatkan pengguguran fā' fi'lnya dan digantikan dengan fonem tā'. Contohnya: وَصَلْ يَصْلُ صَلَة. Asalnya ialah وَصَلْ. Baris kasrah pada wāw dipindahkan kepada fonem ‘ayn kerana susah disebut dan merupakan kata kerja mu'tal. Maka fonem wāw digugurkan menjadi صَلَة polanya ialah عَلَة. Namun begitu, terdapat beberapa pengecualian daripada pengguguran tersebut. Antaranya:

- (i) Jika kata kerja mithāl berbentuk majhūl (محْجُول : tidak diketahui pelaku), huruf wāw dikenakan seperti pada perkataan يُوعَدْ (dijanjikan).
- (ii) Jika proses al-I'lāl berlaku pada kata kerja mithāl yāiyyān (يَأْيِيَّن), huruf yā' wajib dikenakan. Contohnya, pengekalan huruf yā' pada perkataan يَسِرَ - يَسِيرُ (mudah). Fonem yā' tidak digugurkan pada pola muḍāri'.
- (iii) Apabila sesuatu kata kerja yang dibina berbentuk mithāl wāwiyyān (مَثَالْ وَاهِيَّن) tetapi binaan tersebut berdasarkan wazan يُفعَل yang mana ‘ayn bervokal

fathah, maka fonem wāw mesti dikekalkan. Keadaan ini dapat diperhatikan pada perkataan **وَجَلَ - يَوْجَلُ** (takut), fonem wāw perlu dikekalkan.

- (iv) Begitu juga sekiranya kata kerja mithāl merupakan kata kerja mazid. Contoh: **بِرْقٌ وَيَعْدُ وَيَحْفَ** dan **أَورْقٌ وَيَعْدُ وَيَحْفَ**. Dalam keadaan ini fonem wāw dikekalkan.

iii) Pengguguran ‘Ayn Fi‘l

Apabila huruf ‘illat yang terdapat pada kata kerja *māqī mu’tal* diikuti dengan tanda sukun pada lam fi‘l seperti **قُوْمُثْ** maka ia digugurkan tanpa sebarang gantian. Keadaan ini berlaku apabila kata kerja tersebut berhubung dengan ganti nama nominatif. Daripada perkataan **قُوْمُثْ**, huruf yang terletak pada kedudukan ‘ayn fi‘l adalah huruf wāw dan lām fi‘l ialah fonem mīm. Manakala ganti nama nominatif ialah fonem tā’. Oleh kerana huruf wāw merupakan huruf ‘illat dan diikuti dengan tanda sukun pada lām fi‘l, ia perlu digugurkan. Akhirnya perkataan tersebut dibina sebagai **قُمْثْ** (saya berdiri).

Pengguguran huruf ‘illat pada ‘ayn fi‘l juga berlaku apabila dihubungkan dengan lām jazmi. Contohnya pengguguran huruf wāw pada perkataan **يَقْوُمُ** (dia berdiri). Ia berlaku apabila perkataan tersebut dimasuki lām jazmi dan mengubahnya menjadi **كَمْ يَقْمُثُ** (dia tidak berdiri). Begitu juga ketika perkataan tersebut dibina sebagai kata kerja perintah **قُمْ** (berdirilah). Huruf wāw digugurkan tanpa dipengaruhi oleh sesuatu huruf tetapi digugurkan berdasarkan kepada kaedah pola amr. Kedua-dua perkataan tersebut berasal daripada **كَمْ يَقْوُمُ** dan **قُوْمُثْ**. (Ayman Amin : 2000 : 280). Tujuan pengguguran huruf-huruf ‘illat pada kata kerja kala

kini setelah dimasuki lām jazmi dan pola amr ialah untuk mengelakkan daripada terkumpul dua tanda sukun pada satu perkataan.

Pengguguran ini juga berlaku pada pola kata kerja berganda thulāthīyy (muḍa‘af). Kata kerja berganda thulāthīyy adalah kata kerja yang huruf kedua dan ketiganya merupakan daripada jenis yang sama. Untuk kata kerja kala lampau berganda thulāthīyy (muḍa‘af) yang berhubung dengan ganti nama nominatif dan huruf lamnya bertanda bunyi tidak bersuara, huruf pada ‘ain fi‘l berada dalam tiga keadaan iaitu:

- i- Mengelalkan huruf ‘ayn fi‘l. Sebagai contoh perkataan خَلَقَ (tinggal). Perkataan ini merupakan kata kerja berganda thulāthīyy dan berasal daripada خَلَقَ. Apabila ia berhubung dengan ganti nama nominatif, maka ia kembali pada bentuk asal seperti yang terdapat pada perkataan خَلَقْتُ dan خَلَقْنَا. Daripada kedua-dua contoh ini, didapati huruf yang terletak pada posisi ‘ain fi‘l dikekalkan.
- ii- Menggugurkan huruf pada ‘ayn fi‘l tanpa memindahkan tanda bacaan (kasrat). Oleh itu perkataan tersebut diungkap sebagai خَلَقْتُ dan خَلَقْنَا.
- ii- Manakala pilihan yang ketiga ialah menggugurkan huruf pada ‘ayn fi‘l serta memindahkan tandanya. Tanda tersebut dipindahkan kepada huruf yang terletak pada posisi fā’ fi‘l. Oleh itu perkataan tersebut diungkap dengan خَلَقْتُ dan خَلَقْنَا.

Manakala untuk kata kerja kala kini dan kata kerja suruhan berganda yang ‘ayn fi‘ilnya bervokal kasrat serta dihubungkan dengan nun niswāt, boleh dilakukan dua perkara:

- a. Mengkalkan huruf berganda pada ‘ayn fi‘l. Contohnya dapat diperhatikan pada pola kata kerja kala kini seperti pada ayat *البَنَاتُ يُقْرِنُ بِالْبَيْتِ* (Kaum wanita sedang berada di rumah). Manakala pengekalan huruf tersebut pada kata kerja suruhan seperti *إِقْرَنْ*.
- b. Menggugurkan huruf berganda pada ‘ayn fi‘l dan memindahkan tandanya kepada huruf yang terletak pada posisi fā’fi‘l. Keadaan demikian dapat diperhatikan pada pola kata kerja kala kini yang berhubung dengan nūn niswat seperti *البَنَاتُ يَقْرِنُ فِي الْبَيْتِ*. Untuk pola kata kerja ’amr pula ia diungkap dengan *قْرَنْ*.

Al-I'lāl bi al-Hazfī juga berlaku pada kata kerja mu‘tal akhīr. Kata kerja mu‘tal ialah kata kerja yang mempunyai huruf-huruf ‘illat iaitu alīf, wāw dan yā’. Perkataan ‘illat bermakna sakit, iaitu disebabkan oleh keadaan huruf-huruf tersebut tidak tetap dan sentiasa berubah. Perubahan pula berdasarkan kepada kesesuaian dengan keadaan sekelilingnya. (Sabri Shahrir : 2002 :74)

iv) Pengguguran Lām Fi‘l

Pengguguran huruf ‘illat yang terletak pada posisi lām fi‘l ini berlaku pada huruf akhir kata kerja suruhan bentuk tunggal maskulin kata kerja mu‘tal akhīr. Contoh proses pengguguran tersebut dapat diperhatikan pada perkataan *لَخْشَنْ* (takutlah) yang berasal daripada *لَخْشَى*. Fonem alīf maqṣūrat̄ digugurkan. Kata kerja suruhan dibina dengan menggugurkan huruf ‘illat sebagai mengantikan baris sukun sekiranya huruf akhirnya huruf illat.

b) Al- I'lāl Bi al-Qalb

Menurut Muhammad Abd. Ghaniyy (1989:182), al-I'lāl bi al-Qalb ialah penukaran salah satu dari huruf 'illat (illat) kepada huruf 'illat yang lain. Ia berlaku dalam beberapa keadaan. Iaitu:

1) Menukar Huruf Wāw dan Yā' Kepada Huruf Alīf.

Sekiranya kedua-dua huruf iaitu wāw dan yā' didahului dengan baris fathah, maka ianya akan ditukarkan kepada huruf alīf. Contohnya: قَالَ، بَاعَ. Huruf alīf dalam kalimah (قال) adalah hasil penukaran dari fonem wāw. Asalnya ialah (فَوْلَ) dengan wāw berbaris fathah dan sebelumnya berbaris fathah maka ditukarkan kepada alīf menjadi (أَلَّ). Begitu juga dengan perkataan (بَاعَ) yang berasal dari (بَيْعَ) dengan yā' berbaris fathat dan sebelumnya berbaris fathat. Maka ditukar kepada alīf menjadi (أَبَاعَ). Hal ini berlaku kepada semua kata kerja ajwaf ('ainnya huruf 'illat) seperti kata kerja مَالٌ، جَادٌ، حَادٌ، قَامٌ، سَادٌ.

2) Waw Ditukar Kepada Yā'

Penukaran huruf wāw kepada huruf yā' berlaku pada banyak tempat:

(1) Sekiranya huruf wāw yang berbaris sukun terletak selepas baris kasrat. Contoh: موعد، ميزان، مواقت، ميغاد ميزان. Asalnya ialah kerana berasal dari perkataan الوعاء، الميزان، المؤقت. Ketika fonem wāw yang berbaris sukun berada selepas huruf yang berbaris kasrat, maka huruf wāw itu perlu ditukarkan kepada fonem (yā').

(2) Sekiranya wāw terletak di hujung selepas kasrat. Seperti: رضي، قوي. Asalnya ialah رضي، قوي. Jadi, semua huruf wāw yang terletak di hujung perkataan selepas huruf yang berbaris kasrat ditukarkan kepada huruf yā'.

(3) Sekiranya fonem wāw terletak di antara huruf yang berbaris kasrat dan huruf

alif dalam kata terbitan kata kerja ajwaf. Contohnya: الصِّيَامُ، الْقِيَامُ، الِإِنْقِيَادُ

Asalnya ialah صِيَامٌ، قِيَامٌ، إِنْقِيَادٌ.

(4) Sekiranya huruf wāw terletak selepas huruf yang berbaris kasrat dalam kata jamak yang huruf lām fi‘lnya merupakan huruf sahīh bagi pola (فعال). Seperti:

كَارٌ، رُوحٌ دِوارٌ، كَالْدِيَارٌ، الْبَاحِرٌ

Asalnya ialah كَرْزٌ، رُؤْحٌ.

(5) Sekiranya huruf wāw merupakan ‘ayn fi‘l pada kata jamak taksir yang lam

fi‘ilnya adalah huruf sahīh bagi pola (فعال). Selain itu, ‘ayn fi‘lnya adalah berbaris

sukun dalam kata tunggal seperti بَوْبٌ ثَيَابٌ حُوضٌ حِيَاضٌ. Asalnya ialah بَوْبٌ،

ثَيَابٌ، حُوضٌ، حِيَاضٌ.

(6) Sekiranya huruf wāw dan yā’ berkumpul dalam satu perkataan dan huruf

sebelumnya berbaris sukun, maka ditukarkan kepada yā’. Seperti: هَيْنَ وَسِيدٌ

asalnya هَيْنَ وَسِيدٌ dalam pola (فَعِيلٌ). Dalam keadaan ini, sekiranya berkumpul

huruf yā’ dan huruf wāw dan huruf pertama berbaris sukun, maka huruf wāw

ditukarkan kepada fonem yā’. Selepas itu, fonem yā’ diidhamkan ke dalam yā’

satu lagi.

(7) Sekiranya huruf wāw merupakan lām fi‘l bagi pola kata sifat (فعلي). Seperti

ذَنَّا يَلْكُنُو ذَنْوَرًا عَلْمُوا دُنْوَى دُنْيَا

Asal kedua-duanya ialah عَلْمٌ دُنْوَى. مَا يَعْلَمُ عَلْمًا

and عَلَّا يَعْلَمُ عَلَّمًا. Maka wāw ditukarkan kepada yā’.

(8) Sekiranya huruf wāw merupakan lām fi‘l bagi kata kerja kala lampau pola

مَرْضٍ مَرْضٌ (فَعِيلٌ). Contohnya: مَرْضٌ مَرْضٌ. Asalnya ialah yang datang dalam

pola (مُفْعَولٌ). Telah berkumpul huruf wāw dan yā’ dan didahului keduanya

dengan baris sukun, maka ditukarkan wāw kepada yā’ dan diidhamkan huruf yā’

kepada huruf yā' dan meletakkan baris kasrah kepada huruf sebelumnya sebagai menggantikan baris ḍommat̄.

(9) Sekiranya huruf wāw merupakan lām fi'l bagi jamak taksir bagi pola (فَعُول).^٩

Contohnya: كُلُّوٌ عَصْوَوٌ dan عَصْوَيٌ. Kata jamaknya ialah دُكُلُّوٌ عَصْوَوٌ. Maka wāw yang terakhir ditukar kepada huruf yā' menjadi دُكُلُّوٌ عَصْوَيٌ. Kemudian huruf wāw yang pertama ditukar kepada huruf yā' mengikut kaedah dan diidhamkan huruf yā' yang kedua menjadi دِلِيٌّ عَصِيٌّ dan ditukarkan baris ḍommat̄ kepada baris kasrah menjadi دِلِيٌّ عَصِيٌّ.

(10) Sekiranya huruf wāw terletak selepas baris fathah di akhir kata kerja kala lampau empat huruf atau lebih, dengan syarat ditukar kepada huruf yā' pada kata kerja kala kini. Contohnya زَكْوَتْ وَأَعْطَيْتْ dan زَكَنْتْ وَأَعْطَيْتْ. Asalnya ialah زَكَنْتْ وَأَعْطَيْتْ. Fonem wāw terletak di akhir perkataan kata kerja kala lampau dan merupakan huruf keempat yang sebelumnya berbaris fathat̄. Maka fonem wāw mesti ditukarkan kepada fonem yā'.

3) Huruf Yā' Ditukar Kepada Wāw

Pertukaran ini melibatkan empat keadaan iaitu:

i) Sekiranya huruf yā' yang berbaris sukun terletak selepas huruf yang berbaris ḍommah dengan syarat perkataan itu bukan kata jamak. Contohnya أَيْضَنْ مُيْقَنْ

مُيْقَنْ. Huruf yā' yang berbaris sukun terletak selepas huruf yang berbaris ḍommah maka mesti ditukar kepada huruf wāw menjadi يُوقِنْ مُوقِنْ.

ii) Sekiranya huruf yā' merupakan lām fi'l, kemudian kata kerja tersebut ditukar kepada pola (فَعُول) yang digunakan untuk menunjukkan ta'ajjub. Contohnya pada kata kerja yā'iyy seperti نَهَىٰ, سَرَىٰ, سَعَىٰ. Sekiranya kita mengubahnya menjadi تَهْوَى bermakna seperti ما أَسْنَاهُ سَعْوَةٌ bermakna سَرْوَةٌ and ما أَنْجَاهَ سَعْوَةٌ bermakna سَعْوَةٌ.

iii) Sekiranya huruf yā' merupakan lām fi'l bagi kata nama bagi pola فَعْلِي dengan fā' berbaris fathat. Contohnya فَسْوَى dan تَسْوَى. Asalnya ialah قَتْيَا and تَقْتَيَا.

iv) Sekiranya huruf yā' merupakan 'ayn fi'l bagi kata nama bagi pola فَعْلِي. Contohnya طَنِيب بَطْنِي. Asalnya ialah طُنِيَّ yang berasal dari kata kerja طَنِيب طَبَاب.

4) Huruf Alif Ditukar Kepada Yā'

Menurut Abdurrahman Al-Rājīhiy (1984:167), huruf alif ditukar kepada huruf yā' dalam dua keadaan seperti berikut:

i) Sekiranya huruf alif terletak selepas baris kasrat. Contoh: مِقْتَاح. Sekiranya ditukar kepada bentuk jamak taksir ia akan menjadi مَمَاتِ اح, fonem alif terletak selepas baris kasrat, maka ia perlu ditukar kepada huruf yā' menjadi مَفَاتِيح. Hal ini kerana seperti yang diketahui huruf alif tidak didahului dengan baris lain melainkan baris fathat.

ii) Sekiranya huruf alif terletak selepas huruf yā' taṣghīr. Contoh: كِتَاب. Sekiranya ditukar dalam bentuk taṣghīr menjadi كُتَيْب. Huruf alif terletak selepas fonem yā' bertanda sukun, maka ia perlu ditukar kepada huruf yā' dan diidhamkan huruf yā' itu menjadi كُتَيْب.

5) Huruf Wāw dan Huruf Yā' Ditukar Kepada Huruf Hamzat

i) Sekiranya huruf waw dan huruf ya' terletak di hujung selepas huruf alif tambahan, iaitu terletak di akhir perkataan dengan syarat didahului dengan huruf alif tambahan. Contoh: سَمَاء and بِنَاء

asalnya ialah فَعَال سَمَاء و wazan فَعَال

asalnya ialah بَنَاء و wazan فَعَال بَنَاء

ii) Sekiranya huruf wāw dan fonem yā' merupakan 'ayn fi'l bagi kata nama pelaku. Dengan syarat kata kerja tersebut merupakan kata kerja ajwaf iaitu 'ain fi'lnya merupakan huruf 'illat. Contoh: **بَاعَ قَالَ** dan **بَاعَ قَالَ**.

بَاعَ asalnya ialah **قَوْلٌ** ditukarkan kepada huruf alif mengikut kaedah yang telah disebut. Sekiranya kita ingin mengubahnya ke dalam bentuk kata nama pelaku **قَاعِلٌ**. Huruf waw merupakan 'ayn fi'l bagi kata nama pelaku, maka ia perlu ditukarkan kepada huruf hamzah menjadi **قَائِلٌ**.

بَاعَ asalnya ialah **بَيْعٌ** telah ditukarkan kepada alif. Kata nama pelakunya ialah **بَيْعٌ**, maka ditukarkan kepada huruf hamzah menjadi **بَائِعٌ**.

iii) Sekiranya huruf wāw dan huruf yā' terletak selepas huruf alif pola (**مَعَالِي**) atau yang seumpamanya pada bilangan huruf dan jenis barisnya, dengan syarat huruf wāw dan huruf yā' merupakan tanda mad atau huruf yang bertanda mati dan merupakan huruf ketiga dalam perkataan tunggalnya. Contoh **صَحِيفَةٌ**, huruf yā' merupakan huruf tambahan kerana mengikut pola **فَعِيلَةٌ** dan merupakan huruf mad dan merupakan huruf ketiga di dalam perkataan. Apabila dijamakkan menjadi **صَحَافِيفٍ**. Maka huruf yā' terletak selepas alif **مَعَالِي** atau seumpamanya. Oleh kerana pola di sini ialah **فَعَابِلٌ** maka huruf yā' ditukar kepada hamzah menjadi **صَحَافِفٍ**.

iv) Sekiranya huruf wāw dan huruf yā' terletak selepas huruf 'illat dengan syarat dipisahkan antara keduanya huruf alif (**مَعَالِي**). Contohnya: **بَيْنَ**, huruf yā' bertanda syaddah, yang menunjukkan terdiri daripada dua huruf ya'. Apabila dijamakkan, ia akan menjadi **بَيَّنَ**. Huruf yā' terletak selepas huruf alif **مَعَالِي** atau seumpamanya dan sebelumnya huruf yā'. Maka, huruf yā' itu perlu ditukarkan kepada huruf hamzah menjadi **بَيَّنَ**.

v) Sekiranya dua huruf wāw berkumpul di awal perkataan dengan syarat huruf waw yang kedua bukan wāw yang ditukar dari huruf yang lain. Contoh:

وَوَصِيلٌ قَاعِدٌ jamak taksirnya mengikut pola قَاعِدٌ وَصِيلٌ jamak taksirnya وَصِيلٌ. Telah berkumpul dua huruf waw serentak dan huruf kedua merupakan huruf asal bukan huruf yang ditukar dari huruf lain. Maka, huruf pertama perlu ditukar kepada huruf hamzah menjadi أَوَصِيلٌ.

6) Huruf Wāw dan Huruf Yā' Ditukar Kepada Alif

Sepertimana yang diketahui kata kerja seperti (فَلَّ) adalah berasal dari (فَوْلَ). Manakala kata kerja (بَاعَ) berasal dari (بَيْعَ). Hal ini berlaku kerana kebiasaan apabila huruf wāw dan huruf yā' didahului oleh huruf yang berbaris fathah, maka ia akan ditukarkan kepada huruf alif bagi menyesuaikannya dengan baris fathah sebelumnya.

7) Huruf Hamzat Ditukar Kepada Huruf Wāw atau Yā'

Huruf hamzah ditukar kepada huruf ya' selalunya berlaku pada kata jamak yang menggunakan pola (مُعَابِلٌ) atau (فَعَالٌ). Sekiranya huruf hamzah terletak selepas huruf alif dan lam fi'lnya hamzah, wāw atau yā', maka baris kasrah pada fonem hamzah ditukarkan kepada baris fatha \underline{t} . Fonem hamzah itu ditukar kepada fonem yā' berlaku pada tiga keadaan:

i) Sekiranya lām fi'lnya merupakan huruf hamzah. Contohnya perkataan خطبَيْعَةٌ. Kata jamaknya ialah خطبَيْعٌ. Asal kata jamaknya ialah (خطبَيْعٌ) atas pola (فَعَالٌ), maka telah ditukar huruf yā' yang berbaris kasra \underline{t} kepada huruf hamza \underline{t} menjadi خطبَائِيْعٌ (iaitu dengan dua hamzah). Kemudian huruf hamzah yang kedua ditukar kepada yā' kerana terletak selepas kasrah menjadi خطبَائِيْعٌ. Ditukar baris kasra \underline{t} hamza \underline{t} kepada baris fatha \underline{t} untuk meringankan sebutan menjadi خطبَائِيْعٌ. Kemudian fonem yā' ditukar kepada alif disebabkan barisnya dan baris fatha \underline{t} sebelumnya

menjadi (مَطْلَعًا). Maka terhasillah fonem hamzat yang berada di antara dua alif. Disebabkan itu, fonem hamzat ditukar kepada fonem yā' bagi mengelak terkumpulnya fonem alif. Hal ini kerana hamzat seperti alif, sekiranya dikekalkan, seolah-olah terkumpulnya tiga alif. Perkara ini tidak harus berlaku, maka perkataan ini ditukar menjadi مَطْلَبًا.

ii) Sekiranya lam fi'lnya adalah fonem yā' asli. Contohnya perkataan قَضَيْةٌ jamaknya یَقْضَى. Asal kata jamaknya ialah (قَضَائِيَّاتٍ) atas pola (فَعَالِيَّاتٍ), maka telah ditukar huruf yā' yang berbaris kasrat kepada huruf hamzat menjadi قَضَائِيَّاتٍ. Ditukar baris kasrat hamzat kepada baris fathat untuk meringankan sebutan menjadi قَضَائِيَّاتٍ. Kemudian fonem yā' ditukar kepada alif disebabkan barisnya dan baris fathat sebelumnya menjadi (قَضَاءٌ). Maka terhasillah fonem hamzat yang berada di antara dua alif. Disebabkan itu, fonem hamzat ditukar kepada fonem yā' bagi mengelak terkumpulnya fonem alif. Hal ini kerana hamzat seperti alif, sekiranya dikekalkan, seolah-olah terkumpulnya tiga alif. Perkara ini tidak harus berlaku, maka perkataan ini ditukar menjadi قَضَائِيَّاتٍ.

iii) Sekiranya lām fi'ilnya huruf wāw yang ditukar kepada huruf yā' dalam keadaan tunggal. Seperti perkataan مَطْلَيَّةٌ. Kata jamaknya ialah مَطْلَبَاتٍ. Asal kata jamaknya ialah مَطْلَبَيَّاتٍ, kata jamaknya ialah مَطْلَبَيَّاتٍ atas pola (فَعَالِيَّاتٍ). Huruf wāw di akhir ditukar kepada kerana terletak selepas kasrah menjadi مَطْلَبَيَّاتٍ. Kemudian, fonem yā' yang pertama ditukar kepada hamzah menjadi مَطْلَبَيَّاتٍ. Ditukar baris kasrat hamzat kepada baris fathat untuk meringankan sebutan menjadi مَطْلَبَيَّاتٍ. Kemudian fonem yā' ditukar kepada alif disebabkan barisnya dan baris fathat sebelumnya menjadi مَطْلَبَاتٍ. Maka ditukar fonem hamzah kepada fonem yā' menjadi مَطْلَبَاتٍ.

8) Menukar Huruf Hamzat Kepada Huruf Wāw

Pertukaran ini berlaku pada perkataan yang lam fi‘ilnya wāw. Contohnya perkataan هِرَأْوَةٌ. Perkataan ini datang dalam pola (فَعَالَةٌ). Huruf wāw di sini adalah asli. Sekiranya dijamakkannya menjadi (فَعَائِلٌ). Selepas mengalami proses I‘lāl menjadi هِرَأْوَى mengikut kaedah berikut:

هِرَأْوَةٌ dijamakkan menjadi هِرَأْيُو (ini kerana fonem alif ditukarkan kepada fonem hamzat mengikut kaedah yang lalu). Fonem wāw ditukarkan kepada yā’ kerana berada di hujung dan berada selepas baris kasrat menjadi هِرَأْيٰ. Kemudian baris kasrat pada fonem hamzat ditukarkan kepada baris fathat menjadi هِرَأْيٰ. Kemudian menukar fonem yā’ kepada fonem alif menjadi هِرَأْعٰا. Akhir sekali fonem hamzat ditukarkan kepada fonem wāw menjadi هِرَأْوَى.

9) Huruf Alif Ditukar Kepada Huruf Wāw

Hal ini berlaku apabila fonem alif terletak selepas fonem yang berbaris dommat. Contohnya:

شَاهَدَ السَّائِحَ النَّيْلَ. Huruf (alif) dalam perkataan (شَاهَد) merupakan huruf tambahan. Sekiranya dibina sebagai kata kerja majhul (المُجْهُولُ), maka ia dibina di atas baris dommat sebelum huruf alif. Maka huruf alif perlu ditukarkan kepada huruf waw menjadi شُوَهِدَ النَّيْلُ.

10) Huruf Alif Ditukar Kepada Huruf Yā’

Huruf alif ditukar kepada fonem yā’ jika terletak selepas huruf yā’ bagi kata nama tasghīr seperti perkataan كِتَابٌ (تصغير). Kata nama tasghīrnnya ialah كُتُبٌ. Fonem alif ditukarkan kepada yā’ dan diidhamkan dengan yā’ tasghīr.

11) Huruf Hamzat Ditukar Kepada Huruf Alif

Setiap perkataan yang berkumpul pada awalnya dua hamzat dan hamzat pertama berbaris yang kedua sukun maka perlu ditukar hamzat yang kedua kepada huruf īn. Hal ini kerana hamzat adalah huruf yang berat. Maka perlu digugurkan salah satu daripadanya supaya menjadi lebih ringan. Seperti perkataan آدم، آخَر و آمنَ. Perkataan آدم asalnya ialah آدَم dengan dua hamzat kerana datang dalam wazan (جفعان). Hamzat pertama adalah hamzat فعل manakala hamzat kedua adalah fa' fi'il yang bertanda sukun. Maka ditukar hamzat kedua dan menjadikannya huruf mad yang sesuai dengan baris sebelumnya.

Sekiranya hamzat pertama berbaris dommat, maka hamzat kedua perlu ditukar kepada huruf waw. Seperti perkataan أُوْمَنْ. Asalnya ialah أُوْمَنْ. Sekiranya hamzat pertama berbaris kasrat, maka hamzat kedua perlu ditukar kepada huruf yā' seperti perkataan إِيْمَنْ. Asalnya ialah إِيْمَنْ.

c) Al-I'lāl bi al-Naql (الاعلال بالنقل)

Merujuk kepada sumber-sumber yang membincangkan topik ini, sebahagian ahli linguistik Arab mengungkapkannya dengan al-I'lāl bi al-Taskīn (الاعلال بالتسكين). Al-I'lāl bi al-Naql melibatkan perpindahan baris pada huruf 'illat.

Rajiy al-Asmir (1993 : 147) mentakrifkan al-I'lāl bi al-Naql sebagai satu pemindahan tanda sukun yang terdapat pada huruf sahih yang menerima tanda sukun sebelumnya. Ia hanya berlaku pada huruf wāw dan yā' sahaja. I'lāl jenis ini berlaku pada empat keadaan iaitu:

i) Sekiranya ‘ayn kalimah adalah fonem wāw dan yā’ yang berbaris, dan didahului dengan huruf sahīh yang bertanda sukun, maka, dipindahkan baris ‘ayn kepada huruf yang bertanda sukun sebelumnya. Hal ini disebabkan kesusahan yang berlaku ketika menyebut huruf ‘illat. Baris yang dipindahkan ini sama ada disesuaikan dengannya ataupun tidak.

Sekiranya baris yang dipindahkan itu dari jenis yang sama dengan huruf ‘illat, maka baris itu hanya perlu dipindahkan kepada huruf sahīh yang bertanda sukun sebelumnya. Contohnya perkataan *جَلَّ* dan *بَعْ*. Perkataan *جَلَّ* berasal dari *جَوْلَ* dan kata kerja kala kini *يُجْفِلُ* berasal dari *يُجْفُلُ*. Baris huruf ‘illat wāw iaitu ḍommāt telah dipindahkan kepada huruf qāf yang bertanda sukun dan huruf wāw dikekalkan kerana baris yang berada pada huruf wāw adalah ḍommāt. Perkataan *بَعْ* berasal dari *بَيْعَ*, dan kata kerja kala kini *بَيْعَ* berasal dari *بَيْعَ*. Baris huruf ‘illat yā’ iaitu kasrat telah dipindahkan kepada huruf bā’ yang bertanda sukun dan huruf yā’ dikekalkan kerana baris yang berada pada huruf bā’ adalah kasrat.

Sekiranya baris yang dipindahkan dari huruf ‘illat bukan dari jenisnya, maka perlu ditukarkan huruf ‘illat itu mengikut jenis baris tersebut. Contohnya perkataan *أَقْمَ* dan *أَمَانٌ*. Perkataan *أَقْمَ* asalnya ialah *أَقْوَمَ* dengan pemindahan baris ‘ayn fi’ilnya menjadi *أَقْوَمَ*. Huruf illat iaitu huruf waw ditukarkan kepada huruf alif kerana disesuaikan dengan baris fathah sebelumnya menjadi *أَقْمَ*. Perkataan *أَمَانٌ* asalnya ialah *أَمِيلٌ* dengan memindahkan baris ‘ain menjadi *أَمِيلٌ*. Fonem ya’ ditukarkan kepada fonem alif kerana disesuaikan dengan baris fathāt sebelumnya menjadi *أَمَانٌ*. Begitu juga keadaannya bagi kata kerja kala kini iaitu *يَمْلِئُ* dan *يَمْلِئُ* di mana kata asalnya ialah *يَمْلِئُ* dan *يَمْلِئُ*.

Baris fonem wāw dan yā’ dipindahkan kepada huruf yang bertanda sukun sebelumnya, kemudian ditukar fonem wāw dan fonem yā’ kepada fonem alif

selepas baris fatha \underline{t} dan ditukar kepada fonem yā' selepas kasrat bagi menyesuaikan antara baris dan huruf selepasnya.

ii) Sekiranya 'ayn kalimah pada kata nama menyerupai wazan kata kerja muḍārī' tanpa penambahan. Contohnya perkataan **مَقَام**, asalnya ialah **مَقْوُم** dengan wazan "يَعْلَم". Apabila dipindahkan barisnya menjadi **مَقَوْم**. Fonem waw ditukarkan kepada fonem alif kerana baris fatha \underline{t} sebelumnya menjadi **مَقَام**.

iii) Sekiranya fonem wāw dan fonem yā' merupakan 'ayn kalimah mengikut wazan **مَفْعُول** pada kata kerja thulathiy ajwaf. Contohnya perkataan asalnya ialah **مَصْنُوع**. Apabila berlaku al-I'lāl bi al-Naql barisnya bertukar menjadi **مَصْنُون**. Telah berkumpul dua fonem wāw yang bertanda sukun, maka wajib digugurkan salah satunya menjadi **مَصْنُون**. Begitu juga dengan perkataan **مَبْيِع** asalnya ialah **مَبْيُون**. Apabila berlaku i'lāl bi al-Naql barisnya bertukar menjadi **مَبْيُون**. Telah berkumpul dua fonem yang bertanda sukun iaitu fonem wāw dan fonem yā'. Maka fonem wāw telah digugurkan menjadi **مَبْيِع**. Fonem bā' dikasrahkan bagi menyesuaikannya dengan fonem yā' selepasnya menjadi **مَبْيِع**.

iv) Sekiranya 'ayn kalimah adalah huruf wāw dan huruf yā' pada kata terbitan **إِسْتَفْعَال** (**المُصْبَر**) dengan wazan **إِفْعَال** dan **إِسْتَفْعَال**. Contohnya perkataan **إِقَامَة**, asalnya ialah **إِقْوَام**. Huruf wāw telah ditukarkan kepada huruf alif bagi menyesuaikannya dengan baris fathah sebelumnya menjadi **إِقَامَ**. Kemudian huruf alif yang kedua telah digugurkan disebabkan huruf ini merupakan huruf tambahan dan berada hampir diakhir perkataan dan digantikan dengan fonem tā' ta'nīth (**تَاءُ الْتَّانِيَث**) pada akhirnya menjadi **إِسْتَفْعَالَة**. Begitu juga yang berlaku pada perkataan **إِسْتَفْعَالَة**.

2.2.2.2 Al-Ibdāl

Ibdāl ialah membuang satu huruf dan menggantikannya dengan huruf yang lain. Ia sama seperti al-I'lāl iaitu melibatkan perubahan pada tempat sesuatu huruf. Beza antara keduanya ialah al-I'lāl melibatkan penggantian dengan huruf 'illat sahaja manakala al-Ibdāl melibatkan penggantian huruf 'illat dan huruf sahīh. Al-Ibdāl ialah meletakkan satu huruf kepada tempat huruf yang lain bagi memudahkan sebutan. Al-Ibdāl ini terjadi secara khususnya kepada huruf sahīh seperti penggantian huruf tā' kepada huruf tā' pada perkataan *اضطجع* yang berasal dari perkataan *استبر*. Namun ia juga berlaku terhadap huruf 'illat iaitu dengan menggantikan huruf 'illat di dalam sesuatu perkataan dengan huruf sahīh seperti penggantian huruf waw dan ya' kepada ta' pada perkataan *لنصف* yang berasal daripada perkataan *أوَّلنصف*.

Hal ini disokong oleh Mustafa al-Ghalāyiniyy (1997:20). Beliau menyatakan bahawa al-Ibdāl ialah menggantikan sesuatu huruf dengan huruf yang lain. Dari satu aspek, beliau berpendapat proses al-Ibdāl menyerupai al-I'lāl kerana keduanya akan melibatkan perubahan kedudukan sesuatu huruf. Manakala dari aspek yang lain ada perbezaan antara keduanya iaitu al-I'lāl berlaku khusus pada huruf 'illat. Pengguguran dan penggantian hanya melibatkan huruf-huruf 'illat sahaja. Manakala al-Ibdāl lebih umum kerana ia melibatkan huruf-huruf sahīh dan juga huruf-huruf i'lāl yang ditukarkan dengan huruf sahīh.

Al-Ibdāl ini tidak berlaku kepada semua huruf. Ia hanya berlaku kepada huruf-huruf yang tertentu. Kebanyakan para linguistik Arab telah bersetuju mengatakan terdapat sembilan huruf yang terlibat dengan proses ini yang dihimpunkan dalam perkataan "هاءات موطيا".

Al-I'lāl yang telah dibincangkan melibatkan perubahan binaan perkataan disebabkan jenis huruf 'illat yang tidak sesuai dengan vokal yang hadir sebelumnya. Manakala al-Ibdāl ini pula akan membincangkan perubahan yang berlaku pada perkataan yang melibatkan penggantian huruf yang sama makhraj atau sifatnya dengan huruf yang terdapat dalam perkataan itu. Huruf yang diganti ini merupakan huruf-huruf sahīh.

2.2.2.2.1 Proses-proses Ibdāl

a) Ibdal Huruf Wāw dan Yā' kepada Huruf Tā'

Ia melibatkan beberapa syarat seperti berikut:

- Huruf wāw dan yā' mestilah fā' fi'l bagi pola (فَعَلْ) atau salah satu daripada pecahannya seperti kata kerja kala kini, kata kerja suruhan dan kata nama subjek.

Contohnya: يَحْصُلُ yang diambil dari kata kerja وَصَلَ. Asalnya ialah اَوْتَصَلَ.

- Kedua-dua fonem ini merupakan huruf asal bukan berasal daripada fonem hamzah. Contohnya: بِسْر وَصَفَ.

Jadi, sekiranya fonem wāw dan fonem yā' merupakan fā' kalimah bagi wazan (فَعَلْ) dan pecahannya, serta merupakan huruf asli bagi perkataan tersebut, maka wajib menukarnya kepada fonem tā' dan diidhamkan dengan tā' (فَعَالْ).

Contohnya: اَتَصَلَ، يَتَصَلَّ، اَتَصَالَ.

b) Ibdāl Huruf Tā' Kepada Huruf Ṭā'.

Sekiranya huruf iṭbāq yang empat iaitu huruf šād, ḍād, ṭā' dan zā' terletak sebelum fonem tā' pola (فَعَلْ) dan pecahannya yang lain, wajib menukarkan fonem tā'

kepada fonem $\ddot{\imath}$ bagi memudahkan sebutan ta selepas huruf $\dot{ib}\bar{aq}$. Contohnya:

اطَّلَمُ، اطَّلَعَ، اصْطَبَرَ.

Sekiranya \ddot{f} fi'l bagi (فتح) adalah huruf \ddot{z} harus baginya tiga keadaan:

- i) Menukar fonem \ddot{t} kepada \ddot{t} . Contohnya: اظَّلَمُ asalnya اظَّلَمَ.
- ii) Menukar huruf \ddot{t} tadi kepada \ddot{z} dan diidghamkan keduanya. Contohnya: اظَّلَمَ dengan tasydid \ddot{z} .
- iii) Menukar \ddot{z} kepada \ddot{t} dan diidghamkan keduanya. Contohnya: اظَّلَمَ.

c) Ibdāl Huruf Tā' kepada Dāl

Huruf \ddot{t} (فتح) dan pecahannya ditukarkan kepada d:l sekiranya \ddot{f} fi'l adalah fonem dāl, dhāl atau zāy. Contohnya: اَرْدَهَى وَدَخَلَ. Hal ini kerana sebutan \ddot{t} menjadi susah selepas huruf-huruf ini. Sekiranya \ddot{f} fi'l bagi pola (فتح) dan pecahannya adalah huruf dhāl, harus baginya tiga keadaan iaitu:

- i) Menukar \ddot{t} kepada huruf dāl dan mengekalkannya. Contohnya: اُرْدَكَرُ.
- ii) Menukar huruf dāl kepada huruf dhāl dan diidghamkannya kepada dhāl. Contohnya: رَدَكَرُ.
- iii) Menukar huruf dhāl kepada huruf dāl dan diidghamkannya kepada dāl. Contohnya: رَجَرُ.

Sekiranya \ddot{t} fi'l bagi (فتح) adalah huruf zāy, harus baginya dua keadaan:

- i) Menukar huruf \ddot{t} kepada huruf dāl. Contohnya: perkataan زَجَرُ (زَجَر).
- Seperti yang telah disebut di dalam al-Quran:

(وَلَقَدْ جَاءُهُمْ مِنَ الْأَنْبَاءِ مَا فِيهِ مُزَجَّرٌ) Ayat 4, Surah al-Qamar.

ii) Menukar huruf dāl kepada zāy dan diidhamkan kepada zāy. Contohnya: **إِذْحَر**.

d) Ibdal Huruf Nūn kepada Mīm

Ditukar huruf nūn yang bertanda sukun dan tanwin kepada huruf mīm sekiranya huruf bā' berada selepas kedua-duanya. Hal ini sama ada berada dalam satu perkataan ataupun dalam dua perkataan yang berasingan. Contohnya: **اتَّبَعَتْ، مِنْ بَعْدِنَا، سَمِيعٌ بَصِيرٌ**. Kesan daripada penukaran ini hanya berlaku pada sebutan. Manakala penulisannya kekal seperti biasa.

e) Ibdal Huruf Tā' kepada Huruf Hā'

Huruf tā' ditukar kepada fonem hā' ketika waqaf atau berhenti pada kata nama tunggal. Sekiranya baris sebelum fonem tā' adalah fathah. Contohnya **فاطمة**, ataupun huruf 'illat berbaris sukun. Contohnya **صلوة**. Namun begitu, tidak semua fonem tā' boleh ditukar kepada huruf hā'. Terdapat beberapa tempat yang dikecualikan daripada penukaran ini. Antaranya:

- Huruf tā' pada kata jamak feminin seperti **عَرْفَاتٍ** dan **مُسْلِمَاتٍ** (جمع المؤنث السالم).
- Huruf tā' pada kata kerja seperti **فَامَّتْ**, pada huruf seperti **رَبَّتْ**, dan pada kata nama yang sebelum huruf tā' merupakan huruf sahīh berbaris sukun seperti **أُنْحَتْ**.

2.3 Morfo-fonologi Bahasa Arab

2.3.1 Definisi Morfo-fonologi

Istilah Morfo-fonologi ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara dua bidang tatabahasa, iaitu morfologi dan fonologi. Jadi, morfo-fonologi melibatkan pertindihan antara bidang penerbitan perkataan iaitu morfologi dengan bidang kajian bunyi iaitu fonologi. Menurut Rahmat Sato (1992), hubungan antara fonologi dengan unsur morfemik atau hubungan antara unsur fonemik dengan unsur nahuan juga perlu diperhatikan dalam kajian bahasa. Morfonologi melihat kepada struktur fonologi yang ada pada morfem, iaitu variasi fonemik yang dilalui oleh morfem di dalam kombinasinya antara satu sama lain (*The Linguistics Encyclopedia* 1991:321).

Terdapat tiga istilah yang sering digunakan untuk menggambarkan interaksi antara morfologi dan fonologi. Interaksi antara morfologi dan fonologi tersebut dalam kalangan ahli linguistik Amerika dikenali dengan morfofonemik. Akan tetapi, ahli linguistik Eropah lebih menggemari istilah morfofonologi atau morfonologi (Crystal, 2008:250). Menurut Abdullah Hassan (2006), morfofonologi secara khususnya, ialah bidang yang mengkaji perubahan bunyi pada sempadan morfem apabila dua morfem dicantumkan bagi menerbitkan perkataan. Apabila dua morfem bercantum, tiga jenis perubahan bunyi berlaku iaitu, timbul bunyi baru, pengguguran bunyi yang sedia ada ataupun terdapat bunyi yang mengalami penyesuaian daripada segi bentuk dan bunyinya.

Harimurti Kridalaksana (1996) menjelaskan, morfofonemik adalah subsistem yang menghubungkan morfologi dan fonologi. Di dalamnya dibincangkan

bagaimana morfem direalisasikan dalam peringkat fonologi, iaitu membahaskan variasi-variasi morfem yang bersifat fonologis. Dalam erti kata lain, terdapatnya perubahan fonemik di dalam morfem yang berlainan disebabkan cara kita menyebut perkataan dipengaruhi oleh struktur morfologinya (Finch, 2000:59).

Terdapat juga istilah morfonem yang menurut Lutfi Abas (1992:189), ialah fonem yang berubah-ubah, jika didahului atau diikuti oleh morfem yang lain. Manakala morfonemik pula mempelajari perubahan-perubahan fonem yang timbul sebagai akibat pertemuan morfem dengan morfem lain (Ramlan, 1978:52). Iaitu kajian mengenai struktur fonologis morfem, variasi fonemis yang dialami oleh morfem ketika bergabung dengan morfem lain, dan kajian mengenai rangkaian perubahan (McCarthy, 1991).

Jadi, morfonologi adalah kajian yang menjelaskan perubahan fonologi yang terjadi pada fonem dalam sesuatu morfem kerana gandingan morfem itu dengan morfem yang lain dalam satu perkataan. Pada dasarnya morfonologi merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mempermudah sebutan sesuatu morfem oleh pengguna bahasa. Iaitu satu struktur fonologi morfem terhadap kombinasi fonem yang dibolehkan dalam sesuatu bahasa.

Bidang morfonologi dalam bahasa Arab dilihat melibatkan proses-proses seperti al-I'lāl dan al-Ibdāl. Proses-proses ini merupakan proses pembentukan kata dalam bahasa Arab. Proses pembentukan ini melibatkan huruf-huruf sahih dan huruf-huruf illat. Namun begitu, bukan semua huruf-huruf ini sesuai digandingkan bersama. Jadi, proses al-I'lāl dan al-Ibdāl ini merupakan kaedah yang digunakan

untuk memilih fonem yang sesuai apabila didahului atau diikuti oleh morfem lain. Sebagai contoh kata kerja seperti وَصَلَ (sampai) dan يَسِّرْ (mudah). Daripada dua kata kerja ini boleh dibentuk kata kerja lain yang berdasarkan pola اُفْتَحْ like seperti اُوَّلَيْتَ and اُوَّلَيْتَ. Kedudukan fonem wāw dan yā' yang diikuti dengan tā' menimbulkan kesulitan pada sebutan dan kedua-dua fonem tersebut perlu digantikan dengan tā'. Kesulitan pada sebutan inilah yang menyebabkan berlakunya perubahan pada perkataan yang mempunyai huruf 'illat dan huruf sahih. Hal ini telah menyebabkan wujudnya proses-proses perubahan seperti I'lāl dan Ibdāl bagi memudahkan sebutan.

Dalam bahasa Melayu misalnya, satu fonem dari sesuatu alomorf berubah menjadi fonem lain jika fonem itu didekatkan dengan alomorf lain. Contohnya *p* dari pukul berubah menjadi *m* jika didekatkan dengan meN- iaitu menjadi memukul. Proses yang demikian disebut proses morfonemik. Menurut Zainab Ahmad (1983:547), proses morfonemik ataupun morfonologi ini melibatkan beberapa proses. Antaranya:

- 1) Perubahan sesuatu fonem kepada fonem lain.

Misalnya, apabila meN- dicantumkan dengan kata-kata yang bermula dengan konsonan tak bersuara k,p,s,t maka fonem ini mengalami proses nasalisasi dan konsonan k,p,s,t akan berubah menjadi ɳ,m,ɳ,n.

Contoh perkataan Bahasa Melayu:

meN – pukul /me – mukul/ [mə + mu + kul]

meN – kantuk /me – ngantuk/ [mə + ɳan + tuk]

Contoh perkataan Bahasa Arab:

Sebagai contoh perkataan **مسيطر** (memaksa). Fonem **sin** digantikan dengan **şad** dan perkataan tersebut berubah menjadi **مُصْطَر**. Penggunaan fonem **şad** pada perkataan **مُصْطَر** hasil daripada proses ibdāl yang melibatkan pertukaran fonem **sin** kepada **şad**. Perubahan ini berlaku membabitkan kedua-dua fonem tersebut disebabkan oleh makhraj dan sifat kedua-duanya yang hampir sama. Oleh itu, didapati pertukaran fonem **sin** kepada memudahkan sebutan.

2) Penambahan fonem.

Iaitu apabila meN dicantumkan dengan kata akar yang ekasuku, maka kata itu akan mendapat fonem /ə/ sebelum kata akar. Contoh:

meN – bom /menge – bom/ [mə + ɳə + bom]

3) Perubahan zero.

Iaitu apabila meN dicantumkan dengan kata dasar yang bermula dengan konsonan w, n, ny, r, m, ng dan L. Contohnya: meN – wakil – i /me – wakil – i/ [me + wa + ki + li]

Menurut Zainab Ahmad (1983:548), hukum morfonem juga berlaku untuk kata-kata yang berasal dari bahasa asing. Jika dilihat sejarah perkembangan bahasa Melayu misalnya, banyak kata asing telah dimasukkan ke dalam perbendaharaan kata Melayu. Bahasa-bahasa asing ini termasuklah bahasa-bahasa Sanskrit, Portugis, Arab, Inggeris dan sebagainya. Kemasukan kata asing ini membawa bersama-samanya huruf asing dari bahasa Arab seperti γ, h, ſ, z dan sebagainya.

Setakat ini belum ada rumus-rumus yang pasti untuk dapat dijadikan panduan untuk menuliskan kata-kata terbitan bagi kata-kata pinjaman. Ketidakseragaman banyak berlaku terutamanya pada kata-kata pinjaman. Dalam bahasa Arab, banyak kata pinjaman yang masuk akhir-akhir ini berasal dari bahasa Inggeris. Walaupun hakikatnya, bahasa Arab banyak mempengaruhi bahasa lain termasuk bahasa Inggeris. Ketidakseragaman berlaku disebabkan perbezaan struktur di dalam sesuatu bahasa. Hal ini kerana setiap bahasa mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Contoh pinjaman kata yang berlaku ialah:

Bahasa Inggeris

Strategy [strætədʒi]

Bahasa Arab

[istira:ti:dʒi:]

Penambahan fonem /i/ pada awal perkataan telah berlaku di dalam bahasa Arab. Hal ini kerana, perkataan bahasa Arab tidak akan dimulakan dengan dua huruf konsonan. Selain itu juga bunyi [æ] dan bunyi [ə] di dalam bahasa Inggeris digantikan dengan bunyi [i] iaitu vokal panjang /i/ di dalam bahasa Arab.

2.3.2 Proses Morfo-fonologi

Proses morfo-fonologi adalah gabungan proses fonologi dan proses morfologi bahasa Arab. Proses-proses ini melibatkan proses-proses yang mengalami perubahan pada aspek bunyi (fonologi) serta melibatkan perubahan pada struktur (morfologi) perkataan. Dari penelitian penulis, terdapat beberapa proses morfologi bahasa Arab yang dapat dikategorikan sebagai proses morfo-fonologi iaitu al-I'lāl bi al-Hazf, al-I'lāl bi al-Qalb, Ibdāl fonem wāw dan fonem yā' kepada fonem tā', Ibdāl fonem tā' kepada fonem ṭā' dan Ibdāl fonem tā' kepada dāl pada pola

2.3.2.1 Al-I'lāl bi al-Hazf

Proses morfo-fonologi di dalam proses al-I'lāl bi al-Hazf berlaku pada pengguguran fā' fi'l dan pengguguran 'ayn fi'l.

2.3.2.1.1 Pengguguran Fā' Fi'l

Pengguguran huruf 'illat pada fā' fi'l berlaku pada kata kerja mithāl thulāthiyy (مثال ثلثي). Ia terjadi pada pola kata kerja kala kini, kata kerja perintah dan kata terbitan. Apabila pola kata kerja kala kini terdiri daripada huruf wāw mithāl ma'lūm (المثال المعلوم الواوي) yang selari dengan pola يَعْلَمُ yang mana pola 'ain bertanda kasrah (bawah), maka huruf yang terletak pada kedudukan fā' fi'il mesti digugurkan. Contohnya وَصَلَ asal kata kerja kala kini adalah يَوْصِلُ. Sebelum berlaku al-I'lāl, huruf wāw masih terdapat pada pola kata kerja kala kini يَوْصِلُ. Setelah berlaku al-i'lāl dengan pengguguran huruf wāw, maka perkataan yang dihasilkan adalah يَصِلُ (sampai).

Pengguguran huruf wāw berlaku pada kata kerja kala kini (mudari') pula menjadikan perkataan tersebut hanya terdiri daripada dua huruf sahaja apabila diubah kepada kata kerja perintah iaitu صَلَ (hubungkan). Pengguguran kata terbitan pula melibatkan pengguguran fa' fi'ilnya dan digantikan dengan fonem tā'. Contohnya: وَصَلَ يَصِلُ صَلَةً. Asalnya ialah وَصَلَ. Baris kasrah pada wāw dipindahkan kepada fonem 'ayn kerana susah disebut dan merupakan kata kerja mu'tal. Maka fonem wāw digugurkan menjadi صَلَهٗ polanya ialah عَلَهُ.

Jadi, pengguguran fā' fi'l ini melibatkan perubahan pada unsur morfologi kerana melibatkan pola يَعْلَم. Huruf wāw digugurkan disebabkan kedudukannya di antara yā' dan baris kasrah. Penulis berpendapat, alasan pengguguran ini adalah bagi mengelak kedudukan wāw terletak di antara huruf yā' yang berbaris fathat dan huruf yang berbaris kasrat. Alasan ini merupakan alasan dari aspek fonologi. Baris fathat dan kasrat tidak sesuai dengan huruf wāw. Huruf wāw sesuai dengan baris dommat.

2.3.2.1.2 Pengguguran ‘Ayn Fi’l

Apabila huruf ‘illat yang terdapat pada kata kerja mādi mu’tal diikuti dengan tanda sukun pada lam fi'l seperti قُوْمٌ maka ia digugurkan tanpa sebarang gantian. Keadaan ini berlaku apabila kata kerja tersebut berhubung dengan ganti nama nominatif. Daripada perkataan قُوْمٌ, huruf yang terletak pada kedudukan ‘ayn fi'l adalah huruf wāw dan lām fi'l ialah fonem mīm. Manakala ganti nama nominatif ialah fonem tā'. Oleh kerana huruf waw merupakan huruf ‘illat dan diikuti dengan tanda sukun pada lam fi'il, ia perlu digugurkan. Akhirnya perkataan tersebut dibina sebagai قُمْ (saya berdiri).

Pengguguran huruf ‘illat pada ‘ayn fi'l juga berlaku apabila dihubungkan dengan lam jazm. Contohnya pengguguran huruf waw pada perkataan يَقُومُ (dia berdiri). Ia berlaku apabila perkataan tersebut dimasuki lām jazmi dan mengubahnya menjadi يَقُمْ (dia tidak berdiri). Begitu juga ketika perkataan tersebut dibina sebagai kata kerja perintah قُمْ (berdirilah). Huruf wāw digugurkan tanpa dipengaruhi oleh sesuatu huruf tetapi digugurkan berdasarkan kepada kaedah pola amr. Kedua-dua perkataan tersebut berasal daripada يَقُومُ و قُمْ (Ayman Amin : 2000 : 280). Tujuan pengguguran huruf-huruf ‘illat pada kata kerja kala

kini setelah dimasuki lam jazmi dan pola amr ialah untuk mengelakkan daripada terkumpul dua tanda sukun pada satu perkataan.

Proses ini dikatakan proses morfo-fonologi kerana, pengguguran ‘ayn fi’l ini melibatkan perubahan pada unsur morfologi. Hal ini kerana melibatkan kata kerja mādī mu’tal yang bersambung dengan ganti nama nominatif. Huruf wāw digugurkan disebabkan terkumpulnya dua tanda sukun pada satu perkataan. Hal ini merupakan faktor fonologi kerana tiada suku kata bahasa Arab yang terdiri daripada dua tanda sukun.

2.3.2.2 Al- I'lāl Bi al-Qalb

Proses morfo-fonologi di dalam proses al-I'lāl bi al-Qalb berlaku pada penukaran huruf wāw dan yā' kepada huruf alīf, penukaran salah satu dari huruf ‘illat (اَلْيَاءُ وَالْمُنْتَهِيَّةُ) kepada huruf ‘illat yang lain. Ia berlaku dalam beberapa keadaan, iaitu:

2.3.2.2.1 Menukar Huruf Wāw dan Yā' Kepada Huruf Alīf.

Penukaran huruf wāw dan yā' kepada huruf alīf berlaku apabila kedua-dua fonem ini didahului dengan baris fathah, maka ianya akan ditukarkan kepada fonem alīf. Contohnya: قَالَ، بَعْدَ. Huruf alīf dalam kalimah (قالَ) adalah hasil penukaran dari huruf wāw. Asalnya ialah (فَوْقَ) dengan wāw berbaris fathah dan sebelumnya berbaris fathah maka ditukarkan kepada alif menjadi (أَلِفَ). Begitu juga dengan perkataan بَعْدَ (بَعْدَ) yang berasal dari (بَعْدَ) dengan yā' berbaris fathah dan sebelumnya berbaris fathah. Maka ditukar kepada alif menjadi (أَلِفَ). Hal ini berlaku kepada

مَال وَجَاد مَال وَجَاد (أَجْوَفْ : ‘aynnya huruf ‘illat) seperti kata kerja **وحَاد وَقَام وَسَاد**.

Proses ini dikatakan proses morfo-fonologi kerana penukaran huruf wāw dan yā’ kepada alīf melibatkan faktor morfologi kerana melibatkan kata kerja ajwaf. Selain itu, penukaran ini juga melibatkan faktor fonologi apabila baris fathah perlu dipadankan dengan huruf alīf.

2.3.2.2 Menukar Huruf Wāw Kepada Yā’

Penukaran huruf wāw kepada huruf yā’ berlaku pada banyak tempat iaitu:

- a) Sekiranya huruf wāw yang berbaris sukun terletak selepas baris kasrah. Contoh: **مِيعَاد مِيزَان، مِيقَات**. Asalnya ialah **الموعد، الميزان، الميقات**. Ketika huruf wāw yang berbaris sukun berada selepas huruf yang berbaris kasrah, maka huruf wāw itu perlu ditukarkan kepada huruf (yā’). Penukaran huruf waw kepada huruf ya ini melibatkan faktor morfologi kerana baris kasrah sepatutnya dipadankan dengan huruf yā’. Selain itu, ia juga melibatkan faktor fonologi kerana bunyi diftong (يُو) [iw] tidak ada di dalam sistem bunyi bahasa Arab. Jadi huruf wāw perlu ditukarkan kepada huruf yā’.
- b) Sekiranya huruf wāw merupakan lām fi’l bagi jamak taksir bagi pola (نَعْوَل). Contohnya: **ذُكْرُ عَصْبُونَ** dan **ذُكْرُ عَصَبَةٍ**. Kata jamaknya ialah **ذُكْرُ عَصْبُونَ**. Maka wāw yang terakhir ditukar kepada fonem yā’ menjadi **ذُكْرُ يَعْصُبَةٍ**. Kemudian fonem wāw yang pertama ditukar kepada fonem yā’ mengikut kaedah dan diidhamkan

fonem yā' yang kedua menjadi **عَصِيٰ** dan **دُلَيْ**, dan ditukarkan baris ḍommah kepada baris kasrah menjadi **دُلَيْ** **عَصِيٰ** dan **دُلَيْ**.

Penukaran huruf wāw kepada yā' ini dikatakan sebagai proses morfo-fonologi kerana perkataan ini melibatkan perkataan jamak taksir bagi pola (نَعْوَل). Selain itu penukaran baris ḍommah kepada kasrah kerana huruf ya sepadan dengan baris kasrah. Perubahan faktor fonologi berlaku apabila baris pada huruf dāl diubah kepada baris kasrah mengikut huruf lām selepasnya.

2.3.2.2.3 Menukar Huruf Hamzah Kepada Huruf Yā'

Fonem hamzah ditukar kepada fonem yā' selalunya berlaku pada kata jamak yang menggunakan pola (مَعَالِ) atau (فَعَالِ). Sekiranya fonem hamzah terletak selepas fonem alif dan lām fi'lnya hamzah, wāw atau yā', maka baris kasrah pada fonem hamzah ditukarkan kepada baris fathah. Hal ini berlaku pada tiga keadaan:

- i) Sekiranya lām fi'lnya merupakan huruf hamzah. Contoh:

فَعَيْلَةٌ **خطَّيَّةٌ**, خطَّيَّةٌ kata jamaknya ialah **خطَّيَّةٌ**. Perkataan **خطَّيَّةٌ** dibina atas pola **فَعَيْلَةٌ**. Asal kata jamaknya ialah **(خطَّيَّ)** atas wazan (**فَعَالِ**), maka telah ditukar fonem yā' yang berbaris kasrah kepada fonem hamzah menjadi **خطَّيَّ** (iaitu dengan dua hamzah). Kemudian ditukar menjadi **خطَّيَّ**. Ditukar baris kasrah hamzah yang pertama kepada baris fathah adalah untuk memudahkan sebutan. Kemudian fonem yā' ditukar kepada alif disebabkan barisnya dan baris fathah sebelumnya menjadi **(خطَّاءٌ)**. Maka terhasillah fonem hamzah yang berada di antara dua alif. Disebabkan itu, fonem hamzah ditukar kepada fonem yā' bagi mengelak terkumpulnya fonem alif. Hal ini kerana hamzah seperti alif, sekiranya

dikekalkan, seolah-olah terkumpulnya tiga alif. Perkara ini tidak harus berlaku, maka perkataan ini ditukar menjadi **خطابا**.

ii) Sekiranya lam fi'lnya adalah fonem yā' asli. Contoh:

قضایا قضایا jamak kepada قضیة. Asalnya: قضایي kemudian menjadi قضایا.

iii) Sekiranya lam fi'lnya fonem wāw yang ditukar kepada fonem yā' dalam keadaan tunggal. Contoh:

مطابق مطابق kata jamak kepada مطابقة. Asalnya ialah مطابقة, kata jamaknya ialah مطابق. Disebabkan waw berada selepas kasrah, maka ditukar menjadi ya مطابق. Kemudian baris kasrah ditukar kepada baris fathah menjadi (مطابق) dan ditukar fonem yā' yang berada di hujung kepada huruf alif dan akhirnya huruf hamzah yang berada di tengah ditukar kepada huruf yā' menjadi (مطابق).

Proses ini dianggap sebagai proses morfo-fonologi kerana penukaran yang berlaku melibatkan faktor morfologi kerana perkataan dibina berdasarkan kata jamak yang menggunakan pola (مُفَاعِل) atau (فعائل) dalam keadaan lām fi'lnya merupakan huruf hamzah, lām fi'ilnya adalah huruf yā' asli dan lām fi'lnya huruf wāw yang ditukar kepada huruf yā' dalam keadaan tunggal. Pengumpulan tiga alif serentak melibatkan faktor fonologi. Hal ini kerana suku kata bahasa Arab tidak dibina dengan tiga huruf illat serentak.

2.3.2.2.4 Huruf Hamzat Ditukar Kepada Huruf Alif

Setiap perkataan yang berkumpul pada awalnya dua hamzat dan hamzat pertama berbaris yang kedua sukun maka perlu ditukar hamzat yang kedua kepada huruf īn. Hal ini kerana hamzat adalah huruf yang berat. Maka perlu digugurkan salah

satu daripadanya supaya menjadi lebih ringan. Seperti perkataan آمن و من آدم dan آخر آدم. Perkataan آدم asalnya ialah آدم dengan dua hamzat kerana datang dalam pola (فتح). Hamzat pertama adalah hamzat أفعى manakala hamzat kedua adalah fā' fi'l yang bertanda sukun. Maka ditukar hamzat kedua dan menjadikannya huruf mad yang sesuai dengan baris sebelumnya. Begitu juga dengan perkataan و من يؤمن dan يؤمن.

Proses penukaran hamzah kepada alif ini dikira sebagai proses morfo-fonologi kerana melibatkan faktor morfologi iaitu berlaku pada perkataan yang dibina berdasarkan pola (فتح). Penukaran ini juga melibatkan faktor fonologi iaitu kehadiran dua bunyi hamzah di awal perkataan. Bahasa Arab tidak boleh dimulakan dengan dua bunyi konsonan serentak.

2.3.2.3 Ibdal Huruf Wāw dan Huruf Yā' kepada Huruf Tā'

Sekiranya huruf wāw dan huruf yā' merupakan fā' kalimah bagi pola (فتح) dan pecahannya, serta merupakan huruf asli bagi perkataan tersebut, maka wajib menukarnya kepada huruf tā' dan diidghamkan dengan tā'. Contohnya: اِنْتَصَلَ، يَتَّصَلُ، تَتَّصَلُ. Perkataan ini berasal dari وصل. Apabila dibina berdasarkan pola (فتح) menjadi اِوْتَصَلُ. Huruf wāw digantikan dengan huruf tā' menjadi اِنْتَصَلُ. Huruf tā' diidghamkan dengan tā' menjadi اِنْتَصَلُ (فتح).

Proses ini merupakan proses morfo-fonologi kerana proses ini melibatkan faktor morfologi kerana melibatkan perkataan yang dibina berdasarkan pola (فتح). Proses ini juga melibatkan faktor fonologi kerana bunyi diftong (إيو) tidak ada di

dalam bahasa Arab. Jadi huruf wāw perlu digantikan dengan huruf tā' bagi memudahkan sebutan.

2.3.2.4 Ibdāl Huruf Tā' Kepada Huruf Ṭā'

Sekiranya huruf iṭbāq yang empat iaitu huruf šād, dād, ṭā' dan zā' terletak sebelum huruf tā' wazan (فتح) dan pecahannya yang lain, wajib menukar huruf tā' kepada huruf ṭā' bagi memudahkan sebutan tā' selepas huruf iṭbāq. Contohnya:

إِضْطَبَرَ، اطْلَعَ، اخْتَلَمَ

Sekiranya fā' fi'l bagi (فتح) adalah huruf zā' harus baginya tiga keadaan:

- i) Menukar fonem tā' kepada ṭā'. Contohnya: اخْتَلَمُ asalnya اخْتَلَمَ
- ii) Menukar huruf ṭā' tadi kepada zā' dan diidghamkan keduanya. Contohnya: اخْتَلَمَ dengan tasydid zā'.
- iii) Menukar zā' kepada ṭā' dan diidghamkan keduanya. Contohnya: اطْلَمَ.

Proses ini merupakan proses morfo-fonologi kerana proses ini melibatkan faktor morfologi kerana melibatkan perkataan yang dibina berdasarkan pola (فتح). Proses ini juga melibatkan faktor fonologi kerana bunyi bukan iṭbāq digantikan dengan bunyi iṭbāq. Hal ini memperlihatkan pengaruh huruf iṭbāq kepada huruf yang hampir dengannya. Jadi proses Ibdāl ini dibuat bagi memudahkan sebutan.

2.3.2.5 Ibdāl Huruf Tā' kepada Dāl

Fonem tā' (فتح) dan pecahannya ditukarkan kepada dāl sekiranya fā' fi'l adalah fonem dāl, zāl atau zā'i. Contohnya: ازْدَهَى وَدَخَلَ dan ازْدَهَى وَدَخَلَ. Hal ini kerana sebutan tā'

menjadi susah selepas huruf-huruf ini. Sekiranya fā' fi'l bagi wazan **(فتح)** dan pecahannya adalah huruf zāl, harus baginya tiga keadaan iaitu:

- i) Menukar tā' kepada fonem dāl dan mengekalkannya. Contohnya: **أَذْكُر**
- ii) Menukar fonem dāl kepada fonem dhāl dan diidghamkannya kepada dhāl. Contohnya: **أَذْكُر**.
- iii) Menukar fonem dhāl kepada fonem dāl dan diidghamkannya kepada dāl. Contohnya: **أَذْكُر**.

Sekiranya tā' fi'l bagi **(فتح)** adalah fonem zāy, harus baginya dua keadaan:

- i) Menukar fonem tā' kepada fonem dāl. Contohnya: perkataan **زَجَر** (**أَزْجَر**). Seperti yang telah disebut di dalam al-Quran:
(وَلَقَدْ حَاجَهُمْ مِّنَ الْأَنْبَاءِ مَا قَيْلَهُ مُزْدَجِرٌ) Ayat 4, Surah al-Qamar.
- ii) Menukar fonem dāl kepada zāy dan diidghamkan kepada zāy.

Contohnya: **أَزْجَر**.

Proses ini merupakan proses morfo-fonologi kerana proses ini melibatkan faktor morfologi kerana melibatkan perkataan yang dibina berdasarkan pola **(فتح)**. Penulis berpendapat, proses ini juga melibatkan faktor fonologi kerana huruf tā' digantikan dengan huruf dāl, dhāl dan zāy yang merupakan huruf dari makhraj yang sama iaitu huruf gigi gusi dan merupakan bunyi bersuara sedangkan huruf tā' adalah bunyi tak bersuara. Jadi proses Ibdāl ini dibuat bagi memudahkan sebutan.

2.4 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, al-I'lāl berlaku pada huruf-huruf 'illat dan sesuatu tanda bacaan dengan mengikut syarat-syarat serta kaedah-kaedah tertentu. Manakala perbincangan al-Ibdāl telah melibatkan kedua-dua jenis huruf 'illat dan sahīh yang tertumpu pada wazan افعُل. Ia juga memerlukan huruf-huruf tertentu yang dilihat mempunyai sifat dan makhraj yang sesuai dengan tanda bacaan yang digunakan. Tujuannya ialah untuk memudahkan sebutan ketika menyebut sesuatu perkataan. Terdapat juga sebahagian perkataan yang memerlukan kepada proses idghām kerana melibatkan pertukaran huruf yang sama. Penggantian huruf-huruf ini bukan sahaja berlaku pada kata kerja kala lampau, bahkan melibatkan bentuk-bentuk yang lain seperti kata kerja kala kini, kata terbitan, kata nama pelaku dan kata nama objek. Selain itu, terdapat beberapa proses morfologi yang boleh dianggap sebagai proses morfo-fonologi. Hal ini kerana proses yang berlaku melibatkan pola tertentu serta berlaku perubahan pada bunyi tertentu yang seterusnya membawa kepada perubahan huruf.

BAB TIGA

PEMINJAMAN KATA BAHASA ARAB

3.0 Pendahuluan

Bab ini akan akan membincangkan mengenai konsep peminjaman perkataan asing dalam bahasa Arab seperti al-Mu‘arrab dan al-Dakhīl. Bab ini juga akan membicarakan mengenai kaedah mengenali perkataan pinjaman dan kaedah peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Arab secara umum.

3.1 Konsep Peminjaman Kata

Manusia dilahirkan untuk saling berhubungan antara satu sama lain. Jadi, setiap masyarakat menggunakan bahasa sebagai perantaraan atau alat untuk bertukar idea, pandangan dan pendapat sesama mereka. Sebagaimana yang telah diketahui, masyarakat dahulu sering berdagang dan bermiaga dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Oleh itu, lama-kelamaan mereka terikut-ikut dan terpengaruh dengan unsur, budaya dan pengaruh luar seterusnya meresap bukan sahaja ke dalam budaya mereka, malah dapat mempengaruhi bahasa yang digunakan. Jadi, peminjaman kata berlaku kerana pertembungan antara dua bahasa atau lebih, sama ada disebabkan faktor sejarah seperti penjajahan ataupun kerana keperluan untuk melambangkan konsep-konsep baru yang tidak ada dalam bahasa yang meminjam.

Peminjaman merupakan fenomena biasa bagi bahasa yang hidup. Menurut Amat Juhari (1992), tidak ada bahasa yang diketahui dalam dunia ini yang tidak meminjam. Bahasa Inggeris yang dianggap maju itu juga banyak meminjam

perkataan asing untuk membina dan mengembangkan kosa katanya. Oleh sebab itulah bahasa Inggeris menjadi bahasa yang kaya yang dapat digunakan untuk membincangkan dan memperkatakan beberapa bidang ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Setiap perkataan di dalam manapun bahasa dapat dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu unsur natif (asli) dan unsur pinjaman. Unsur yang pertama berasal dari tahap terawal yang diketahui manakala unsur yang kedua dipinjam daripada bahasa lain. Unsur pinjaman ini dapat diklasifikasikan, “*by the type of entities from a second language*” (Lehmann, 1962:213).

Tokoh bahasa dari Indonesia, Harimurti (1983:123) mendefinisikan peminjaman kata sebagai “pemasukan unsur fonologi gramatikal, atau leksikal dalam bahasa atau dialek lain kerana kontak atau peniruan hasil proses itu disebut peminjaman (borrowing)”. Heah (1989:8) pula mendefinisikan peminjaman kata sebagai “proses pengambilan dan penggunaan unsur-unsur daripada satu bahasa yang lain dalam konteks yang lain”

3.2 Kata Pinjaman Bahasa Arab

Pelbagai istilah digunakan bagi membincangkan peminjaman kata asing di dalam bahasa Arab. Antara yang sering digunakan ialah al-Mu‘arrab, al-Ta‘rīb dan al-Dakhīl. Ketiga-tiga istilah ini didefinisikan dengan cara yang berbeza. Bahkan berlaku perbezaan pendapat tentang konsep pinjaman dalam kalangan ulama bahasa Arab dulu dan kini. Perbezaan definisi ini dilihat sama ada dari aspek zaman dan istilah yang digunakan untuk konsep ini. Hal ini kerana, kebanyakan definisi berbeza mengikut zaman dan wujudnya pelbagai istilah yang digunakan untuk menggambarkan konsep ini.

Dalam memberi definisi kepada peminjaman ini, kita dapatkan tidak ada satu definisi yang tetap. Bahkan ahli-ahli linguistik bahasa Arab telah mendefinisikannya dengan pelbagai cara dan bentuk. Menurut ‘Abd. Al-Rahmān Hammād dalam Wan Ibrahim (1995), “Peminjaman itu ialah apabila orang-orang Arab menggunakan perkataan-perkataan yang asalnya bukan bahasa Arab dan digunakan untuk sesuatu makna yang tertentu sehingga ianya sebatas menjadi perbendaharaan kata bahasa Arab dan boleh pula diisytiqāq (diterbitkan) sebagaimana berlaku kepada perkataan-perkataan Arab itu sendiri. Perkataan-perkataan pinjaman itu pula sejajar dengan pola sarf bahasa Arab dan sejajar pula dengan acuan bahasa Arab”. Proses ini telah memberi sumbangan kepada perkembangan bahasa Arab. Antara yang terpenting adalah melahirkan kosa kata baru.

Proses peminjaman adalah antara cara pembentukan istilah dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan kebudayaan. Ia memainkan peranan yang penting di dalam perkembangan Bahasa Arab. Jika dibandingkan dengan terbitan, yang memang tidak diragukan lagi merupakan cara utama untuk memperkaya kosa kata, peminjaman bahasa, bagaimanapun, memberikan sumbangan yang penting dalam proses pengayaan bahasa. Proses penting yang dilalui perkataan pinjaman ini adalah (*Arabisasi suara*) iaitu melalui adaptasi bunyi seperti bunyi kosa kata bahasa Arab, iaitu dengan membina bunyi bahasa Arab terhadap perkataan itu. Hal ini dibuat dengan mewujudkan bunyi-bunyi yang sesuai dengan bunyi bahasa Arab dan dipadankan dengan bunyi di dalam perkataan asing itu. Setiap bunyi mempunyai simbol yang diwakilinya. Simbol yang dimaksudkan ialah huruf ataupun abjad.

Subhi Saleh (1983) menganggap bahawa padanan bunyi sangat penting bagi memudahkan penerimaan perkataan asing ke dalam bahasa Arab. Maka tidak akan ada lagi masalah dalam proses *Arabisasi* perkataan asing, lebih-lebih lagi jika perkataan tersebut didapati ada di dalam bahasa Arab ketika mana perkataan tersebut sudah biasa digunakan oleh anak bangsa Arab sendiri. Padanan ini dibuat dengan menggantikan bunyi asing yang tidak terdapat padanannya dalam bahasa Arab dengan bunyi yang hampir serupa dengan bunyi bahasa Arab.

Seperti mana yang telah dijelaskan, istilah pinjaman atau peminjaman kata asing ke dalam bahasa Arab dibincangkan dengan menggunakan beberapa istilah. Istilah-istilah ini, kadang-kadang hanya berbeza dari penggunaan istilahnya sahaja tetapi membawa maksud yang sama. Antara yang paling jelas adalah istilah al-Mu‘arrab dan al-Ta‘rīb. Hal ini akan dijelaskan di bawah dengan lebih terperinci dengan mengemukakan pandangan-pandangan dari ahli linguistik Arab terhadap istilah-istilah yang berkaitan.

3.2.1 Al-Mu‘arrab dan Al-Ta‘rīb

Perkataan al-Mu‘arrab adalah perkataan yang datang dalam bentuk pola objek dari kata kerja عَرَبِيًّا، يَعْرِفُ، عَرَبٌ dan dari kata dasar مُعَرَّبٌ. Manakala perkataan al-Ta‘rīb pula adalah kata nama terbitan dari kata kerja dan kata dasar yang sama (Jamā‘ah Min Kibār al-Lughawiyīn al-‘Arab, 1989: 830). Dalam mendefinisikan perkataan al-Mu‘arrab, Abdul Rauf (2002), telah membahagikan pengertian al-Mu‘arrab ini, kepada empat pandangan utama, iaitu:

a) Pandangan pertama:

Al-Suyūṭīy mengatakan bahawa Al-mu‘arrab adalah perkataan asing yang dipinjam ke dalam bahasa Arab tanpa ada sebarang syarat-syarat tertentu. Oleh yang demikian, setiap perkataan asing yang dipinjamkan ke dalam bahasa Arab sama ada diubah fonetiknya atau tidak diubah, maka ia boleh dikategorikan sebagai al-mu‘arrab.(‘Abd al-Rahmān Jalāl al-Dīn al-Suyūṭīy,t.t:1:269).

Pandangan ini disokong oleh majoriti ulama Arab. Mereka berpandangan bahawa al-Mu‘arrab itu adalah perkataan asing yang dipinjam ke dalam bahasa Arab tanpa mempunyai apa-apa syarat. Sibawaih dan jumhur ulama bahasa Arab menyokong bahawa al-Mu‘arrab adalah hasil perpindahan sesuatu perkataan asing ke dalam bahasa Arab. Mereka berpendapat, al-Mu‘arrab adalah segala pertuturan atau percakapan orang Arab yang menggunakan perkataan-perkataan asing tanpa perlu melalui proses-proses perubahan, pengurangan ataupun penambahan (Imīl Badi‘ Ya‘qūb, 1992 : 216).

b) Pandangan kedua:

Al-Jauhāriy dalam kamusnya “al-Šihāh” (1977:202) berpendapat bahawa perkataan al-Mu‘arrab ialah perkataan asing yang dipinjam ke dalam bahasa Arab dengan syarat polanya diubah kepada pola Arab. Sesuatu pinjaman itu perlu diubah dan disesuaikan mengikut “si pemakai”.

Pandangan ini disokong oleh Al-Jawālīqīy (1990 : 65), yang menegaskan bahawa perubahan mesti dilakukan dalam proses peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Arab, sama ada dengan berubahnya fonetik huruf atau sebaliknya, di samping menyesuaikan makhraj huruf sesuatu bahasa asing kepada makhraj bahasa Arab. Jika bahasa asing itu tidak dapat disesuaikan makhrajnya ke dalam

bahasa Arab, maka ia perlu diubah sekurang-kurangnya kepada sesuatu makhraj yang paling hampir dengan makhraj Arab.

c) Pandangan ketiga:

Ahmad Muhammad Qaddur (1993:4) berpendapat bahawa al-Mu‘arrab itu adalah perkataan asing yang dipinjam ke dalam bahasa Arab sebelum kurun kedua hijrah yang berlaku pada zaman *al-Iḥtijāj*.

d) Pandangan keempat:

Al-Jawāliqīy di dalam bukunya yang bertajuk “al-Mu‘arrab Min Kalam Al-A‘jamiy ‘Ala Ḥurūf Al-Mu‘jam” (1990:13) telah mendefinisikan al-Mu‘arrab sebagai perkataan asing melalui dua syarat yang utama iaitu:

i- Perpindahan ini mestilah melalui proses pertukaran huruf dan perubahan pola dari bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Ini bermakna sekurang-kurangnya sesuatu perkataan asing yang dipinjam ke dalam bahasa Arab perlu disesuaikan dengan makhraj, pola atau fonetik huruf Arab.

ii. Perpindahan bahasa asing ke dalam bahasa Arab mestilah berlaku pada zaman *al-Iḥtijāj*, iaitu satu jangkamasa yang tertentu yang diiktiraf untuk berhujah (al-Jawāliqīy, 1990: 14)

Jadi, al-Mu‘arrab secara umumnya adalah perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab dan digunakan dengan cara bahasa Arab sama ada secara pola, bunyi atau makhraj dan kemasukkannya berlaku pada zaman *al-Iḥtijāj* dan selepasnya. Pandangan kedua dan ketiga merupakan pandangan yang merujuk kepada perkataan pinjaman dalam kajian ini. Dalam hal ini, penulis berpendapat, sesuatu

perkataan asing yang masuk di dalam bahasa Arab akan mengalami perubahan. Sekurang-kurangnya perubahan pada aspek bunyi iaitu dengan mengubah bunyi bahasa asing kepada bunyi bahasa Arab atau bunyi yang hampir dengan bunyi bahasa Arab.

Manakala istilah al-Ta‘rīb pula merujuk kepada perkara yang sama. Fahd Khalīl (2006), telah menyebut beberapa definisi yang penting dengan menggunakan istilah al-Ta‘rīb. Iaitu:

Definisi pertama : Apa yang dimaksudkan dengan al-Ta‘rīb adalah penggunaan lafaz-lafaz asing dengan cara orang Arab secara lafaz dan sebutan. Iaitu meletakkan sesuatu perkataan asing, seboleh-bolehnya dengan menjaga pola-pola bahasa Arab dan tabiat percakapan orang Arab, sehingga lafaz-lafaz ini tidak bersalah dengan sifat perkataan Arab dan iramanya. Perkataan ini juga mestilah tidak menyukarkan orang Arab sendiri untuk menyebutnya. Arabisasi jenis ini dinamakan sebagai peminjaman. Hal ini telah menyumbang kepada perkembangan bahasa Arab dengan penambahan perkataan-perkataan baru. Terutamanya dari kata nama khas seperti nama-nama tumbuhan, nama-nama haiwan, nama-nama benda, nama-nama peralatan. Begitu juga nama-nama pakaian, nama makanan dan nama minuman. Contohnya:

الكترون (elektron), الکالوری (kalori), الفایل (filem), التلوزیون (televisyen).

Definisi kedua : Maksud yang kedua ini ialah memindahkan teks-teks dari salah satu bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Jadi maksud al-Ta‘rīb di sini lebih cenderung kepada penterjemahan. Iaitu pemindahan pelbagai bidang ilmu. Umpamanya penterjemahan ilmu undang-undang, ilmu ekonomi, ilmu penyiaran,

ilmu perniagaan dan ilmu kewangan. Sama ada penterjemahan secara bertulis mahupun secara lisan.

Definisi ketiga : al-Ta‘rīb adalah proses menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa utama. Iaitu sebagai bahasa ilmu pengetahuan, bahasa pemikiran dan bahasa rasmi. Bahasa ini digunakan sebagai bahasa untuk menyampaikan perasaan, pemikiran seperti mana bahasa yang digunakan untuk menyampaikan kegemaran dan keperluannya yang pelbagai.

Ketiga-tiga ini ialah makna asas bagi perkataan al-Ta‘rīb. Definisi pertama merujuk kepada peminjaman. Definisi kedua merujuk kepada penterjemahan. Definisi ketiga memberi maksud al-Ta‘rīb secara menyeluruh. Iaitu menggunakan bahasa Arab di dalam kehidupan secara menyeluruh. Ketiga-tiga definisi ini lebih umum sifatnya. Definisi yang lebih hampir kepada kajian ini ialah definisi yang pertama. .

Al-Ta‘rīb dalam kajian ini merujuk kepada proses mengubah satu perkataan asing yang masuk dalam bahasa Arab supaya mirip kepada perkataan bahasa Arab yang asli. Perkataan ini diubah sama ada dari segi bunyi yang melambangkan sebutan dan juga dari segi ejaan yang melambangkan bentuk tulisannya. Menurut Abdul Rauf (2002:179), perkataan al-Mu‘arrab mempunyai maksud dan pengertian yang agak sama dengan al-Ta‘rīb. Jika diteliti, kedua-dua istilah ini digunakan oleh ahli linguistik Arab silam dan ahli linguistik moden apabila membincangkan mengenai peminjaman kata asing ke dalam bahasa Arab.

3.2.2 Al-Dakhil

Perkataan al-Dakhil berasal dari kata kerja (دخل) yang membawa makna masuk. Menurut ‘Aliy ‘Abd al-Wāhid Wāfiy (t.t: 199), istilah al-Dakhil bermaksud sesuatu perkataan asing yang dipinjam ke dalam bahasa Arab. Perkataan yang dipinjam ini sama ada digunakan pada zaman Jahiliyah, zaman permulaan Islam ataupun selepas zaman moden. Pada hakikatnya al-Mu‘arrab adalah sama dengan al-Dakhil. Iaitu dimaksudkan kepada perkataan asing yang dipinjam ke dalam bahasa Arab. Menurut Abd al-Qādir Muṣṭafa al-Maghribiy dalam Wan Ibrahim (1995:29):

(وَالْعَرَبُ يُسَمِّي أَيْضًا دَخِيلًا هُوَ مَا اسْتَعْمَلَهُ الْعَرَبُ مِنَ الْأَنْوَاطِ الْمَوْضُوعَةِ لِمَعْانِي فِي عَنْبَرٍ لُغَتِهَا)

Maksudnya: (al-Mu‘arrab itu juga dinamakan dengan nama dakhil, iaitu perkataan-perkataan asing yang digunakan oleh orang-orang Arab serta dipakai pada makna-makna tertentu).

Namun terdapat pendapat yang membezakan antara keduanya. Antara golongan yang membezakan antara peminjaman dan al-Dakhil ialah sarjana linguistik Arab moden seperti ‘Abd. Al-Hamid al-syalqāniy, Sya‘aban Abd al-‘Azim, dan Ahmad Abd. Rahman Hammad (Wan Ibrahim Wan Mamat 1995). Unsur utama yang diletakkan bagi membezakan di antara keduanya ialah unsur pola şarf. Bagi mereka, sekiranya sesuatu perkataan yang berasal dari bahasa asing mengikut pola bahasa Arab serta dituturkan mengikut *sighat* bahasa Arab, maka perkataan itu dinamakan perkataan pinjaman. Contohnya perkataan درهم (dirham), dikira sebagai perkataan pinjaman kerana boleh dikiaskan dengan perkataan Arab هجرة (hijra'). (Wan Ibrahim 1995:26).

Sebaliknya jika sesuatu perkataan asing yang tidak mengikut pola bahasa Arab maka perkataan itu dinamakan al-Dakhīl. Contohnya perkataan *إِبْرَاهِيم* (ibraisam) kerana ianya tidak mengikut pola bahasa Arab maka dinamakan al-Dakhīl. Al-Mu‘jam Al-Wasiṭ (1990: 16), menjelaskan bahawa al-Dakhīl ialah perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab tanpa dilakukan perubahan seperti perkataan *الْكَسِيرَةِينَ* (oksigen) dan *الْتَّلَيْفُونُ* (telefon). Jadi, al-dakhil ialah perkataan-perkataan dari bahasa asing yang digunakan di dalam bahasa Arab dan kekal dalam bentuk asalnya dan tidak mengikut pola bahasa Arab.

Sebagai kesimpulan dari definisi-definisi yang diberikan, kita dapat menyimpulkan bahawa perselisihan di antara mereka hanya berlaku pada penggunaan istilah sahaja. Sesetengah mereka menggunakan istilah al-Mu‘arrab dan al-Ta‘rīb manakala sesetengah yang lain pula menggunakan istilah al-Dakhīl. Pada hakikatnya istilah-istilah ini diistilahkan kepada perkataan-perkataan asing yang telah masuk ke dalam bahasa Arab dan digunakan oleh orang Arab sama ada digunakan dalam pertuturan atau penulisan tanpa mengira bilakah masanya dan di dalam apa bentuk sekalipun.

Jadi, perkataan peminjaman di dalam kajian ini merujuk kepada al-Mu‘arrab iaitu perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab dengan diubah polanya mengikut pola bahasa Arab dan juga merujuk kepada perkataan al-Dakhīl iaitu perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab tanpa perubahan dan tanpa diubah mengikut pola bahasa Arab. Namun perkataan al-Dakhīl pada hakikatnya tetap berlaku perubahan ke atasnya dari segi penyesuaian bunyi bahasa asing dengan bunyi bahasa Arab.

Menurut Wan Ibrahim Wan Mamat (1995:114), jika sesuatu perkataan pinjaman itu tidak dapat disesuaikan dengan pola sarfi dan juga tidak boleh dikiaskan dengan mana-mana perkataan Arab, ia perlu diubah walau sedikit sekalipun pada bunyi atau barisnya atau seumpamanya. Dengan perubahan yang sedikit itu sudah cukup sebagai syarat untuk menamakan perkataan tersebut sebagai perkataan pinjaman. Contohnya perkataan بُتْسِيْم (būtāsiūm) diubah padanya asal suara (p) yang terletak pada awal perkataan kepada bunyi suara (b) untuk disesuaikan dengan bunyi di dalam bahasa Arab ('Abd. al-Şabūr Syāhīn, 1986:314).

3.3 Kaedah Mengenali Peminjaman Bahasa Asing Ke Dalam Bahasa Arab.

Kata pinjaman dapat dikenali melalui beberapa kaedah. Abdul Rauf (2002) telah menyenaraikan tujuh kaedah utama yang telah dikenalpasti boleh digunakan untuk mengenali peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Ketujuh-tujuh kaedah adalah seperti berikut:

3.3.1 Kaedah Pertama.

Kaedah yang pertama adalah dengan melihat tanda tertentu di dalam kamus seperti: symbol (مع) iaitu bagi menunjukkan bahawa sesuatu perkataan itu merupakan Mu‘arrab, simbol (↗) bagi menunjukkan perkataan itu adalah al-Dakhīl, dan juga (مو) bagi menunjukkan sesuatu perkataan itu merupakan Muwallad. Ketetapan ini telah dilakukan oleh para ulama bahasa terdahulu seperti Sibawaih dan Abu hatim al-Sajastaniy serta beberapa ahli leksikografi Arab seperti Ibnu Duraid, al-Azhariy, al-Jawhariy, Ibnu Manzūr dan Fairūz Abādīy yang mana mereka telah mengkategorikan perkataan Arab dalam kamus

mereka kepada al-Mu‘arrab, al-Dakhīl atau al-Muwalled (al-Jawālīqiy : 1990 : 21 dalam Abdul Rauf 2002 : 224).

3.3.2 Kaedah Kedua

Kaedah kedua ialah dengan melihat percantuman sesuatu huruf Arab dengan huruf Arab yang lain. Hal ini kerana tidak semua huruf boleh digandingkan bersama dalam kosa kata Arab. Ianya juga disebut sebagai gugusan konsonan. Di dalam setiap bahasa, terdapat gugusan konsonannya yang tersendiri. Antara huruf-huruf yang tidak boleh dicantumkan dalam pembinaan perkataan Arab ialah huruf Jīm dan Qāf, huruf Ṣād dan Jīm, huruf Sīn dan Dzāl dan sebagainya. Contohnya seperti perkataan *(الصَّوْلَانَ)*, *(الْمُسْتَادَ)*, *(الْعَبْجَ)* (al-Jawālīqiy, 1969:59)

3.3.3 Kaedah Ketiga

Kaedah ketiga ialah dengan melihat pola-pola perkataan. Sekiranya perkataan itu mengikut pola-pola yang tidak terdapat dalam bahasa Arab, maka ia boleh dikategorikan sebagai perkataan asing. Antara pola yang menunjukkan kepada perkataan asing dalam bahasa Arab adalah seperti pola fā’il (*فاعِل*) seperti hābil (*هَابِل*). Dalam bahasa Arab, sesuatu kata nama itu dibina dengan pola fā’il (*فاعِل*) seperti āmmim (*امِّم*) atau pola fā’al (*فاعِل*) seperti sāsam (*سَاسَم*). Antara contoh lain ialah, pola fa’lil (*فَاعِلِل*) seperti narjis (*نَرْجِس*). Al-Jawālīqīy (1990: 25) mengatakan bahawa pola ini juga dari kategori perkataan asing. Begitu juga perkataan tannūr (*ثَنْور*). Al-Jawālīqīy (1990: 28) mengatakan bahawa perkataan tannūr ini berasal dari bahasa asing kerana jika diderivasikannya, maka ia terbina dari pola fa’ul (*فَاعِول*) dan pola ini tidak terdapat dalam bahasa Arab.

3.3.4 Kaedah Keempat

Menurut Abdul Rauf (2002), perkataan pinjaman juga dapat dikenali apabila sesuatu perkataan Arab itu mempunyai pelbagai sebutan dan bacaan walaupun menunjukkan makna yang sama. Ianya dibaca dengan pelbagai baris atau ejaan yang. Contohnya perkataan bahasa Inggeris *hydrogen* apabila digunakan di dalam bahasa Arab menjadi إِهْرُوْجِين atau اِهْرُوجِين dan perkataan *atlas* yang boleh datang dalam keadaan الأَطْلَاطِيْكِيِّيِّيْ or الأَطْلَاطِيْسِيِّيِّ. Contoh-contoh ini mempunyai ejaan, sebutan dan bacaan yang berbeza-beza tetapi memberikan makna yang sama. Keadaan ini berlaku kerana setiap individu Arab yang bertutur itu mengikut cita rasa dan kehendak mereka tanpa melihat kepada kaedah-kaedah tertentu yang digariskan. Oleh yang demikian, berlakulah pemerolehan bahasa yang terlalu banyak sehingga mempunyai sebutan yang berbeza di antara satu sama lain. Mereka juga saling berselisih faham dalam meletakkan asas-asas tertentu terhadap sesuatu kosa kata perkataan asing yang telah dipinjamkan ke dalam bahasa Arab (Abdul Rauf 2002: 234).

Menurut Al-Kirmalīy (t.t : 82 dalam Abdul Rauf 2002), di antara kaedah untuk mengenali sesuatu perkataan asing dalam bahasa Arab itu ialah sesuatu perkataan itu mempunyai bentuk bacaan yang berbeza-beza. Contohnya seperti perkataan al-ghātūs (الغَاطُوس) , al-fāghūs (الفَاغُوس) , al-qatṭā (القَطْطَ) dan hūt al-haiḍ (حُوت الْحَيْضُ). Perkataan ini berasal dari bahasa Yunani (Abdul Rauf : 2002 : 236).

3.3.5 Kaedah Kelima

Kaedah keenam ini ditentukan sekiranya terdapat sesuatu perkataan dalam bahasa Arab dan tidak boleh dikategorikan sama ada ia berasal dari bahasa Arab atau

dari bahasa asing, maka ia perlu merujuk kepada makna. Sekiranya ia menunjukkan kepada keadaan orang-orang Arab, maka ia berasal dari bahasa Arab seperti perkataan *jamāl* yang bermaksud “unta” dan “*ghazāl*” yang bermaksud “rusa”. Ini kerana kedua-dua binatang ini sangat terkenal di kalangan orang-orang Arab. Oleh itu, perkataan ini berasal dari bahasa Arab (Abdul Rauf, 2002:238).

Sekiranya sesuatu perkataan itu merujuk kepada sesuatu unsur-unsur asing, maka ia boleh dikategorikan sebagai perkataan asing seperti perkataan *al-misk* yang bermaksud “kayu gaharu” dan *al-filfil* yang bermaksud “cili” yang mana ianya terdapat di Negara India dengan banyaknya. Oleh yang demikian, perkataan-perkataan ini bukan berasal dari Negara Arab (Muhammad Al-Anṣārī, 1969: 358). Begitu juga perkataan *al-syāṭranj* (الشطرنج) yang bermaksud “permainan catur”. Perkataan ini tidak wujud di kalangan orang-orang Arab. Oleh itu, boleh dikategorikan sebagai perkataan asing (Abdul Rauf, 2002:238).

Namun begitu Abdul Rauf (2002) berpendapat, kaedah ini bukanlah satu kaedah umum untuk mengenali perkataan asing dalam bahasa Arab. Ia lebih menunjukan kepada kaedah khusus terhadap beberapa contoh perkataan sahaja. Ini kerana hanya terdapat beberapa contoh perkataan sahaja yang berkaitan dengan kehidupan sesuatu masyarakat terutama dari sudut makanan, minuman dan peralatan-peralatan tertentu.

3.3.6 Kaedah Keenam

Kaedah ini dapat ditentukan melalui kajian perbandingan. Untuk menentukan sesuatu perkataan itu berasal dari bahasa Arab atau bahasa asing, maka ia boleh dibandingkan dengan rumpun bahasa-bahasa semit, maka ia boleh dikategorikan sebagai perkataan asing. Sebagai contoh, perkataan *balāt* (بَلَاتْ) bermakna “istana raja”. Perkataan ini dikatakan berasal dari bahasa Latin berdasarkan kepada dua aspek yang berikut;

- i- Orang-orang Rom merujuk perkataan ini kepada satu puncak bukit yang bernama “palatium”. Di puncak inilah mereka mendarat dan seterusnya membina sebuah istana bersempena namanya.
- ii- Perkataan ini tidak terdapat dalam mana-mana bahasa Semit (Muhammad Al-Anṭākiy, 1969: 358 dalam Abdul Rauf, 2002:240).

Kaedah ini merupakan kaedah khusus mengenai peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Ia hanya menunjukkan kepada beberapa perkataan yang tertentu sahaja. Ini kerana seseorang itu perlu mengetahui sama ada ia berasal dari bahasa Arab atau bahasa asing.

Menurut Abdul Rauf (2002), dari kaedah-kaedah yang diutarakan di atas, hanya empat kaedah sahaja yang sesuai digunakan untuk mengenali sesuatu perkataan asing di dalam bahasa Arab, iaitu kaedah penentuan yang telah ditetapkan oleh ahli bahasa Arab, kaedah percantuman huruf-huruf tertentu, pola-pola khusus bagi perkataan asing dan kaedah satu perkataan yang mempunyai sebutan dan ejaan yang berbeza-beza. Manakala kaedah yang lain pula, hanya sebagai satu kaedah khusus yang terhad kepada nama-nama tertentu seperti nama benda, haiwan, makanan dan peralatan.

3.4 Kaedah Peminjaman Bahasa Asing Ke Dalam Bahasa Arab

Syahābuddin al-Khafājiy (1998:28) telah menyebut bahawa apabila sesuatu perkataan asing itu dipinjamkan ke dalam bahasa Arab, maka perkataan asing itu lebih banyak melalui proses perubahan hurufnya berbanding dengan proses pengguguran huruf pada sesuatu perkataan. Kebanyakan perubahan yang berlaku ialah dengan melakukan penukaran beberapa makhraj asing kepada makhraj Arab. Ada juga beberapa huruf yang terpaksa ditukar kepada huruf lain untuk tujuan penyesuaian seperti perkataan television yang mana huruf (v) tidak terdapat dalam bahasa Arab. Oleh itu, huruf (v) ditukar kepada (fā') menjadi tilifiziyun (التلفزيون).

Selain itu, terdapat beberapa baris (huruf vokal) dalam sesuatu perkataan yang perlu ditukarkan kepada baris yang lain. Ada juga beberapa perkataan yang perlu dikurangkan dan sebahagiannya perlu ditambah dari perkataan asalnya agar ia bersesuaian dengan fonetik dan pola Arab (Hasān Zāzā 1976:74). Al-Suyūṭī meriwayatkan daripada Abū Ḥayyān dalam bukunya al-Irtisyāf mengatakan bahawa perkataan asing itu terbahagi kepada tiga bahagian:

- 1) Perkataan yang diubah mengikut pola dan gaya bahasa Arab.

Contoh: dirām (Parsi) = dirhām (Arab)

Kata nama dirham yang bermaksud mata wang dirham” berasal dari bahasa Parsi, iaitu dirām. Oleh itu apabila perkataan ini dipinjam ke dalam bahasa Arab, maka ia perlu ditambah satu huruf, iaitu huruf ha’(Syahābuddin al-Khafājiy, 1998:145)

- 2) Perkataan diubah tetapi ia tidak mengikut pola dan gaya bahasa Arab seperti perkataan ājūr (حور) dan syaṭranj (شطرنج) yang tidak mengikut pola Arab.

3) Perkataan asing yang tidak diubah dan tidak pula mengikut pola dan gaya bahasa Arab. Contoh perkataan (فندیة) findīrah yang mana perkataan ini tidak diubah dan dikekalkan sebagaimana bahasa asalnya serta tidak mengikut pola Arab (Hasān Zāzā, 1976:77)

‘Alīy ‘Abd. Al-Wāhid Wāfiy (t.t : 204) menegaskan bahawa selain dari perubahan huruf yang berlaku melalui kemasukan perkataan asing ke dalam bahasa Arab, terdapat perubahan fonetik yang boleh dibahagikan kepada tiga kategori berikut:

- i- Ditambah fonem sukun atau lin seperti al-farāhah (الفراهة) yang bermaksud mahir atau cekap dari bahasa Parsi (فره)
- ii- Dibuang fonem-fonem tertentu seperti perkataan (فُرْغُون) yang bermaksud sejenis burung dari bahasa Parsi فرفور
- iii-Ditukar sesuatu baris kepada baris lain atau ditukarkan satu fonem kepada fonem yang lain. (‘Alīy Abd al-Wafiy,t.t : 204). Contoh:

سُكْرِجَةٌ yang bermaksud “helaian kertas” dari bahasa Parsi (سُكّر).

Selain itu, menurut Abdul Rauf (2002: 204), terdapat juga perubahan fonem seperti perkataan fulful (فُلْفُلْ) yang berasal dari Parsi (پُلپل). Fonem (ya') telah bertukar menjadi fonem (fa'). Begitu juga dengan perkataan qālib (قَالِب) yang berasal dari Parsi (کاپ). Fonem (kaf) telah bertukar menjadi fonem (qāf). Perubahan yang seringkali berlaku adalah dari kategori ketiga iaitu ditukar sesuatu baris kepada baris lain atau ditukarkan satu fonem kepada fonem yang lain.

Melalui kaedah peminjaman bahasa asing di dalam bahasa Arab, kita dapat merumuskan beberapa kaedah utama yang digunakan bagi membuat peminjaman kata asing ke dalam bahasa Arab. Antara kaedah-kaedah dan cara-cara melakukan pinjaman sepetimana yang dijelaskan oleh Wan Ibrahim Wan Mamat (1995) adalah seperti berikut:

3.4.1 Dikekalkan Dalam Bentuk Asal.

Sebahagian perkataan-perkataan pinjaman didapati tidak diubah dan dikekalkan dalam bentuknya yang asal. Ini kerana perkataan ini mempunyai huruf-huruf dan bunyi yang sama dengan huruf-huruf dan bunyi yang terdapat di dalam bahasa Arab. Selain itu, perkataan pinjaman tersebut tidak boleh dikiaskan dengan mana-mana wazan sarfi yang terdapat di dalam bahasa Arab. Setelah ia dipinjam ke dalam bahasa Arab, perkataan seumpama ini tidak boleh dikira sebagai bahasa asing. Antara contohnya ialah:

ال Tilifun (al-tilifun) (al-mu'jam al-wasiṭ 1/87)

ال Tiliskub (al-tiliskub) (al-mu'jam al-wasiṭ 1/86)

3.4.2 Dikekalkan Dalam Bentuk Asal dan Dikiaskan Dengan Perkataan Arab.

Terdapat sebahagian daripada perkataan-perkataan yang dipinjam itu dikekalkan di dalam bentuk asalnya, dituturkan sebagaimana bunyi asalnya dan boleh dikiaskan dengan salah satu pola sarfi yang ada di dalam bahasa Arab atau ia dihubungkaitkan dengan perkataan Arab.

Perkataan-perkataan seumpama ini setelah dipinjam ke dalam bahasa Arab, dikira sebagai sebahagian daripada bahasa Arab. Antara contohnya ialah:

شَبَارِقٌ (syubāriq) dikiaskan dengan perkataan Arab عَذَافِرٌ ('udhāfir) (al-Jawālīqiy, 1969 : 56).

3.4.3 Diubah Dari Bentuk Asal Serta Dihubungkaitkan Dengan Perkataan Arab.

Terdapat pula sebahagian perkataan yang dipinjam itu diubah dari perkataan asalnya dan dituturkan dengan pelbagai bentuk baru supaya sesuai dengan pola perkataan dan bunyi bahasa Arab. Cara melakukan peminjaman pada perkataan-perkataan dalam kategori ini adalah seperti berikut:

- Menukarkan sesuatu huruf kata asalnya kepada huruf Arab yang hampir sama dari segi makhraj (daerah artikulasi). Contohnya ialah:

Perkataan سَرْد (sard), ia berasal daripada perkataan Farsi سَرْد (sard), cara melakukan peminjamannya ialah menukarkan huruf (س) kepada huruf (ص). (Imīl Badi' Ya'qūb, t.t: 217)

- Dengan menukarkan huruf asalnya kepada huruf Arab walaupun berbeza jauh dari segi makhrajnya. Contohnya ialah:

Perkataan كُرْبَاج (kurbaj) atau كُرْبَق (kurbaq), berasal daripada perkataan Farsi iaitu کُرْبَح (kurbah). Cara berlaku peminjaman padanya ialah menukarkan huruf (ک) dengan huruf (ج) atau huruf (ف).

- Dengan cara menukar dan menambahkan huruf Arab sebagai menggantikan huruf pada kata asalnya. Contohnya ialah:

Perkataan سَرَوْبِيل (sarāwīl), perkataan asalnya ialah شِيرْوَال (syirwāl), cara berlaku peminjamannya ialah dengan menukar huruf (ش) dengan huruf (س) (al-jawālīqiy, 1969:55).

d) Peminjaman juga berlaku dengan cara mengurangkan huruf dan menukar huruf asal dengan huruf baru daripada bahasa Arab. Contohnya ialah:

Perkataan قِرْمَان (qirmān). Perkataan asalnya ialah قَهْرَمَان (qahramān). Cara berlaku peminjaman padanya ialah dengan membuang huruf (ه) daripada perkataan asalnya. (al-Jawālīqiy, 1969:56).

e) Dengan cara menukar baris sahaja manakala bentuk perkataan dan huruf-huruf padanya dikekalkan dalam bentuk perkataan asal. Contohnya ialah:

Perkataan سَرْدَاب (sardāb) yang berasal daripada bahasa Farsi. Dituturkan dengan سِرْدَاب (sirdab) di dalam bahasa Arab, iaitu dengan menukar baris pada huruf (س) daripada fathah kepada kasrah (Imīl Badi' Ya'qūb, 1986 : 217).

f) Dengan cara menukar huruf dan baris pada perkataan pinjaman. Contohnya ialah: Perkataan سُكَّر (sukkar), bentuk perkataan asalnya ialah شَكَّر (syakara). Cara peminjamannya ialah dengan menukar huruf (ش) menjadi huruf (س) dan menukar baris fathah pada huruf (س) menjadi dammah.(al-khafājīy, 1998 : 148)

g) Terdapat juga perkataan pinjaman yang dituturkan dalam berbagai bentuk sama ada dengan ditambah huruf atau dikurangkan, begitu juga dengan baris dan makhrajnya ditutur dengan berbagai-bagai bunyi. Contohnya ialah:

Perkataan أَجُور (ajurr), ianya ditutur dalam berbagai bentuk seperti أَجُور (ajur), (ajūr), (yajur), أَجِرُون (ajirun), يَا حُور (yajur), أَجِرَّة (ājirrah) dan أَجُورَة (ājurrah)(al-Jawālīqiy, 1969 : 69).

3.4.4 Diubah Dari Bentuk Asalnya Tetapi Tidak Dihubungkaitkan Dengan Perkataan Arab.

Di antara cara melakukan peminjaman juga ialah sesuatu perkataan pinjaman itu diubah daripada bentuk asalnya tetapi tidak dihubungkaitkan atau tidak disesuaikan dengan mana-mana pola ḥarf bahasa Arab. Contohnya ialah:

Perkataan *سُلَاحَة* (sulahfāt), berasal dari perkataan Farsi yang tersusun dari dua perkataan iaitu *بَای سُلَاخ* (sūlākh bāy). (Sila rujuk al-Jawāliqiy al-Mu‘arrab, 1969 : 247)

Berdasarkan contoh- contoh yang diberikan, didapati bahawa di antara cara melakukan peminjaman yang telah dilakukan oleh orang-orang Arab ialah dengan mengubah bunyi atau menukar setengah huruf pada perkataan asal kepada gaya bunyi dan huruf Arab. Selanjutnya mereka menukar sesetengah huruf pada perkataan asal kepada gaya bunyi dan huruf Arab. Menurut Wan Ibrahim (1995) mereka menuarkan huruf (و) kepada huruf (ف) atau menuarkan huruf (ه) kepada (ف) atau (ج). Contohnya perkataan *بَسْتَّة* (bastat) apabila dipinjam menjadi *فَسْتَق* (fastaq) dan perkataan *بَالْعُدْه* (bālūdhah) menjadi *فَالْعُذْج* (fālauzaj).

Perubahan seperti ini penting supaya tidak ada kejanggalan bunyi, bahkan ianya menjadi sesuai dengan bentuk dan gaya pertuturan bahasa Arab itu sendiri. Mengikut pendapat sesetengah ulama bahasa Arab, bahawa bilangan huruf Arab yang biasanya menjadi tukaran kepada huruf perkataan pinjaman ialah sepuluh huruf. Lima daripadanya perlu ditukarkan kepadanya iaitu huruf alif (ا), ba'(ب), jim (ج), kaf (ك), qaf (ق). Manakala lima huruf lagi tidak semestinya ditukarkan kepadanya iaitu huruf-huruf sin(س), zai (ز), lam (ل), ‘ain (ع) dan syin (ش). (Al-sayūṭīy, 1998 : 1/ 273 dalam Wan Ibrahim 1995:82).

Menurut Wan Ibrahim (1995) lagi, huruf-huruf yang wajib ditukarkan ialah huruf yang berada pada perkataan pinjaman yang tiada padanan dengan huruf Arab. Contohnya: *فِرِند* (firind), huruf (ف) pada awal perkataan ini ialah tukaran daripada bunyi huruf asalnya iaitu bunyi antara (ب) dan (ف). Oleh sebab itu, kadang-kadang ianya ditukarkan kepada (ب) menjadi *بِرِند* (birind). Manakala huruf yang tidak semestinya menjadi tukaran kepada huruf yang terdapat pada perkataan pinjaman ialah huruf yang sama dengan huruf Arab dari segi bentuk atau bunyi, tetapi kadang-kadang pertukaran berlaku. Contohnya perkataan *[ʔ]ismāñil*, asalnya ialah *[ʔ]ismāwil*, ditukarkan huruf (ش) kepada huruf (س) dan huruf (و) kepada huruf (ع). Pertukaran tersebut berlaku kerana makhrajnya hampir sama (Al-jawāliqīy, 1969:55).

3.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, pelbagai istilah yang digunakan dalam bahasa Arab untuk merujuk kepada perkataan pinjaman. Namun begitu, istilah-istilah ini sebenarnya merujuk kepada perkataan pinjaman tetapi adakalanya berbeza dari segi kaedah yang digunakan dalam proses peminjaman. Di dalam kajian ini, perkataan pinjaman merujuk kepada al-Mu‘arrab dan al-Dakhīl. Terdapat beberapa kaedah peminjaman kata asing dalam bahasa Arab yang telah dikenalpasti. Kaedah-kaedah ini lebih menjurus kepada kaedah peminjaman secara umum. Jadi, hal ini akan dibuktikan dengan lebih jelas di dalam bab empat dengan melalui data kajian dan akan diperlihatkan sama ada terdapat ciri atau kaedah yang khusus terhadap perubahan yang berlaku serta ingin melihat sama ada perubahan yang berlaku melibatkan perubahan dari aspek fonologi, morfologi atau kedua-duanya sekali.

BAB EMPAT

ANALISIS DATA

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan analisis data yang dibuat bagi setiap perkataan secara terperinci. Analisis ini akan dibuat berdasarkan tiga peringkat utama. Peringkat pertama, data akan dianalisis dengan melihat perubahan secara fizikal iaitu melihat bunyi, pembahagian suku kata dan perbezaan yang dapat dilihat di dalam kedua-dua bahasa. Kemudian, data ini akan dianalisis dengan melihat perubahan-perubahan bunyi yang berlaku.

4.1 Analisis Terperinci

1. Bahasa Inggeris : adrenalin [ədrenəlin]

/ədrenəlin/ /adrenalin/ /kv/ /kv/ /kv/ /kv/

Bahasa Arab : أدرنالين [adri:na:lin]

/adrenalin/ /adrenalin/ /kv/ /kv/ /kv/ /kv/

Sebutan sebenar perkataan *adrenalin* dalam bahasa Inggeris adalah [ədrenəlin]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [adri:na:li:n]. Perkataan ini berasal dari bahasa Latin Modern (Harper: 2012). *Adrenalin* merupakan sejenis hormon yang dikeluarkan oleh kelenjar adrenal. Perkataan ini dapat dipecahkan kepada empat suku kata. Jika dilihat pada taburan bunyi kosongan dan vokal, terdapat beberapa perubahan. Perubahan berlaku pada suku kata pertama dan kedua. Dalam bahasa Inggeris, suku kata pertama melibatkan satu bunyi konsonan dan satu bunyi vokal /kv/ manakala di dalam bahasa Arab melibatkan satu bunyi vokal yang diapit oleh

dua bunyi konsonan /kvk/. Pada suku kata kedua, dua bunyi konsonan dan satu bunyi vokal /kkv/ di dalam bahasa Inggeris telah menjadi satu bunyi konsonan dan satu bunyi vokal /kv/ di dalam bahasa Arab.

Perubahan berlaku pada bunyi vokal. Vokal tengah @ schwa [ə] dalam bahasa Inggeris berubah menjadi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab iaitu pada suku kata pertama dan suku kata ketiga. Manakala vokal depan separuh sempit [e] dalam bahasa Inggeris menjadi vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab.

Dalam hal ini, penulis berpendapat bahawa, vokal tengah [ə] dan vokal depan separuh sempit [e] di dalam bahasa Inggeris tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi ianya digantikan kepada bunyi yang paling hampir dari segi fonetiknya. Umpamanya, bunyi vokal depan separuh sempit [e] telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i]. Kedua-dua bunyi ini melibatkan merupakan bunyi depan. Secara keseluruhannya perubahan yang berlaku, melibatkan perubahan dari segi fonetik bukan dari segi morfologi.

2. Bahasa Inggeris:aluminium [?æljə'miniəm]

/?æ/ /l/ /jə/ /'mɪn/ /iəm/ /kv/ /kkv/ /kvk/ /vk/

Bahasa Arab : *الْمُنْجُوم* [?aluminju:m]

/?a/ /lu:/ /min/ /ju:m/ /kv/ /kv:/ /kvk/ /kvk/

Sebutan sebenar perkataan aluminium dalam bahasa Inggeris ialah [?æləmniəm]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [?alu:minju:m]. Perkataan ini berasal dari bahasa Latin (Harper: 2012). *Aluminium* adalah sejenis logam yang ringan yang rupanya seperti timah putih. Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada empat suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dibahagikan kepada empat

suku kata. Terdapat perubahan pada taburan bunyi vokal dan konsonan pada suku kata kedua dan keempat.

Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Pada suku kata pertama, vokal depan luas [æ] di dalam bahasa Inggeris berubah menjadi vokal tengah luas [a] di dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] dan bunyi vokal tengah @ schwa [ə] di dalam bahasa Inggeris digugurkan dan digantikan dengan bunyi vokal tengah luas [a] di dalam bahasa Arab. Selain itu, perubahan juga berlaku pada suku kata akhir perkataan bahasa Inggeris yang melibatkan bunyi diftong [iə]. Bunyi konsonan geluncuran lelangit keras [j] telah ditambah selepas bunyi sengauan gusi [n]. Bunyi sengauan ini merupakan sebahagian bunyi bagi suku kata ketiga di dalam bahasa Arab. Bunyi diftong [iə] telah diubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] di dalam bahasa Arab yang menjadikannya satu suku kata yang baru yang terdiri dari bunyi [ju].

Perubahan ini berlaku kerana, vokal depan luas [æ] tidak ada dalam bahasa Arab dan diubah kepada bunyi yang paling hampir iaitu bunyi tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pengguguran bunyi [j] dan bunyi tengah [ə] mungkin kerana terdapat dua bunyi konsonan yang hadir serentak iaitu bunyi [l] dan [j]. Jadi, salah satu bunyi konsonan perlu dibuang. Perubahan bunyi [j] dan [ə] kepada bunyi vokal tengah luas [a] pula kerana bunyi vokal tengah [ə] tidak ada dalam bahasa Arab dan ia juga merupakan gantian kepada bunyi [j]. Selain itu, penulis berpendapat, bunyi [u:] hadir dalam keadaan vokal panjang kerana ia merupakan gantian kepada dua bunyi iaitu [j] dan [ə]. Perubahan pada suku kata keempat pula, iaitu melibatkan bunyi diftong [iə] adalah kerana bunyi diftong ini tidak ada di dalam bahasa Arab. Di dalam bahasa Arab hanya ada dua bunyi diftong iaitu bunyi [aj] dan [aw] sahaja. Perkataan ini diambil melibatkan faktor fonetik dan fonologinya tanpa melibatkan faktor morfologi.

3. Bahasa Inggeris : ampere - [əmpeə(r)]

/əm/ /peə(r)/ /kvk/ /kvk/

Bahasa Arab : مبير - [ambi:r]

/am/ /bi:r/ /kvk/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *ampere* dalam bahasa Inggeris ialah [əmpeə(r)]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [ambi:r]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis (Harper: 2012). *Ampere* ialah unit ukuran yang digunakan untuk mengukur arus elektrik. Perkataan ini mempunyai dua suku kata. Berlaku perubahan dari segi taburan bunyi vokal dan konsonan. Pada suku kata pertama kedua-duanya melibatkan satu bunyi vokal yang diapit oleh dua bunyi konsonan /kvk/. Pada suku kata kedua pula, perkataan bahasa Inggeris melibatkan taburan dua bunyi konsonan dan dua bunyi vokal. Manakala perkataan bahasa Arab melibatkan satu bunyi vokal yang diapit oleh dua bunyi konsonan.

Perubahan telah berlaku pada bunyi vokal dan konsonan. Pada suku kata pertama, vokal depan luas [æ] dalam bahasa Inggeris telah diubah kepada bunyi vokal tengah luas [a] di dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi konsonan hentian bibir tak bersuara di dalam bahasa Inggeris [p] menjadi konsonan hentian bibir bersuara [b] dan bunyi diftong [eə] bunyi vokal depan sempit [i] di dalam bahasa Arab. Bunyi konsonan akhir di dalam perkataan bahasa Inggeris iaitu bunyi sisian gusi [r] kadangkala disebut dan kadangkala tidak disebut walaupun ada pada tulisan.

Penulis berpendapat, perubahan ini berlaku kerana kesemua bunyi yang berlaku perubahan tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, bunyi vokal depan luas [æ] telah diubah kepada bunyi vokal tengah luas [a] di dalam bahasa Arab kerana bunyi ini merupakan bunyi yang paling hampir. Begitu juga dengan bunyi konsonan

hentian bibir tak bersuara [p] yang tidak wujud dalam bahasa Arab. Jadi telah digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi cara dan tempat sebutannya iaitu konsonan hentian bibir bersuara [b]. Bunyi diftong [eə] pula, yang terdiri dari vokal depan separuh sempit [e] dan vokal tengah [ə] tidak ada di dalam bahasa Arab. Dalam bahasa Arab, hanya terdapat dua bunyi diftong iaitu bunyi [aj] dan [aw]. Jadi, telah diubah menjadi bunyi depan sempit [i] di dalam bahasa Arab. Bunyi konsonan sisian gusi [r] dalam bahasa Inggeris dikekalkan dan disebut. Di dalam bahasa Arab, semua huruf yang ada akan disebut. Perkataan ini melibatkan perubahan dari segi fonetik dan fonologi sahaja bukan dari segi morfologi.

4. Bahasa Inggeris : *Antarctic* [?æn'ta:ktɪk]

/?æn/ /ta:k/ /tɪk/ /kvk/ /kv:k/ /kvk/

Bahasa Arab : ظُنْتَرِكِيّاً [?anta:raktika:]

/?an/ /ta:/ /rak/ /ti/ /ka:/ /kvk/ /kv:/ /kvk/ /kv/ /kv/

Sebutan sebenar perkataan *Antarctic* dalam bahasa Inggeris ialah [?ænta:ktɪk]. Manakala dalam bahasa Arab [?anta:raktika:|. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin Modern (Harper: 2012). *Antarctic* merupakan salah satu daripada tujuh benua di dunia iaitu benua kutub selatan. Perkataan dalam bahasa Inggeris dapat dipecahkan kepada tiga suku kata, manakala perkataan bahasa Arab dapat dipecahkan kepada lima suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan taburan bunyi konsonan. Pada suku kata kedua, bahasa Arab terdiri daripada bunyi satu bunyi konsonan dan satu bunyi vokal /kv/. Manakala dalam bahasa Inggeris, terdiri dari satu bunyi vokal yang diapit oleh dua bunyi konsonan /kvk/.

Perubahan telah berlaku pada bunyi vokal. Pada suku kata pertama, vokal depan luas [æ] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi menjadi vokal tengah

luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, berlaku pemanjangan vokal [a:] dan berlaku penambahan bunyi [ra] di tengah suku kata kedua /ta:k/ menjadikannya dua suku kata dalam bahasa Arab iaitu /ta:/ dan /rak/. Selain itu juga, berlaku penambahan vokal tengah luas [a] di akhir kata.

Perubahan ini berlaku kerana kebanyakan bunyi vokal yang ada dalam bahasa Inggeris tidak ada dalam bahasa Arab. Bunyi vokal depan luas [æ] tidak ada dalam bahasa Arab, jadi ia telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab kerana bunyi ini merupakan bunyi paling hampir yang melibatkan bunyi vokal luas. Penambahan bunyi [ra] yang berlaku mungkin disebabkan pengaruhnya pada ejaan bahasa Inggeris di samping menghalang berlakunya pertemuan bunyi dua konsonan serentak iaitu antara bunyi [r] dan bunyi [k]. Dalam bahasa Inggeris, bunyi sisian gusi [r] tidak disebut. Perkataan ini diambil dari segi fonologinya sahaja.

5. Bahasa Inggeris : Aristocracy [?ærɪ'stɒkrəsi]

/?æ/ /rɪs/ /tɒk/ /rə/ /s/ /kv/ /kvk/ /kvk/ /kvk/

Bahasa Arab : أَرِسْتُقْرَاطِيَّةٌ [?aristuqra:t̪iyah]

/?a/ /ris/ /tuq/ /ra:/ /t̪i/ /yah/ /kv/ /kvk/ /kvk/ /kv:/ /kv/ /kvk/

Perkataan *aristocracy* ini disebut [?ærɪ'stɒkrəsi] dalam bahasa Inggeris. Manakala dalam bahasa Arab disebut [aristuqra:t̪iyah]. Perkataan ini berasal dari bahasa Perancis Modern (Harper: 2012). *Aristocracy* ialah pemerintahan yang dijalankan oleh kaum bangsawan. Perkataan bahasa Inggeris dapat dipecahkan kepada lima suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab pula dapat dipecahkan kepada enam suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan luas [æ] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal belakang luas [ɒ] di dalam bahasa Inggeris menjadi vokal belakang sempit [u] dan bunyi konsonan hentian lelangit lembut tak bersuara [k] ditukar kepada bunyi hentian uvular tak bersuara [q] di dalam bahasa Arab. Pada suku kata keempat, bunyi vokal tengah [ə] berubah menjadi bunyi vokal tengah [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kelima perkataan bahasa Arab, konsonan geseran gusi tak bersuara [s] di akhir perkataan bahasa Inggeris telah ditukar kepada konsonan hentian gigi gusi tak bersuara [t^f] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan luas [æ] berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, vokal belakang luas [ɒ] menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] kerana bunyi ini juga tidak ada dalam bahasa Arab, dan bunyi konsonan hentian lelangit lembut tak bersuara [k] ditukar kepada bunyi hentian uvular tak bersuara [q] dalam bahasa Arab. Ini kerana selepasnya terdapat huruf 'ra' yang lebih sesuai disesuaikan dengan huruf [t^f] kerana merupakan konsonan dari daerah artikulasi yang sama iaitu gigi gusi. Pada suku kata keempat, bunyi bunyi vokal tengah [ə] berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab kerana bunyi [ə] tidak ada dalam bahasa Arab. Perkataan ini juga diambil dari segi fonologinya sahaja tanpa melibatkan proses morfologi bahasa Arab.

6. Bahasa Inggeris : aspirin [?'æspərɪn]

/?æs/ /pə/ /rɪn/ /kvk/ /kv/ /kvk/

Bahasa Arab : أَسْبِرِين് [?asbi:ri:n]

/?as/ /bi:/ /ri:n/ /kvk/ /kv:/ /kv:k

Sebutan sebenar *aspirin* dalam bahasa Inggeris ialah [æspərɪn] kadang-kadang disebut juga sebagai [æsprɪn]. Manakala dalam bahasa Arab disebut sebagai [asbi:ri:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Greek (Harper: 2012). *Aspirin* adalah sejenis ubat yang digunakan untuk menghilangkan rasa sakit seperti sakit kepala, demam dan lain-lain lagi. Perkataan ini dapat dipecahkan kepada tiga suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan iaitu /kvk/, /kv/, /kvk/.

Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Pada suku kata pertama, perubahan telah berlaku pada vokal di awal perkataan yang merupakan vokal depan luas [æ] dalam bahasa Inggeris dan menjadi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, perubahan telah berlaku pada bunyi konsonan hentian bibir tak bersuara [p] di dalam bahasa Inggeris berubah menjadi konsonan hentian bibir bersuara [b] dalam bahasa Arab dan vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris ditukar kepada vokal depan sempit [i] di dalam bahasa Arab. Perubahan pada perkataan ini juga diambil berdasarkan aspek fonologinya. Berlaku pemanjangan vokal pada vokal [i:] dalam bahasa Arab.

Perubahan ini berlaku kerana bunyi konsonan hentian bibir tak bersuara [p] dan bunyi vokal tengah [ə] tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi bunyi [p] telah ditukar kepada bunyi dari makhraj dan sebutan yang sama iaitu bunyi hentian bibir bersuara [b]. Bunyi vokal tengah [ə] telah ditukar kepada bunyi vokal depan sempit [i] kerana persekitaran fonologinya yang selepasnya terdapat bunyi [i] pada suku kata ketiga [rin]. Jadi, perubahan yang berlaku melibatkan perubahan dari aspek fonologi dan morfologi.

7. Bahasa Inggeris : *asphalt* - [?æs'fælt]

/?æs/ /fælt/ /kvk/ /kvkk/

Bahasa Arab : *اسفلت* - [?asfaltu]

/?as/ /falt/ /kvk/ /kvkk/

Sebutan sebenar perkataan *asphalt* dalam bahasa Inggeris ialah [?æsfælt]. Manakala dalam bahasa Arab disebut sebagai [?asfaltu]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin (Harper: 2012). *Asphalt* ialah sejenis bahan yang hitam dan lekit seperti tar yang digunakan untuk melapisi jalan. Perkataan ini dapat dipecahkan kepada dua suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Perubahan telah berlaku pada kelainan bunyi vokal. Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan luas [æ] dalam bahasa Inggeris telah ditukar menjadi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Begitu juga perubahan yang berlaku kepada suku kata kedua.

Perubahan ini berlaku kerana, bunyi vokal depan luas [æ] tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi ia telah digantikan dengan bunyi yang paling hampir iaitu bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Perkara yang membezakan antara dua bunyi ini ialah kedudukan lidah yang terlibat iaitu depan lidah bagi bunyi [æ] dan tengah lidah bagi bunyi [a]. Namun kedua-duanya merupakan vokal luas ataupun vokal rendah. Jadi, perubahan yang berlaku merupakan perubahan dari aspek fonetik.

8. Bahasa Inggeris : *astrolabe* - [?æstrəʊleɪb]

/?æs/ /trəʊ//leɪb/ ` /kvk/ /kkv/ /kvk/

Bahasa Arab : بَسْطَرْلَبْ - [?ast^furla:b]

/?as/ /t^fur/ /la:b/ ` /kvk/ /kvk/ /kv:k/

Perkataan astrolabe dalam bahasa Inggeris disebut [?æstrəʊleɪb]. Manakala dalam bahasa Arab [?ast^furla:b]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis Lama (Harper: 2012). *Astrolabe* adalah sejenis alat yang digunakan untuk mengukur *altitude* matahari atau bintang. Perkataan ini dapat dipecahkan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi konsonan dan vokal. Pada suku kata kedua, perkataan bahasa Inggeris terdiri daripada dua bunyi konsonan dan satu bunyi vokal /kkv/. Manakala dalam bahasa Arab, terdiri dari dua bunyi konsonan dan satu bunyi vokal di tengah /kvk/.

Perubahan yang berlaku melibatkan perubahan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan luas [æ] di dalam bahasa Inggeris ditukar kepada vokal tengah luas dalam bahasa Arab [a]. Pada suku kata kedua, bunyi gugus konsonan [tr] telah berubah menjadi [t^fur] dengan penambahan bunyi vokal belakang sempit [u]. Perubahan telah berlaku pada bunyi hentian gusi tak bersuara [t] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi hentian gigi gusi tak bersuara [t^f] di dalam bahasa Arab. Dalam bahasa Arab gugusan konsonan tidak berlaku. Jadi, telah berlaku penambahan bunyi vokal di antara bunyi [t] dan [r] menjadi [t^fur]. Pada suku kata ketiga, bunyi diftong [eɪ] yang terdiri dari bunyi depan separuh sempit [e] dan bunyi depan

sempit [ɪ] telah diubah menjadi bunyi vokal tengah [a:] dan berlaku pemanjangan vokal dalam bahasa Arab.

Perubahan ini telah berlaku kerana bunyi depan luas [æ], tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi ia diganti dengan bunyi yang paling hampir dari segi fonetiknya iaitu bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Iaitu bunyi luas dengan luas. Selain itu, perubahan pada bunyi hentian gusi tak bersuara [t] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi hentian gigi gusi tak bersuara [t^f] dalam bahasa Arab kerana unsur fonologinya. Hal ini kerana, selepas bunyi [t] ini terdapat bunyi getaran gigi gusi [r]. Kedua-dua bunyi ini merupakan bunyi dari tempat artikulasi yang sama. Jadi, hal ini lebih memudahkan sebutan. Perkataan ini melibatkan perubahan dari aspek fonetik dan fonologi.

9. Bahasa Inggeris : *atlas* - [?ætləs] /?æt/ /ləs/ /kvk/ /kvk/

Bahasa Arab : *أطلس* - [?at^flas] /?at^f/ /las/ /kvk/ /kvk/

Sebutan perkataan *Atlas* dalam bahasa Inggeris ialah [ætləs]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [at^flas]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Inggeris (Harper: 2012). Atlas adalah buku yang mengandungi peta-peta (gambar rajah dan maklumat-maklumat lain tentang negeri-negeri). Perkataan ini dapat dipecahkan kepada dua suku kata. Dilihat dari segi taburan bunyi vokal dan konsonan, terdapat persamaan iaitu /kvk/ bagi setiap suku kata.

Perubahan telah berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Pada suku kata pertama, perubahan telah berlaku pada bunyi vokal depan luas [æ] dan bunyi konsonan hentian gusi tak bersuara [t] dalam bahasa Inggeris. Bunyi vokal depan luas [æ] dalam bahasa Arab telah diubah menjadi bunyi tengah [a] di dalam

bahasa Arab. Manakala bunyi [t] telah ditukar kepada konsonan hentian gigi gusi tak bersuara [t^f] dalam bahasa Arab. Pada suku kedua, bunyi vokal tengah [ə] telah berubah menjadi bunyi tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Perkataan ini juga diambil dari aspek fonologi dan fonetik.

Perubahan ini telah berlaku kerana, bunyi vokal depan luas [æ] tidak ada dalam bahasa Arab. Manakala bunyi hentian gusi tak bersuara [t] telah berubah menjadi bunyi hentian gigi gusi tak bersuara [t^f] dalam bahasa Arab. Hal ini kerana selepasnya terdapat bunyi sisian gigi gusi bersuara[l]. Jadi, kedua-dua bunyi merupakan bunyi dari daerah artikulasi yang sama iaitu gigi gusi. Hal ini secara tidak langsung lebih memudahkan sebutannya. Perubahan bunyi vokal tengah [ə] kepada bunyi tengah luas [a] kerana bunyi vokal tengah tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, ia digantikan dengan bunyi vokal tengah juga kerana hampir dari segi makhrajnya. Perkataan ini diambil dengan disesuaikan mengikut faktor fonetik dan fonologinya.

10. Bahasa Inggeris : *biscuit* - [biskit]

/bis/ /kit/ /kvk/ /kvk/

Bahasa Arab : بَسْكُوُتْ - [baskawi:t]

/bas/ /ka/ /wi:t/ /kvk/ /kv/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *Biscuit* dalam bahasa Inggeris adalah [biskit]. Manakala dalam bahasa Arab perkataan ini menjadi [baskawi:t]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis Lama (Harper: 2012). *Biscuit* ialah biskut rangup yang dibuat daripada tepung, telur, gula dan sedikit minyak. Perkataan bahasa Inggeris dapat dipecahkan kepada dua suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dipecahkan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada

taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Pada suku kata kedua perkataan bahasa Inggeris, terdapat dua bunyi konsonan dan satu bunyi vokal. Manakala dalam bahasa Arab, terdapat satu bunyi konsonan dan satu bunyi vokal.

Perubahan yang berlaku pada perkataan ini ialah pada bunyi vokalnya. Pada suku kata pertama dan kedua, bunyi vokal depan separuh sempit [ɪ] dalam bahasa Inggeris telah bertukar kepada bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Selain itu, penambahan konsonan geluncuran bibir lelangit lembut bersuara [w] adalah bagi memudahkan sebutan bunyi vokal yang hadir iaitu vokal [a] dan [i] dalam bahasa Arab. Serta penambahan fonem [i] yang merupakan vokal depan sempit. Hal ini kerana setiap huruf yang terdapat dalam sesuatu perkataan perlu disebut berbanding bahasa Inggeris yang boleh menyebut dua huruf dengan satu bunyi. Perubahan ini berlaku kerana pengaruh fonologi dan fonetik. Perubahan pada suku kata pertama iaitu vokal depan dipengaruhi oleh ejaan dalam bahasa Inggeris.

Pada suku kata pertama dan kedua, bunyi vokal depan separuh sempit [ɪ] bertukar kepada bunyi vokal tengah luas [a] mungkin kerana ianya dipengaruhi oleh bunyi vokal [a] pada suku kata selepasnya. Selain itu, berlaku penambahan konsonan geluncuran bibir lelangit lembut bersuara [w] dalam bahasa Arab. Serta penambahan fonem [i] yang merupakan vokal depan sempit. Hal ini kerana setiap huruf yang terdapat dalam sesuatu perkataan perlu disebut berbanding bahasa Inggeris yang boleh menyebut dua huruf dengan satu bunyi. Perubahan ini berlaku kerana pengaruh fonologi dan fonetik. Perubahan pada suku kata pertama iaitu vokal depan terdapat pengaruh ejaan di dalam bahasa Inggeris.

11. Bahasa Inggeris : *battery* [bætri]

/bæt/ /ri/

/kvk/ /kv/

Bahasa Arab : الْبَطْرَى [bat^ta:rijjah]

/bat^t/ /t^ta:/ /rij/ /jah/ /kvk/ /kv:/ /kvk/ /kvk/

Sebutan sebenar perkataan *Battery* dalam bahasa Inggeris disebut sebagai [bætri].

Manakala dalam bahasa Arab menjadi [bat^ta:rijjah]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis Moden (Harper: 2012). *Battery* merujuk kepada bateri iaitu ketulan kecil yang terdiri dari dua sel atau lebih yang disusun secara bersiri atau selari untuk menghasilkan daya gerak elektrik. Perkataan bahasa Inggeris dapat dipecahkan kepada dua suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dipecahkan kepada empat suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan.

Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Pada suku kata pertama, perubahan telah berlaku pada vokal depan luas [æ] dalam bahasa Inggeris telah berubah kepada vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Selain itu perubahan juga berlaku kepada konsonan hentian gusi tak bersuara [t] dalam bahasa Inggeris kepada konsonan hentian gigi gusi tak bersuara [t^t] dalam bahasa Arab. Berlaku penggandaan konsonan [t^t] pada suku kata (batta) kerana dalam bahasa Arab terdapat tanda syaddah / ـ/ yang menunjukkan terdapat dua huruf yang sama pada satu tempat. Pada suku kata kedua, bunyi konsonan hentian gusi tak bersuara [t] dalam bahasa Inggeris kepada konsonan hentian gigi gusi tak bersuara [t^t] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga perkataan bahasa Arab, berlaku penambahan bunyi konsonan geluncuran lelangit keras bersuara [j]. Pada suku kata keempat, berlaku penambahan bunyi [jah]. Pada suku kata ketiga dan keempat ini, telah berlaku penggandaan konsonan geluncuran lelangit keras

bersuara [j] yang menghasilkan bunyi [rijjah]. Perkataan ini diambil dari segi fonologi dan morfologi.

Perubahan ini berlaku kerana, bunyi konsonan hentian gigi gusi tak bersuara [t^f] dalam bahasa Arab telah dipengaruhi oleh bunyi hentian gigi gusi bersuara [r] selepasnya. Hal ini kerana, kedua-dua bunyi ini merupakan bunyi dari tempat bunyi yang sama iaitu bunyi gigi gusi. Perkataan ini juga menyerupai pola kata bahasa Arab (فعالية). Perubahan berlaku disebabkan faktor fonetik dan fonologi. Selain itu pola perkataan ini menyerupai pola perkataan yang ada dalam bahasa Arab.

12. Bahasa Inggeris : *bureaucracy* [bjʊə'rɒkrəsi]

/bjʊə/ /rɒk/ /rə/ /si/ /kv/ /kvk/ /kv/ /kv/

Bahasa Arab : البيروغرافية [biruqrat^tijjah]

/bi/ /ruq/ /ra/ /t^fij/ /jah/ /kv/ /kvk/ /kv/ /kvk/ /kvk/

Perkataan *bureaucracy* dalam bahasa Inggeris disebut sebagai [bjʊə'rɒkrəsi]. Manakala dalam bahasa Arab ia menjadi [biruqrat^tijjah]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis (Harper: 2012). *Bureaucracy* ialah cara pemerintahan atau pentadbiran dengan pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai kuasa yang besar. Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada empat suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada lima suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi konsonan dan bunyi vokal.

Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan yang berlaku di sini ialah bunyi [juə] telah ditukar kepada vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab. Vokal belakang luas [a] dalam bahasa Inggeris ditukar kepada

vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Selain itu, konsonan hentian lelangit lembut tak bersuara [k] ditukar kepada konsonan hentian uvular tak bersuara [q] dalam bahasa Arab. Selain itu, vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris telah ditukar kepada vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Berlaku perubahan pada konsonan geseran gusi tak bersuara [s] kerana telah ditukar kepada konsonan hentian gigi gusi tak bersuara [t^f]. Di akhir perkataan berlaku penambahan bunyi [jah] dan berlaku penggandaan konsonan geluncuran lelangit keras bersuara [j].

Perubahan ini berlaku kerana, bunyi diftong [ʊə] tidak ada dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi [ʊə] telah ditukar kepada vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab mungkin kerana selepas bunyi konsonan [j] dalam bahasa Arab lazimnya diikuti oleh bunyi vokal depan sempit [i]. Manakala perubahan pada konsonan geseran gusi tak bersuara [s] ditukar kepada konsonan hentian gigi gusi tak bersuara [t^f] kerana pengaruh bunyi konsonan gigi gusi [r] sebelumnya. Hal ini kerana bunyi konsonan [t^f] dan [r] merupakan bunyi dari tempat yang sama iaitu bunyi gigi gusi. Jadi, perkataan ini melibatkan perubahan dari aspek fonetik dan fonologi.

13. Bahasa Inggeris : *capsule* ['kæpsju:l]

/kæp/ /sju:l/ /kvk/ /kkv:l/

Bahasa Arab : كبسولة [kabsu:lah]

/kab/ /su:/ /lah/ /kvk/ /kv:/ /kvk/

Sebutan sebenar perkataan *capsule* dalam bahasa Inggeris ialah ['kæpsju:l]. Manakala sebutannya dalam bahasa Arab ialah [kabsu:lah]. Perkataan ini berasal

daripada bahasa Perancis (Harper: 2012). *Capsule* ialah kelongsong kecil (biasanya diperbuat daripada gelatin) yang berisi dos ubat. Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan dari segi taburan vokal dan konsonan.

Perubahan telah berlaku pada suku kata pertama dan suku kata kedua. Pada suku kata pertama, vokal depan luas [æ] dalam bahasa Inggeris telah bertukar kepada vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi [ju:] telah berubah menjadi bunyi [su]. Berlaku penambahan bunyi [ah] di akhir kata. Perkataan ini diambil dari aspek fonologi.

Perubahan ini berlaku kerana, bunyi vokal depan luas [æ] tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dengannya iaitu bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Selain itu, perubahan pada bunyi [sju] berubah menjadi [su] kerana bahasa Arab tidak menerima dua bunyi konsonan yang datang serentak seperti [sj]. Jadi, bunyi konsonan geluncuran lelangit keras bersuara [j] dalam bahasa Inggeris digugurkan menjadi [su]. Perkataan ini menyerupai pola kata bahasa Arab **فَعُوْلَة**.

14. Bahasa Inggeris : *cadmium* [kædmiəm]

/kæd/ /mi/ /əm/ /kvk/ /kv/ /vk/

Bahasa Arab : **الكادميوم** [kadmijum]

/kad/ /mi/ /jum/ /kvk/ /kv//kvk/

Sebutan sebenar perkataan *cadmium* dalam bahasa Inggeris ialah ['kædmiəm]. Manakala dalam bahasa Arab ialah [kadmijum]. Perkataan ini berasal daripada

bahasa Latin Moden (Harper: 2012). *Cadmium* adalah sejenis logam seperti timah. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Jika dilihat dari aspek taburan konsonan dan taburan vokal, terdapat sedikit perubahan pada suku kata ketiga iaitu berlaku penambahan bunyi konsonan [j].

Perubahan yang berlaku ialah pada vokal depan luas [æ] dalam bahasa Inggeris telah ditukar kepada vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Selain itu bunyi diftong [iə] dalam bahasa Inggeris telah digantikan dengan vokal depan sempit [u] dalam bahasa Arab.

Perubahan ini berlaku kerana, dalam bahasa Arab, tidak ada bunyi vokal depan luas [æ]. Selain itu, tidak terdapat bunyi vokal yang hadir serentak. Jadi, ia perlu ditambah dengan bunyi konsonan bagi menceraikan dua bunyi vokal yang hadir kerana bunyi diftong ini tidak ada dalam bahasa Arab.

16. Bahasa Inggeris : *carbon* [ka:bən]

/ka:/ /bən/ /kv:/ /kvk/

Bahasa Arab : الْكَرْبُونَ [karbun]

/kar/ /bun/ /kv:k/ /kvk/

Sebutan sebenar carbon dalam bahasa Inggeris ialah [ka:bən]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [karbun]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis (Harper: 2012). *Carbon* merupakan unsur kimia bukan logam yang wujudnya dalam semua jirim hidup dan terdapat dalam bentuknya yang murni seperti berlian dan grafit. Perkataan ini dapat dipecahkan kepada dua suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan taburan bunyi konsonan. Pada suku kata

pertama, perkataan bahasa Inggeris terdapat satu bunyi konsonan dan diikuti bunyi vokal /kv:/. Manakala perkataan bahasa Arab menunjukkan dua bunyi konsonan dan satu bunyi vokal /kv:k/.

Pada suku kata pertama, berlaku penambahan bunyi konsonan getaran gigi gusi bersuara [r] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris telah bertukar menjadi vokal tengah luas [a].

Pada suku kata pertama, berlaku penambahan bunyi konsonan getaran gigi gusi bersuara [r] dalam bahasa Arab kerana bunyi ini terdapat pada ejaan perkataan ini. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] di dalam bahasa Inggeris telah bertukar menjadi vokal tengah luas [a] kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab.

18. Bahasa Inggeris : *catalogue* [kætəlɒg]

/kæ/ /tə/ /lɒg/ /kv/ /kv/ /kvk/

Bahasa Arab :  [katalu:dʒ]

/ka/ /ta/ /lu:dʒ/ /kv/ /kv/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *catalogue* dalam bahasa Inggeris ialah [kætəlɒg]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [katalu:dʒ]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin lama(Harper: 2012). *Catalogue* adalah butiran senarai yang lengkap, biasanya mengikut abjad, berserta cacatan tentang perinciannya (Kamus Dewan 2005:656). Perkataan ini dapat dipecahkan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, perubahan telah berlaku pada vokal depan luas [æ] kerana telah berubah menjadi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah @ schwa [ə] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal belakang luas bundar [ɒ] dalam bahasa Inggeris telah ditukar kepada vokal belakang sempit [u:] dalam bentuk vokal panjang dalam bahasa Arab. Perubahan juga berlaku pada konsonan hentian lelangit lembut bersuara [g] telah berubah menjadi konsonan letusan gusi lelangit keras [dʒ] dalam bahasa Arab.

Perubahan pada suku kata pertama dan kedua berlaku kerana, bunyi vokal depan luas [æ] dan bunyi vokal tengah [ə] tidak ada di dalam bahasa Arab. Jadi, bunyi ini digantikan dengan bunyi vokal tengah luas [a] kerana bunyi ini merupakan bunyi yang paling hampir dari segi fonetiknya kerana merupakan bunyi vokal luas ataupun vokal rendah. Perubahan pada suku kata ketiga juga berlaku bunyi konsonan hentian lelangit lembut bersuara [g] tidak ada dalam bahasa Arab.

19. Bahasa Inggeris : *cabin* - [kæbɪn]

/kæ/ /bɪn/ /kv/ /kvk/

Bahasa Arab : كَبِينٌ - [kabi:nah]

/ka/ /bi:/ /nah/ /kv/ /kv:/ /kvk/

Sebutan sebenar perkataan *cabin* dalam bahasa Inggeris ialah [kæbɪn]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [kabi:nah]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis Lama (Harper: 2012). *Cabin* adalah bilik dalam kapal, bot, dan sebagainya yang digunakan sebagai pejabat atau tempat tidur (Kamus Dewan

2005:648). Perkataan bahasa Inggeris dapat dipecahkan kepada dua suku kata.

Manakala perkataan bahasa Arab dapat dipecahkan kepada tiga suku kata.

Pada suku kata pertama, perubahan yang berlaku di sini ialah pada vokal depan luas [æ] dalam bahasa Inggeris telah ditukar kepada vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Berlaku juga pemanjangan vokal pada vokal depan sempit [i] di dalam bahasa Arab. Pada akhir kata, berlaku penambahan bunyi vokal tengah luas [a] dan bunyi geseran glotis tak bersuara [h] dalam bahasa Arab.

Perubahan ini berlaku kerana bunyi vokal depan luas [æ] di dalam bahasa Inggeris tidak ada dalam bahasa Arab. Berlaku juga pemanjangan vokal pada vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab. Pada akhir kata, berlaku penambahan bunyi vokal tengah luas [a] dan bunyi geseran glotis tak bersuara [h] dalam bahasa Arab. Hal ini kerana, perkataan ini merupakan perkataan berbentuk feminin.

20. Bahasa Inggeris : *chemistry* – [‘kemistri]

/ke/ /mɪs/ /tri/ /kv/ /kvk/ /kkv/

Bahasa Arab : kimijah - [kimija: ?]

/ki/ /mi/ /ja: ?/ /kv/ /kv/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan chemical dalam bahasa Inggeris ialah [‘kemistri]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [kimija: ?]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis lama (Harper: 2012). *Chemistry* adalah ilmu sains asas yang berkaitan dengan struktur, kelakuan, komposisi dan sifat tindak balas yang berlaku antara atom, ion. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan separuh sempit [e] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] di dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua bunyi diftong [əɪ] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] di dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga perkataan bahasa Inggeris, bunyi [tri] telah bertukar menjadi bunyi [ja:?] iaitu menunjukkan penyisipan bunyi [j] kerana terdapat gugusan konsonan [stri] pada suku kata kedua dan ketiga perkataan bahasa Inggeris.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan separuh sempit [e] berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] kerana bunyi vokal [e] tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua bunyi diftong [əɪ] berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] kerana bunyi diftong ini juga tidak ada di dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi [stri] dalam bahasa Inggeris telah digugurkan kerana berlaku gugus konsonan iaitu pertembungan dua bunyi konsonan. Gugusan konsonan tidak berlaku dalam bahasa Arab. Bunyi ini telah digantikan dengan bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] dalam bahasa Arab bagi menampakan ciri bunyi bahasa Arab.

21. Bahasa Inggeris : *cigarette* [sigə'ret]

/sɪ/ /gə/'/ret/ /kv/ /kv/ /kvk/

Bahasa Arab : *سِرْجَة* - [sidʒa:rah]

/si/ /dʒa:/ /rah/ /kv/ /kv:/ /kvk/

Sebutan sebenar perkataan *cigarette* dalam bahasa Inggeris ialah [sigə'ret].

Manakala dalam bahasa Arab menjadi [sidʒa:rah]. *Cigarette* adalah rokok iaitu

sejumlah tembakau yang dibalut oleh kertas nipis. Perkataan ini berasal daripada bahasa English Amerika (Harper: 2012). Perkataan ini dapat dipecahkan kepada tiga suku kata. Taburan bunyi vokal dan konsonan bagi perkataan-perkataan ini adalah sama. Iaitu setiap bunyi konsonan diikuti oleh bunyi vokal.

Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata kedua pula, bunyi konsonan hentian lelangit lembut bersuara [g] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi konsonan letusan gusi bersuara [dʒ]. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah @ schwa [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a]. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal depan separuh sempit [e] telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a].

Perubahan ini berlaku kerana bunyi yang berubah tidak ada dalam bahasa Arab. Bunyi konsonan hentian lelangit lembut bersuara [g] tidak ada dalam bahasa Arab, jadi ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi fonetik iaitu bunyi letusan gusi bersuara [dʒ] dalam bahasa Arab. Begitu juga dengan bunyi vokal tengah [ə] dan bunyi vokal depan separuh sempit [e]. Kedua-duanya tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari fonetik yang terdapat dalam bahasa Arab iaitu bunyi vokal tengah luas [a].

22. Bahasa Inggeris : *diploma* [dipləʊmə]

/dɪp/ /ləʊ//mə/ /kvk/ /kv/ /kv/

Bahasa Arab : دِبْلُومٌ [diblu:mun]

/dib/ /lu:/ /mun/ /kvk/ /kv:/ /kvk/

Sebutan sebenar perkataan *diploma* dalam bahasa Inggeris adalah [dɪp.ləʊmə]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [diblu:m]. Perkataan *diploma* merujuk

kepada sijil diploma. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin(Harper: 2012). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat sedikit perbezaan dari segi taburan bunyi kosongan dan vokal. Perubahan telah berlaku dari segi kelainan bunyi vokal dan penambahan vokal panjang.

Pada suku kata pertama, bunyi konsonan hentian bibir tak bersuara [p] di dalam bahasa Inggeris telah digantikan dengan bunyi konsonan hentian bibir bersuara [b] di dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi diftong [əʊ] yang terdiri dari bunyi vokal tengah [ə] dan bunyi vokal belakang separuh sempit [ʊ] telah berubah menjadi bunyi belakang sempit panjang [u:] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, berlaku penambahan bunyi vokal belakang sempit [u] dan bunyi sengauan gigi gusi [n] selepas bunyi [m] dalam bahasa Arab. Bunyi vokal tengah [ə] yang terdapat selepas bunyi sengauan dua bibir [m] dalam bahasa Inggeris telah digugurkan.

Perubahan ini berlaku kerana, bunyi yang berubah tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata pertama, bunyi konsonan hentian bibir tak bersuara [p] dalam bahasa Inggeris telah digantikan dengan bunyi konsonan hentian bibir bersuara [b] dalam bahasa Arab. Kedua-dua bunyi ini merupakan bunyi hentian bibir. Selain itu, bunyi diftong [əʊ] yang terdiri dari bunyi vokal tengah [ə] dan bunyi vokal belakang separuh sempit [ʊ] tidak ada dalam bahasa Arab. Disebabkan bunyi vokal belakang separuh sempit [ʊ] merupakan bunyi terakhir dari bunyi diftong [əʊ], jadi bunyi ini disesuaikan dengan bunyi yang hampir dengannya dari segi fonetik dalam bahasa Arab iaitu bunyi belakang sempit [u].

23. **Bahasa Inggeris** : dictator – [diktəɪtə(r)]

/dɪk/ /teɪ/ /tə(r)/ /kvk/ /kv/ /kvk/

Bahasa Arab : دكتاتور - [dikta:tu:r]

/dik/ /ta:/ /tu:r/ /kvk/ /kv:/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *dictator* dalam bahasa Inggeris adalah [diktetɪə(r)]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [dikta:tu:r]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin(Harper: 2012). *Dictator* ialah pemerintah mutlak, terutamanya yg merampas kuasa tanpa mengikut perlembagaan dan menggunakannya secara zalim. Perkataan ini dapat dipecahkan kepada tiga suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Perubahan telah berlaku dari segi kelainan bunyi vokal dan penambahan vokal panjang. Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata kedua, bunyi diftong [eɪ] dalam bahasa Inggeris menjadi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, didapati bunyi vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris telah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab.

Hal ini terjadi kerana bunyi diftong [eɪ] dan vokal tengah [ə] tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, ia perlu ditukarkan kepada bunyi yang paling hampir seperti diftong [eɪ] ditukar menjadi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Hal ini disebabkan faktor fonetik kerana ianya digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi kedudukan lidah. Manakala perubahan vokal tengah [ə] kepada vokal belakang sempit [u] juga adalah disebabkan faktor fonetik. Iaitu bunyi ini tidak ada dalam sistem bunyi bahasa Arab.

24. Bahasa Inggeris : *democracy* – [dɪmɒkrəsi]

/di/ /mɒk/ /rə/ /si/ /kv/ /kvk/ /kv/ /kv/

Bahasa Arab : دِيمُقْرَاطِيَّة – [di:muqra:tijjah]

/di/ /muq/ /ra/ /t̪ij/ /jah/ /kv/ /kvk/ /kv/ /kvk/ /kvk/

Sebutan sebenar perkataan *democracy* di dalam bahasa Inggeris adalah [dɪmɒkrəsi]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [dimuqratijjah]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis Modern (Harper: 2012). *Democracy* ialah pemerintahan yang dijalankan oleh rakyat atau wakil yang dipilih dalam pilihan raya. Perkataan ini dapat dipecahkan kepada empat suku kata. Dilihat dari taburan bunyi konsonan dan vokal, kedua-duanya memberikan taburan yang sama iaitu setiap bunyi vokal didahului oleh konsonan.

Perubahan telah berlaku dari segi kelainan bunyi vokal dan penambahan vokal panjang. Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata kedua, berlaku perubahan bunyi vokal belakang luas bundar [ɒ] kepada bunyi vokal belakang sempit [u]. Selain itu, bunyi hentian lelangit lembut tak bersuara [k] telah berubah menjadi bunyi hentian uvular tak bersuara [q] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal tengah [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata keempat, bunyi geseran gusi tak bersuara [s] telah berubah menjadi bunyi letupan gigi gusi tak bersuara [t] dalam bahasa Arab. Berlaku penambahan bunyi [jah] di akhir perkataan.

Pada suku kata kedua, perubahan berlaku kerana bunyi vokal belakang luas bundar [ɒ] tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi ia telah digantikan dengan bunyi vokal belakang sempit [u]. Selain itu, bunyi hentian lelangit lembut tak bersuara [k] telah berubah menjadi bunyi hentian anak tekak tak bersuara [q] mungkin kerana bunyi [q] telah dipengaruhi oleh bunyi selepasnya iaitu [r] yang kedua-duanya merupakan bunyi dari makhraj yang sama iaitu gigi gusi dalam bahasa Arab. Jadi, hal ini lebih memudahkan sebutan. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal tengah [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] kerana bunyi vokal tengah [ə] tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata keempat, bunyi geseran gusi tak bersuara [s] telah berubah menjadi bunyi letupan gigi gusi tak

bersuara [t] dalam bahasa Arab. Berlaku penambahan bunyi [jah] di akhir perkataan.

25. Bahasa Inggeris : *Electron* [?ilektron]

/?i/ /lek/ /trɒn/ /kv/ /kvk/ /kkvk/

Bahasa Arab الـإـلـكـتـرـونـ [?iliktru:n]

/?i/ /lik/ /tru:n/ /kv/ /kvk/ /kkvk:k/

Perkataan *electron* [?ilektron] dalam bahasa Inggeris. Manakala dalam bahasa Arab menjadi الـإـلـكـتـرـونـ [?iliktru:n]. Perkataan ini dicipta oleh ahli Fizik Ireland(Harper: 2012). *Electron* adalah zarah yang lebih kecil daripada atom dan mempunyai cas negatif. Perkataan ini mempunyai tiga suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Hal ini kerana kedua-duanya memberikan taburan /kv/ /kvk/ /kkvk/.

Perubahan berlaku pada bunyi vokal. Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Bunyi vokal depan sempit [i] atau [ɪ] masih dikenalkan. Pada suku kata kedua, bunyi vokal separuh sempit [e] dalam bahasa Inggeris berubah menjadi bunyi depan sempit [i] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal belakang luas bundar [ʊ] dalam bahasa Inggeris berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u:] dalam bentuk vokal panjang.

Perubahan yang berlaku pada perkataan ini adalah disebabkan faktor fonetik yang berbeza di antara bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Bunyi vokal separuh sempit [e] dan bunyi vokal belakang luas bundar [ʊ] tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi fonetiknya dengan mengekalkan vokal belakang [u]. Jadi, perubahan yang berlaku melibatkan perubahan dari aspek fonetik kerana melibatkan perubahan sesuatu bunyi dengan bunyi yang paling hampir pada cara sebutan dan tempat sebutan.

26. Bahasa Inggeris : *Eskimo* [eskimou]

/?es/ /k i / /mou/ /kvk//kv/ /kv/

Bahasa Arab : ئِسْكِيمُو [?iski:mu:]

/?is/ /ki:/ /mu:/ /kvk/ /kv:/ /kv:/

Perkataan *Eskimo* dalam bahasa Inggeris disebut [eskəmou]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [?iski:mu:]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Jerman Utara (Harper: 2012). *Eskimo* merujuk kepada orang yang mendiamai kawasan artik atau kawasan kutub utara. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Perubahan berlaku pada bunyi vokal. Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan separuh luas [e] telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah @ schwa [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi diftong [oo] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab.

Perubahan pada suku kata pertama, bunyi vokal depan separuh luas [e] berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] kerana bunyi vokal [e] tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] kerana bunyi [ə] juga tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi diftong [oo] berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] kerana bunyi diftong ini juga tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, perubahan yang berlaku melibatkan perubahan dari aspek fonetik.

27. Bahasa Inggeris : *gasoline* [gæsəli:n]

/gæ/ /sə/ /li:n/ /kv/ /kv/ /kv:k/

Bahasa Arab : الجازولين [dʒa:zu:li:n]

/dʒa:/ /zu:/ /li:n/ /kv:/ /kv:/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *gasoline* dalam bahasa Inggeris adalah [gæsəli:n].

Manakala dalam bahasa Arab menjadi [dʒa:zu:li:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin (Harper: 2012). *Gasoline* ialah bahan api untuk enjin pembakaran dalam yang diperoleh daripada petroleum mentah atau dikenali sebagai minyak petrol. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan adalah sama iaitu /kv/ kv/ /kvk/.


Pada suku kata pertama, bunyi hentian lelangit lembut bersuara [g] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi letusan gusi bersuara [dʒ] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi vokal depan luas [æ] di dalam bahasa Inggeris menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi geseran gusi tak bersuara [s] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi geseran gigi gusi bersuara [z] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi vokal tengah ataupun schwa [ə] dalam bahasa Inggeris menjadi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, tiada perubahan berlaku.

Perubahan pada suku kata pertama, perubahan bunyi [g] menjadi bunyi [dʒ] dalam bahasa Arab kerana bunyi [g] tidak ada dalam bahasa Arab. Begitu juga dengan bunyi [æ]. Bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi ia digantikan dengan bunyi [a] yang merupakan bunyi vokal luas dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi [s] telah berubah menjadi bunyi [z] mungkin kerana bunyi [s] dan bunyi [z] dalam bahasa Arab merupakan bunyi dari makhraj dan cara sebutan yang sama iaitu bunyi geseran gigi gusi. Perbezaan antara keduanya ialah bunyi [s] merupakan tak bersuara. Manakala bunyi [z] merupakan bunyi bersuara.

Jadi tidak berlaku perbezaan bunyi yang ketara apabila menggunakan salah satu dari keduanya. Selain itu, bunyi vokal tengah ataupun schwa [ə] dalam bahasa Inggeris menjadi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Jadi, perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi makhraj dan cara sebutannya.

28. Bahasa Inggeris : *glycerin* [glɪsəri:n]

/gli/ /sə/ /ri:n/ /kkv/ /kv/ /kv:k/

Bahasa Arab :  [dʒilisri:n]

/dʒi/ /lis/ /ri:n/ /kv/ /kvk/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *glycerin* dalam bahasa Inggeris adalah [glɪsəri:n]. Manakala di dalam bahasa Arab menjadi [dʒilisrin]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis(Harper: 2012). *Glycerin* ialah cecair pekat yg larut dalam air dan terdapat dalam bentuk bergabung dengan asid lemak. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan berlaku pada kelainan bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi hentian lelangit lembut bersuara [g] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi letusan gusi bersuara [dʒ] dalam bahasa Arab. Selain itu, berlaku penambahan bunyi vokal depan sempit [i] di antara bunyi [dʒ] dan bunyi sisian [l] di dalam perkataan bahasa Arab. Jadi bunyi [dʒi] merupakan suku kata pertama dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, berlaku penambahan bunyi geseran gusi tak bersuara [s] yang merupakan bunyi dari suku kata ketiga di dalam perkataan bahasa Inggeris. Pada suku kata ketiga, tiada perubahan berlaku.

Perubahan pada suku kata pertama, perubahan bunyi [g] menjadi bunyi [dʒ] dalam bahasa Arab kerana bunyi [g] tidak ada dalam bahasa Arab. Selain itu, penambahan bunyi vokal depan sempit [i] di antara bunyi [dʒ] dan bunyi sisian [l] dalam perkataan bahasa Arab terjadi kerana terdapat gugusan konsonan iaitu bunyi /dʒl/. Dalam bahasa Arab, kehadiran dua bunyi konsonan seperti /gl/ tidak berlaku. Jadi ia harus ditambah dengan bunyi vokal di tengah. Pada suku kata kedua, berlaku perpindahan bunyi [s] dari suku kata ketiga ke dalam suku kata kedua kerana penambahan bunyi vokal depan sempit [i] tadi. Pada suku kata ketiga, tiada perubahan berlaku. Semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi makhraj dan cara sebutannya.

29. Bahasa Inggeris : *gelatin* [dʒelətɪn]

/dʒe/ /lə/ /tm/ /kv/ /kv/ /kvk/

Bahasa Arab : الجيلاتين [dʒi:la:ti:n]

/dʒi:/ /la:/ /ti:n/ /kv:/ /kv:/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *gelatin* dalam bahasa Inggeris adalah [dʒelətɪn]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [dʒi:la:ti:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis(Harper: 2012). *Gelatin* adalah sejenis bahan yang jernih warnanya (tidak mempunyai bau atau rasa) yang dibuat daripada tulang-tulang dan kulit binatang yang direbus. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Kedua-dua perkataan memberikan taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan yang sama iaitu /kv/ /kv/ /kvk/.

Perubahan berlaku pada kelainan bunyi vokal. Pada suku kata pertama, bunyi hentian lelangit lembut bersuara [g] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi letusan gusi bersuara [dʒ] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi vokal

depan separuh sempit [e] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi depan sempit [i] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah @ schwa [ə] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, tiada perubahan berlaku. Perubahan pada suku kata pertama, perubahan bunyi [g] menjadi bunyi [dʒ] di dalam bahasa Arab kerana bunyi [g] tidak ada dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi vokal [e] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi [i] di dalam bahasa Arab kerana bunyi [e] juga tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal [ə] berubah menjadi bunyi vokal tengah [a] kerana bunyi ini juga tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, tiada perubahan berlaku kerana suku kata ini melibatkan bunyi yang ada di dalam kedua-dua bahasa. Semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi makhraj dan cara sebutannya.

30. Bahasa Inggeris: *heroin* [herəʊɪn]

/he/ /rəʊ/ /ɪn/ /kv/ /kv/ /vk/

Bahasa Arab : *هيرويين* [hi:ruwi:n]

/hi:/ /ru/ /wi:n/ /kv:/ /kv/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *heroin* dalam bahasa Inggeris adalah [herəʊɪn]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [hi:ruwi:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa German(Harper: 2012). *Heroin* ialah dadah yg dibuat daripada morfin yg digunakan utk melenakan seseorang atau utk mengurangkan rasa sakit, dan juga disalahgunakan oleh penagih dadah. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Perubahan berlaku pada kelainan bunyi vokal dan penambahan bunyi konsonan. Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan separuh sempit [e] dalam bahasa

Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi diftong [əʊ] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, berlaku penambahan bunyi geluncuran bibir lelangit lembut [w] sebelum bunyi vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal [e] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal [i] dalam bahasa Arab kerana vokal [e] tidak ada di dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi diftong [əʊ] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi [u] dalam bahasa Arab kerana bunyi diftong [əʊ] tidak ada dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi vokal belakang sempit [u] menjadi pilihan kerana bunyi diftong juga melibatkan bunyi belakang sempit [ʊ]. Pada suku kata ketiga, penambahan bunyi geluncuran bibir lelangit lembut [w] dalam bahasa Arab berlaku kerana terdapat pertembungan dua vokal iaitu vokal belakang sempit [u] dan vokal depan sempit [i]. Hal ini tidak berlaku dalam bahasa Arab dan perlu ditambah di tengahnya bunyi konsonan. Semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi makhraj dan cara sebutan di antara bunyi yang terdapat di dalam kedua-dua bahasa.

31. Bahasa Inggeris : *hemoglobin* - [hi:məgloʊbɪn]

/hi:/ /məg/ /loo/ /bɪn/ /kv:/ /kvk/ /kv/ /kvk/

Bahasa Arab *الهيموجلوبين* - [hi:mujlu:bi:n]

/hi:/ /mu:b/ /lu:/ /bi:n/ /kv:/ /kvk/ /kv:/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *hemoglobin* dalam bahasa Inggeris adalah [hi:məgloʊbɪn]. Dalam bahasa Arab menjadi *الهيموجلوبين* [hi:mudʒlu:bi:n].

Perkataan ini berasal daripada bahasa Greek(Harper: 2012). *Hemoglobin* ialah sejenis protein yang mengandungi zat besi, terdapat dalam sel darah merah vertebrat, dan berfungsi membawa oksigen dari paru-paru ke tisu badan. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada empat suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan iaitu /kv/ /kvk/ /kv/ /kvk/.

Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah @ schwa [ə] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit panjang [u:] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi hentian lelangit lembut bersuara [g] telah berubah menjadi bunyi bunyi letusan gusi bersuara [dʒ] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi diftong [ou] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit panjang [u:] dalam bahasa Arab. Pada suku kata keempat, berlaku pemanjangan vokal pada bunyi vokal depan sempit pendek [i] dalam bahasa Inggeris menjadi vokal panjang [i:] di dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah @ schwa [ə] berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit panjang [u:] kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi hentian lelangit lembut bersuara [g] berubah menjadi bunyi letusan gusi bersuara [dʒ] kerana bunyi [g] tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi diftong [ou] berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit panjang [u:] kerana bunyi diftong [ou] ini tidak ada dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi diftong ini juga melibatkan bunyi vokal belakang. Semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

32. Bahasa Inggeris : *hormone* [hɔ:məʊn]

/hɔ:/ /məʊn/ /kv:/ /kvk/

Bahasa Arab : *هرمون* [hurmu:n]

/hur/ /mu:n/ /kvk/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *hormone* dalam bahasa Inggeris adalah [hɔ:məʊn]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [hurmu:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Greek(Harper: 2012). *Hormone* ialah bahan kimia yang dikeluarkan dalam kelenjar endokrin dan mempunyai kesan ke atas kegiatan organ-organ lain. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Perubahan berlaku pada kelainan bunyi vokal. Pada suku kata pertama, bunyi vokal belakang separuh luas [ɔ:] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Selain itu, berlaku penambahan bunyi getaran gigi gusi bersuara [r]. Pada suku kata kedua, bunyi diftong [əʊ] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal belakang luas panjang [u:] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal belakang separuh luas [ɔ:] berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] kerana bunyi vokal [ɔ:] tidak ada di dalam bahasa Arab. Selain itu, penambahan bunyi getaran gigi gusi bersuara [r] dalam bahasa Arab kerana bunyi ini terdapat pada ejaan bahasa Inggeris tetapi digugurkan di dalam sebutan. Pada suku kata kedua, bunyi diftong [əʊ] berubah menjadi bunyi vokal belakang luas panjang [u:] kerana bunyi diftong [əʊ] tidak ada dalam bahasa Arab. Pemanjangan pada vokal belakang luas [u:] dalam bahasa Arab berlaku mungkin kerana bunyi ini merupakan gantian kepada dua bunyi diftong yang terdiri dari dua bunyi vokal. Semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

34. Bahasa Inggeris : *Insulin* [ɪnsjəlɪn]

/?ɪn/ /sjə/ /ɪn/ /kvk/ /kvv/ /kvk/

Bahasa Arab : *أنسولين* [ansulin]

/?an/ /su:/ /li:n/ /kvk/ /kv:/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *Insulin* dalam bahasa Inggeris adalah [ɪnsjəlɪn]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [?ansulin]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin(Harper: 2012). *Insulin* ialah hormon yang dikeluarkan oleh pankreas untuk mengawal kepekatan glukosa dalam darah(kamus dewan edisi empat). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan sempit [ɪ] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] digugurkan. Manakala bunyi vokal tengah atau schwa [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang luas [u] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga tiada perubahan berlaku.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan sempit [ɪ] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] digugurkan kerana berlaku pertembungan dua bunyi konsonan iaitu bunyi [s] dan [j]. Manakala bunyi vokal tengah atau schwa [ə] berubah menjadi bunyi vokal belakang luas [u] kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga tiada perubahan berlaku. Jadi, semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi makhraj dan cara sebutannya.

35. Bahasa Inggeris : *influenza* [influenzə]

/ɪn/ /flu/ /en/ /zə/ /kv/ /kkv/ /vk/ /kv/

Bahasa Arab : **الْعَفْلُوْنَزَا** [infuluwanza:]

/in/ /fu/ /lu/ /wan/ /za:/ /vk/ /kv/ /kv/ /kvk/ /kv:/

Sebutan sebenar perkataan *influenza* dalam bahasa Inggeris adalah [influenzə]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [infuluwanza:]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Italy (Harper: 2012). *Influenza* adalah demam selesema. Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada empat suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada lima suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Perubahan berlaku pada bunyi kelainan bunyi vokal dan penambahan bunyi konsonan. Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata kedua, bunyi gugus konsonan [fl] diceraikan dengan penambahan bunyi vokal belakang luas [u] di tengah. Hal ini telah membentuk suku kata baru di dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, yang merupakan suku kata keempat perkataan bahasa Arab, berlaku penambahan bunyi geluncuran bibir lelangit lembut bersuara [w] dan bunyi vokal depan separuh sempit [e] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata akhir, bunyi vokal tengah atau schwa [ə] telah berubah menjadi bunyi tengah luas panjang [a:] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata kedua, bunyi gugus konsonan [fl] diceraikan dengan penambahan bunyi vokal belakang luas [u] di tengah kerana gugus konsonan tidak berlaku dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, yang merupakan suku kata keempat perkataan bahasa Arab, berlaku penambahan bunyi geluncuran bibir lelangit lembut bersuara [w] kerana terdapat pertembungan dua bunyi vokal serentak. Jadi penambahan bunyi [w] bertujuan

untuk membunyikan vokal selepasnya. Selain itu, bunyi vokal depan separuh sempit [e] berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] kerana vokal ini tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata akhir, bunyi vokal tengah atau schwa [ə] telah berubah menjadi bunyi tengah luas panjang [a:] kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

36. Bahasa Inggeris : *kerosene* - [kerəsin]

/ke/ /rə/ /si:n/ /kv/ /kv/ /kv:k/

Bahasa Arab : الـكـرـسـين – [ki:rusi:n]

/ki:/ /ru/ /si:n/ /kv:/ /kv/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *kerosene* dalam bahasa Inggeris adalah [kerəsin]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [ki:rusi:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Greek(Harper: 2012). *Kerosene* adalah minyak tanah (yang telah dijernihkan dan digunakan sebagai bahan api), minyak gas. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan berlaku pada kelainan bunyi vokal.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan separuh sempit [e] telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i:] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah atau schwa [ə] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal bunyi belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, tiada perubahan berlaku.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan separuh sempit [e] berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i:] kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab.

Begitu juga pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah atau schwa [ə] berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] kerana bunyi ini juga tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, tiada perubahan berlaku kerana melibatkan bunyi yang ada dalam kedua-dua bahasa. Jadi, semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi makhraj dan cara sebutannya.

37. **Bahasa Inggeris** : *litre* [li:tə(r)] - /li:/ /tər/ /kv/ /kvk/

Bahasa Arab : لِيْتر [litru:] - /lit/ /ru:/ /kvk/ /kv:/

Sebutan sebenar perkataan *Litre* dalam bahasa Inggeris adalah [li:tər]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [litru:]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis(Harper: 2012). *Litre* adalah unit isipasu dalam system metrik. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan berlaku pada kelainan bunyi vokal.

Pada suku kata pertama, berlaku pemendekan bunyi vokal pada bunyi vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi hentian gusi tak bersuara [t] pada suku kata kedua bahasa Inggeris telah dipindahkan ke suku kata pertama bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] telah digugurkan dan bunyi sisian lelangit keras [r] dikekalkan. Selain itu, berlaku penambahan bunyi vokal belakang [u] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, berlaku pemendekan bunyi vokal pada bunyi vokal depan sempit [i] kerana suku kata ini melibatkan tiga segmen bunyi iaitu /l/, /i/, /t/ dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi hentian gusi tak bersuara [t] pada suku kata kedua bahasa Inggeris telah dipindahkan ke suku kata pertama bahasa Arab kerana terdapat gugusan konsonan bunyi [t] dan bunyi [r]. Pada suku kata kedua,

bunyi vokal tengah [ə] telah digugurkan dan bunyi sisian lelangit keras [r] dikekalkan. Selain itu, berlaku penambahan bunyi vokal belakang [u] dalam bahasa Arab kerana suku kata ini merupakan suku kata terbuka. Jadi, semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi makhraj dan cara sebutannya.

38. Bahasa Inggeris : *mango* - [mæŋgəʊ]

/mæŋ/ /gəʊ/ /kvk/ /kv/

Bahasa Arab : *مانجو* – [mandʒah]

/man/ /dʒah/ /kvk/ /kvk/

Sebutan sebenar perkataan *mango* dalam bahasa Inggeris adalah [mæŋgəʊ]. Manakala di dalam bahasa Arab menjadi [mandʒah]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Portugis, Melayu dan Tamil(Harper: 2012). Perkataan *mango* merujuk kepada buah mangga. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan luas [æ] telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi sengauan lelangit lembut [ŋ] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal sengauan gigi gusi [n] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi hentian lelangit lembut bersuara [g] telah berubah menjadi bunyi letusan gusi lelangit keras [dʒ] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi diftong [əʊ] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada akhir perkataan, berlaku penambahan bunyi geseran glotis tak bersuara [h].

Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan luas [æ] berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi

sengauan lelangit lembut [ŋ] berubah menjadi bunyi vokal sengauan gigi gusi [n] kerana bunyi ini juga tidak ada dalam bahasa Arab. Begitu juga pada suku kata kedua, bunyi hentian lelangit lembut bersuara [g] berubah menjadi bunyi letusan gusi lelangit keras [dʒ] kerana bunyi ini juga tidak ada dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi diftong [əʊ] berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] kerana bunyi ini juga tidak ada di dalam bahasa Arab. Pada akhir perkataan, berlaku penambahan bunyi geseran glotis tak bersuara [h]. Jadi, semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

39. Bahasa Inggeris : *magnet* [mægnət]

/mæg/ /nət/ /kvk/ /kvk/

Bahasa Arab : المغناطيس [maғna: t^f i:s]

/maғ/ /na:/ / t^f i:s/ /kvk/ /kv:/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *magnet* dalam bahasa Inggeris adalah [mægnət]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [maғna: t^f i:s]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis lama(Harper: 2012). Magnet adalah sejenis besi yang mempunyai daya menarik logam-logam lain, besi berani, semberani (Kamus Dewan 2005:974). Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan.

Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan luas [æ] berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] di dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi hentian lelangit lembut bersuara [g] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi geseran anak tekak bersuara

[v] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] ataupun schwa dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas panjang [a:] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi hentian gusi tak bersuara [t] telah berubah menjadi bunyi hentian gigi gusi tak bersuara [t^f] dalam bahasa Arab. Berlaku penambahan bunyi vokal depan sempit [i:] dan bunyi geseran gigi gusi tak bersuara [s] di akhir perkataan bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan luas [æ] berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] kerana bunyi vokal ini tidak ada dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi hentian lelangit lembut bersuara [g] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi geseran anak tekak bersuara [v] kerana bunyi ini juga tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] ataupun schwa dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas panjang [a:] kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi hentian gusi tak bersuara [t] telah berubah menjadi bunyi hentian gigi gusi tak bersuara [t^f] di dalam bahasa Arab. Penulis berpendapat, hal ini berlaku mungkin kerana bunyi [t^f] mempunyai sifat yang sama dengan bunyi [s] iaitu bersifat ismat. Berlaku penambahan bunyi vokal depan sempit [i:] dan bunyi geseran gigi gusi tak bersuara [s] di akhir perkataan bahasa Arab. Jadi, semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

40. Bahasa Inggeris : *million* [miljən]

/mil/ /jən/ /kvk/ /kvk/

Bahasa Arab : **مليون** [miliju:n]

/mi/ /li/ /ju:n/ /kv/ /kv/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *million* dalam bahasa Inggeris adalah [mɪljən]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [miliju:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Italy (Harper: 2012). *Million* merujuk kepada jumlah yang member nilai juta. Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan. Berlaku perubahan pada kelainan bunyi vokal dan penambahan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata kedua, berlaku penambahan bunyi vokal depan sempit [i] sebelum bunyi konsonan geluncuran lelangit keras bersuara [j]. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal tengah @ schwa [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata kedua, berlaku penambahan bunyi vokal depan sempit [i] sebelum bunyi konsonan geluncuran lelangit keras bersuara [j] kerana berlaku pertembungan dua bunyi konsonan. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal tengah @ schwa [ə] berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

41. Bahasa Inggeris : *music* [mju:zɪk]

/mju:/ /zɪk/ /kkv:/ /kvk/

Bahasa Arab : المُوسِيَقَى [mu:si:qa:]

/mu:/ /si:/ /qa:/ /kv:/ /kv:/ /kv:/

Sebutan sebenar perkataan *music* dalam bahasa Inggeris adalah [mju:zɪk]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [mu:si:qa:]. Perkataan ini berasal daripada

bahasa Perancis lama(Harper: 2012). *Music* merupakan seni bermain alat muzik. Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan. Perubahan berlaku pada kelainan bunyi vokal dan penambahan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi konsonan geluncuran lelangit keras bersuara [j] dalam bahasa Inggeris digugurkan. Pada suku kata kedua, bunyi geseran gusi tak bersuara [s] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi geseran gigi gusi bersuara [z] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi hentian lelangit lembut tak bersuara [k] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi hentian anak tekak (uvular) tak bersuara [q] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi konsonan geluncuran lelangit keras bersuara [j] dalam bahasa Inggeris digugurkan kerana berlaku pertembungan dua bunyi konsonan [m] dan [j] dalam bahasa Inggeris. Pertembungan dua bunyi konsonan tidak berlaku dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi geseran gusi bersuara [z] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi geseran gigi gusi bersuara tak bersuara [s] dalam bahasa Arab kerana bunyi geseran gusi dalam bahasa Arab merujuk kepada bunyi [ʃ] yang merupakan bunyi geseran lelangit keras tak bersuara di dalam bahasa Inggeris. Pada suku kata ketiga, bunyi hentian lelangit lembut tak bersuara [k] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi hentian anak tekak (uvular) tak bersuara [q] dalam bahasa Arab. Penulis berpendapat, perubahan bunyi [k] kepada [q] mungkin bagi menunjukkan unsur bunyi bahasa Arab dalam perkataan ini. Tiada alasan yang berkaitan dengan sistem fonologi kedua-dua bahasa. Semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

42. Bahasa Inggeris : *neutron* [nu:t̪rə:n]

/nu:t/ /rə:n/ /kv:k/ /kv:k/

Bahasa Arab : النيوترون [niju:tru:n]

/ni/ /ju:t/ /ru:n/ /kv/ /kv:k/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *neutron* dalam bahasa Inggeris adalah [nu:t̪rə:n]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [nijutrun]. Perkataan ini dicipta oleh ahli Kimia Amerika (Harper: 2012). Neutron adalah zarah yang tidak berasas (neutral) yang terdapat dalam nukleus atom semua unsur, kecuali isotop hidrogen (Kamus Dewan 2005:1078). Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Berlaku perubahan pada bunyi kelainan bunyi vokal dan penambahan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, berlaku penambahan bunyi vokal depan sempit [i] dan bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] selepas bunyi sengauan gigi gusi bersuara [n] dan sebelum bunyi vokal belakang sempit [u]. Penambahan bunyi ini telah membentuk suku kata baru iaitu suku kata kedua dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal belakang luas bukan bundar [v] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, berlaku penambahan bunyi vokal depan sempit [i] dan bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] selepas bunyi sengauan gigi gusi bersuara [n] dan sebelum bunyi vokal belakang sempit [u]. Penambahan bunyi ini telah membentuk suku kata baru iaitu suku kata kedua dalam bahasa Arab. Penulis berpendapat, penambahan bunyi [i] dan [j] berlaku bagi memisahkan gugus konsonan [tr] dalam bahasa Inggeris. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal belakang luas bukan bundar [v] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang

berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

43. **Bahasa Inggeris** : *neon* - [ni:vn] /ni:/ /vn/ /kv:/ /vk/

Bahasa Arab : نيون - [niju:n] /ni/ /ju:n/ /kv/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *neon* dalam bahasa Inggeris adalah [ni:vn]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [niju:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Greek (Harper: 2012). Neon adalah unsur gas nadir, tidak berwarna, tidak berbau, wujud dalam atmosfera, digunakan dalam papan tanda dan lampu (Kamus Dewan 2005:1076). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan berlaku pada kelainan bunyi vokal dan penambahan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata kedua, berlaku penambahan bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] dalam bahasa Arab di antara dua bunyi vokal [i] dan [v]. Selain iu, bunyi vokal belakang luas bundar [v] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi belakang sempit [u] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata kedua, berlaku penambahan bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] di dalam bahasa Arab di antara bunyi dua vokal kerana bunyi dua vokal di sini bukan merupakan bunyi diftong tetapi bunyi dari suku kata yang berbeza. Jadi, ianya perlu dipisahkan dengan bunyi konsonan. Bunyi vokal belakang luas bundar [v] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi belakang sempit [u] kerana bunyi [v] tidak ada dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor

fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

44. Bahasa Inggeris : *nicotine* - [nɪkəti:n]

/ni/ /kə/ /ti:n/ /kv/ /kv/ /kv:k/

Bahasa Arab : النيكوتين - [ni:ku:ti:n]

/ni:/ /ku:/ /ti:n/ /kv:/ /kv:/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *nicotine* dalam bahasa Inggeris adalah [nɪkəti:n]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [ni:ku:ti:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis (Harper: 2012). *Nicotine* adalah sejenis bahan beracun yang terdapat dalam tembakau dan digunakan sebagai racun serangga dan pewasap (Kamus Dewan 2005:1081). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan berlaku pada kelainan bunyi vokal.

Pada suku kata pertama, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah ataupun schwa [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, tiada perubahan berlaku.

Pada suku kata pertama dan ketiga, tiada perubahan berlaku kerana kedua-duanya melibatkan bunyi yang ada di dalam kedua-dua bahasa. Manakala perubahan pada suku kata kedua berlaku kerana, bunyi vokal tengah ataupun schwa [ə] tidak ada dalam bahasa Arab dan digantikan dengan vokal belakang sempit [u]. Semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

45. **Bahasa Inggeris** : *Opera* [ɒprə] - /ɒp/ /rə/ /kvk/ /kv/

Bahasa Arab : لُبِرَا [lubira:] - /u/ /bi/ /ra:/ /kv/ /kv/ /kv:/

Sebutan sebenar perkataan *opera* dalam bahasa Inggeris adalah [ɒprə]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [ubira:]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Italy (Harper: 2012). *Opera* adalah sejenis drama yang disertai dengan nyanyian dan muzik (Kamus Dewan 2005:1099). Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Perkataan bahasa ini dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal belakang luas [ɒ] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] telah berubah menjadi bunyi hentian bibir bersuara [b] dalam bahasa Arab. Selain itu, berlaku penambahan bunyi vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal tengah ataupun schwa [ə] berubah menjadi bunyi vokal tengah [a:] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal belakang luas [ɒ] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] kerana bunyi vokal belakang luas [ɒ] tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] telah berubah menjadi bunyi hentian bibir bersuara [b] dalam bahasa Arab. Selain itu, berlaku penambahan bunyi vokal depan sempit [i] di dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi schwa [ə] berubah menjadi bunyi [a:] kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

46. **Bahasa Inggeris** : *oxide* – [ɔɪksaɪd] /ɔ:k/ /saɪd/ /vk/ /kvk/

Bahasa Arab : أكسيد - [ʔuksid] /ʔuk/ /si:d/ /kvk/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *oxide* dalam bahasa Inggeris adalah [ɔksaid]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [ʔuksid]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis (Harper: 2012). *Oxide* ialah karat yang terbentuk kerana bersatu dengan oksigen. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Terdapat perbezaan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan berlaku pada bunyi konsonan dan bunyi vokal.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal belakang luas [ɔ] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi diftong [ai] telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal belakang luas [ɔ] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] kerana bunyi vokal belakang luas [ɔ] tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi diftong [ai] telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i:] dalam bahasa Arab mungkin dipengaruhi oleh bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] selepas bunyi konsonan geseran gigi gusi tak bersuara [s] dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

47. **Bahasa Inggeris** : *penicillin* [penəsɪlin]

/pe/ /nə/ /sɪ/ /lɪn/ /kv/ /kv/ /kv/ /kvk/

Bahasa Arab : البنسلين [binisili:n]

/bi/ /ni/ /si/ /li:n/ /kv/ /kv/ /kv/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *penicillin* di dalam bahasa Inggeris adalah [penɪsɪln]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [binisili:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa English(Harper: 2012). *Penicillin* adalah antibiotik yang digunakan untuk mengubati pneumonia, gonorea, dan infeksi-infeksi lain yang disebabkan oleh bakteria (Kamus Dewan 2005:1173). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada empat suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi hentian dua bibir bersuara [b] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah ataupun schwa [ə] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] di dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga dan keempat tiada perubahan berlaku. Pada suku kata ketepat bunyi vokal depan sempit [i] hadir dalam bentuk vokal panjang [i:].

Perubahan pada suku kata pertama berlaku kerana melibatkan unsur bunyi yang berbeza di antara bahasa Inggeris dan bahasa Arab iaitu bunyi konsonan hentian dua bibir tak bersuara [p]. bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, bunyi ini digantikan dengan bunyi dari tempat dan cara sebutan yang sama iaitu bunyi hentian dua bibir bersuara [b] di dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana perubahan bunyi diambil dari bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

48. **Bahasa Inggeris** : *petrol* – [petrəl] /petrəl/ /kvk/ /kvk/

Bahasa Arab : البُرْوَل - [batru:l] /batru:l/ /kvk/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *petrol* dalam bahasa Inggeris adalah [petrəl]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [batru:l]. Perkataan ini berasal bahasa Perancis (Harper: 2012). Petrol adalah cecair mudah terbakar yang diperoleh daripada petroleum dengan proses penapisan dan digunakan sebagai bahan api untuk menjalankan enjin (Kamus Dewan 2005:1202). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Berlaku perubahan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi hentian dua bibir bersuara [b] di dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi vokal depan separuh sempit [e] telah berubah menjadi bunyi vokal tengah [a] di dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] dalam bahasa Arab telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Berlaku pemanjangan vokal pada vokal [u:].

Pada suku kata pertama, bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] telah berubah menjadi bunyi hentian dua bibir bersuara [b] kerana bunyi [p] tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, bunyi ini digantikan dengan bunyi dari tempat dan cara sebutan yang sama. Selain itu, bunyi vokal depan separuh sempit [e] telah berubah menjadi bunyi vokal tengah [a] juga kerana bunyi [e] tidak ada di dalam bahasa Arab. Jadi bunyi ini digantikan dengan vokal tengah juga dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] dalam bahasa Arab telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] mungkin kerana dipengaruhi oleh ejaan perkataan ini dalam bahasa Inggeris yang menggunakan bunyi

belakang separuh sempit [o]. Jadi bunyi ini juga digantikan dengan bunyi vokal belakang [u] dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku melibatkan perubahan dari faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

49. **Bahasa Inggeris** : *philosophy* - [fəlɒ:səfi]

/fə/ /lɒ:/ /sə/ /fi/ /kv/ /kv:/ /kv/ /kv/

Bahasa Arab : ﴿الفلسفة﴾ – [falsafah]

/fal/ /sa/ /fah/ /kvk/ /kv/ /kvk/

Sebutan sebenar perkataan *philosophy* dalam bahasa Inggeris adalah [fəlɒ:səfi]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [falsafah]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis lama (Harper: 2012). Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada empat suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Dilihat dari taburan bunyi kosongan dan vokal, kedua-duanya memberikan taburan yang berbeza. Perubahan telah berlaku dari segi kelainan bunyi vokal dan penambahan vokal panjang.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal tengah [ə] di dalam bahasa Inggeris menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi sisian gusi [l] pada suku kata kedua bahasa Inggeris hadir pada suku kata pertama pada perkataan bahasa Arab. Selain itu, bunyi vokal belakang luas [v] telah digugurkan. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal tengah [ə] di dalam bahasa Inggeris menjadi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata keempat, bunyi vokal depan sempit [i] dalam bahasa Inggeris telah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Berlaku penambahan bunyi geseran glottis [h] di akhir kata.

Penulis berpendapat, hal ini terjadi kerana vokal tengah [ə] tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, ia perlu ditukarkan kepada bunyi yang paling hampir seperti vokal tengah [ə] ditukar menjadi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Hal ini disebabkan faktor fonetik kerana ianya digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi kedudukan lidah.

50. Bahasa Inggeris : *Phonograph* [fəʊnəgra:f]

/fəʊ/ /nəg/ /ra:f/ /kv/ /kvk/ /kv:k/

Bahasa Arab : الفونغراف [fu:nusra:f]

/fu:/ /nuṣra:f/ /kv:/ /kvk/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *phonograph* dalam bahasa Inggeris adalah [fəʊnəgra:f]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [fu:nusra:f]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Greek (Harper: 2012). *Phonograph* adalah sejenis sistem tulisan yang mewakili bunyi berdasarkan symbol tertentu (Kamus Dewan 2005:414). Setiap perkataan dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Dilihat dari taburan bunyi konsonan dan vokal, kedua-duanya memberikan taburan yang sama iaitu setiap bunyi vokal didahului oleh konsonan. Perubahan telah berlaku dari segi kelainan bunyi vokal dan penambahan vokal panjang.

Pada suku kata pertama, bunyi diftong [əʊ] dalam bahasa Inggeris menjadi bunyi vokal panjang belakang sempit [u:] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris menjadi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, tiada perubahan berlaku.

Perubahan terjadi kerana bunyi diftong [əʊ] dan vokal tengah ataupun schwa [ə] tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, ia perlu ditukarkan kepada bunyi yang paling hampir seperti bunyi diftong [əʊ] ditukar menjadi vokal belakang sempit [u]

kerana bunyi akhir diftong merupakan bunyi vokal belakang sempit [ʊ]. Hal ini disebabkan faktor fonetik. Bunyi vokal tengah [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] kerana telah dipegaruhi oleh vokal belakang sempit pada suku kata pertama. Hal ini disebabkan faktor fonologi kerana dipengaruhi oleh bunyi yang berhampiran.

51. Bahasa Inggeris : *platinum* [plætinəm]

/plæ/ /tɪ/ /nəm/ /kvv/ /kv/ /kvk/

Bahasa Arab : البلاطين [bala:ti:n]

/ba/ /la:/ /ti:n/ /kv/ /kv:/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *platinum* dalam bahasa Inggeris disebut adalah [plætinəm]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [bala:ti:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa sepanyol (Harper: 2012). *Platinum* adalah sejenis unsur logam berharga yang berwarna putih kekelabuan, tidak kakis, digunakan sebagai mangkin, untuk membuat barang kemas dan lain-lain (Kamus Dewan 2005:1218). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan. Berlaku perubahan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi hentian dua bibir bersuara [b] di dalam bahasa Arab. Selain itu, berlaku penambahan bunyi vokal tengah luas [a] selepas bunyi [b] dan menyebabkan berlaku penambahan suku kata [la] selepas suku kata pertama bahasa Arab [ba]. Pada suku kata kedua perkataan bahasa Inggeris, bunyi [ti] telah menjadi suku kata ketiga bahasa Arab dengan penambahan bunyi

sengauan gusi [n]. Bunyi vokal tengah [ə] dan bunyi sengauan dua bibir di akhir perkataan bahasa inggeris telah digugurkan.

Pada suku kata pertama, bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] telah berubah menjadi bunyi hentian dua bibir bersuara [b] kerana, bunyi [p] yang merupakan konsonan letupan dua bibir bersuara tidak ada dalam bahasa Arab. Berlaku penambahan vokal tengah luas [a] selepas bunyi [b] bagi memisahkan dua bunyi konsonan yang datang serentak iaitu bunyi [b] dan bunyi [l]. Sistem bunyi bahasa Arab tidak mempunyai gugus konsonan iaitu kehadiran dua bunyi konsonan serentak. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

52. Bahasa Inggeris : *plasma* [plæzmə]

/plæz/ /mə/ /kvk/ /kv/

Bahasa Arab : **بَلَازْمَاءٌ** [balazma:]

/ba/ /laz/ /ma:/ /kv/ /kvk/ /kv:/

Sebutan sebenar perkataan *plasma* dalam bahasa Inggeris disebut sebagai [plæzmə]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [bala:zma]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin lama(Harper: 2012). *Plasma* adalah sejenis cecair tidak berwarna yang merupakan sebahagian daripada darah (Kamus Dewan 2005:1218). Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi hentian dua bibir bersuara [b] di dalam bahasa Arab. Selain itu, berlaku penambahan bunyi vokal tengah luas [a] selepas bunyi [b] dan menyebabkan berlaku penambahan suku kata [ba]. Bunyi vokal depan separuh sempit [æ] di dalam bahasa Inggeris berubah menjadi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab pada suku kata kedua. Pada suku kata kedua perkataan bahasa Inggeris, bunyi vokal tengah [ə] telah berubah menjadi vokal tengah luas [a] di dalam bahasa Arab. Berlaku pemanjangan vokal pada bunyi akhir [a:].

Pada suku kata pertama, bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] telah berubah menjadi bunyi hentian dua bibir bersuara [b] kerana, bunyi [p] yang merupakan konsonan letupan dua bibir bersuara tidak ada dalam bahasa Arab. Berlaku penambahan vokal tengah luas [a] selepas bunyi [b] bagi memisahkan dua bunyi konsonan yang datang serentak iaitu bunyi [b] dan bunyi [l]. Sistem bunyi bahasa Arab tidak mempunyai gugus konsonan iaitu kehadiran dua bunyi konsonan serentak. Selain itu, bunyi vokal depan separuh sempit [æ] dan bunyi vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris berubah menjadi vokal tengah luas [a] di dalam bahasa Arab kerana kedua-dua bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

53. Bahasa Inggeris : *potassium* – [pətæsiəm]

/pə/ /tæ/ /sɪ/ /əm/ /kv/ /kv/ /kv/ /kv/

Bahasa Arab : البوتاسيوم [bu:ta:siju:m]

/bu:/ /ta:/ /sɪ/ /ju:m/ /kv:/ /kv:/ /kv/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *potassium* dalam bahasa Inggeris adalah [pətæsiəm]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [bu:ta:siju:m]. Perkataan ini berasal

daripada bahasa Inggeris (Harper: 2012). *Potassium* ialah sejenis unsur logam yang lembut dari kumpulan alkali. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada empat suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Berlaku perubahan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi hentian dua bibir bersuara [b] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u:] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal depan luas [æ] telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga tiada perubahan berlaku. Pada suku kata keempat, berlaku penambahan bunyi geluncuran lelangit keras [j] dan bunyi vokal tengah [ə] telah berubah menjadi bunyi belakang sempit [u] di dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi konsonan hentian dua bibir tak bersuara [p] telah berubah menjadi bunyi hentian dua bibir bersuara [b] kerana bunyi [p] tidak ada dalam bahasa Arab. Begitu juga dengan bunyi vokal tengah [ə]. Bunyi ini telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab kerana bunyi [ə] tidak ada di dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi depan luas [æ] telah berubah menjadi bunyi tengah luas [a] kerana bunyi [æ] juga tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata keempat, selain perubahan pada bunyi vokal tengah [ə] kepada bunyi vokal belakang sempit [u], berlaku juga penambahan bunyi [j] sebelum bunyi [u]. Hal ini kerana, dalam perkataan bahasa Inggeris, bunyi vokal tengah [ə] hadir serentak dengan bunyi vokal sebelumnya iaitu bunyi vokal depan sempit [i]. Jadi berlaku kehadiran dua bunyi serentak yang bukan dikira sebagai diftong dalam bahasa Arab. Oleh itu, bunyi konsonan perlu ditambah di tengah dua bunyi vokal itu bagi memisahkan antara keduanya.

Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

54. Bahasa Inggeris : *proton* [prəʊtɒn]

/prəʊ/ /tɒn/ /kkv/ /kvk/

Bahasa Arab : بَرْوَتُونْ [baru:tu:n]

/ba/ /ru:/ /tu:n/ /kv/ /kv:/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *proton* dalam bahasa Inggeris adalah [prəʊtɒn]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [baru:tu:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Inggeris(Harper: 2012). Proton adalah zarah beras positif yang membentuk nukleus atom (kamus Dewan 2005:1236). Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi hentian dua bibir bersuara [b] dalam bahasa Arab. Selain itu, berlaku penambahan bunyi vokal tengah luas [a] di antara bunyi [b] dan bunyi [r]. Hal ini menjadikan bunyi [ba] merupakan suku kata pertama dalam bahasa Arab. Manakala bunyi sisian gusi [r] yang pada asalnya terletak pada suku kata pertama dalam perkataan bahasa Inggeris, telah hadir pada suku kata kedua perkataan bahasa Arab. Selain itu, bunyi diftong [əʊ] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal panjang belakang sempit [u:]. Pada suku kata kedua, bunyi vokal belakang luas [ɒ] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal panjang belakang sempit [u:].

Pada suku kata pertama, bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] telah berubah menjadi bunyi hentian dua bibir bersuara [b] kerana bunyi [p] tidak ada dalam bahasa Arab. Selain itu, berlaku penambahan bunyi vokal tengah luas [a] di antara bunyi [b] dan bunyi [r] bagi memisahkan dua bunyi konsonan yang hadir serentak. Dalam bahasa Arab, tidak ada dua bunyi konsonan yang datang serentak. Selain itu, bunyi diftong [əʊ] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal panjang belakang sempit [u:] kerana bunyi kedua diftong [əʊ] merupakan bunyi vokal belakang. Pada suku kata kedua, bunyi vokal belakang luas [ɒ] telah berubah menjadi bunyi vokal panjang belakang sempit [u:] kerana bunyi [ɒ] tidak ada dalam bahasa Arab dan digantikan dengan yang paling hampir iaitu bunyi belakang. Jadi, perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik.

55. Bahasa Inggeris : *Sodium* - [səʊdiəm]

/səʊ/, /di/, /əm/ /kv/, /kv/, /vk/

Bahasa Arab : الصوديوم - [sˤu:dijū:m]

/sˤu:/, /di/, /ju:m/ /kv:/, /kv/, /kv:k/

Sebutan sebenar bagi perkataan *Sodium* ialah [səʊdiəm]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [sˤu:dijū:m]. Perkataan ini telah dicipta oleh ahli Kimia Inggeris (Harper: 2012). Sejenis unsur logam yang berwarna putih keperakan. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan. Berlaku perubahan pada kelainan bunyi vokal dan penambahan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi geseran gusi bersuara [s] telah berubah menjadi bunyi geseran gigi gusi tak bersuara [s^c] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi diftong [əʊ] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata ketiga, berlaku penambahan bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] dan bunyi vokal tengah [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal panjang belakang sempit [u:] di dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi geseran gusi bersuara [s] telah berubah menjadi bunyi geseran gigi gusi tak bersuara [s^c] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi diftong [əʊ] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, tiada perubahan berlaku kerana bunyi yang terlibat terdapat dalam kedua-dua bahasa. Pada suku kata ketiga, penambahan bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] berlaku bagi memisahkan kehadiran dua bunyi vokal serentak iaitu bunyi [i] dan [ə]. Selain itu, bunyi vokal tengah [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal panjang belakang sempit [u:] kerana bunyi vokal tengah [ə] tidak ada dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

56. Bahasa Inggeris : *stable* - [steɪbl] /steɪ/ /b/ /kkv/ /kk/

Bahasa Arab : *بلطف* - [ist^fablu] /is/, /tab/ /lu/ /vk/, /kvk/k/

Sebutan sebenar perkataan *stable* dalam bahasa Inggeris adalah [steɪbl]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [ist^fablu]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis lama (Harper: 2012). Perkataan *stable* merujuk kepada bangsal

kuda. Perkataan ini juga disebut sebagai **إصطبل** [isṭabl]. Perkataan bahasa Inggeris mempunyai dua suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab mempunyai tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan antara keduanya. Berlaku perubahan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada awal suku kata pertama, berlaku penambahan bunyi vokal depan sempit [i] iaitu sebelum bunyi konsonan [s]. Berlaku juga perubahan pada bunyi hentian gusi tak bersuara [t] dalam bahasa Inggeris yang telah berubah menjadi bunyi hentian gigi gusi tak bersuara [t^f] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi diftong [er] telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] di dalam bahasa Arab.

Penulis berpendapat, perubahan pada suku kata pertama berlaku kerana berkumpul dua bunyi konsonan yang bertanda sukun di awal perkataan yang bukan merupakan ciri bahasa Arab. Jadi bunyi depan sempit [i] ditambah bagi membolehkannya bunyi [s] dibaca. Perkataan ini disebut sebagai **إصطبل** /ist^fobl/ di dalam Mu‘jam Mawrid. Jika dilihat dari segi susunan fonem yang berlaku, berlaku proses asimilasi di sini di antara fonem sad dan fonem ta’. Di mana di dalam mu’jam Wasit huruf sin digunakan bagi disesuaikan dengan fonem /ʃ/ di dalam perkataan asal sedangkan Mukjam Mawrid menyesuaikan dengan hurus sad kerana selepasnya merupakan huruf ta’ iaitu bersifat tebal. Perkataan ini mengikut peraturan bahasa Arab, kerana menggantikan huruf nipis dengan huruf tebal /س/ dengan /ص/. Jadi, perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik dan fonologi.

57. Bahasa Inggeris : *sponge* – [spʌndʒ]

/spʌndʒ/ /kvvkk/

Bahasa Arab : **صَفْنَجٌ** - [ṣifnaj]

/ṣis/ /fandʒ/ /kvk/ /kvkk/

Perkataan *Sponge* dalam bahasa Inggeris disebut [spʌndʒ]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [ʔisfandʒ]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin (Harper: 2012). *Sponge* ialah sejenis bahan yang diperbuat daripda binatang yang digunakan untuk mandi dan membersih sesuatu, kerana kekuatannya menyerap air. Perkataan bahasa Inggeris merupakan perkataan eka suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Berlaku perubahan pada kelainan bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Perubahan telah berlaku pada awal perkataan. Bunyi vokal depan sempit [i] telah ditambah pada awal perkataan bahasa Arab. Hal ini menjadikan bunyi [i] dan bunyi [s] menjadi satu suku kata dalam bahasa Arab. Selain itu, berlaku perubahan pada bunyi hentian bibir tak bersuara [p] dalam bahasa Inggeris kepada bunyi konsonan geseran gigi gusi bersuara [f] dalam bahasa Arab.

Perubahan pada awal perkataan berlaku kerana tidak ada gugus konsonan di dalam bahasa Arab. Jadi, bunyi vokal depan sempit [i] telah ditambah kerana bunyi konsonan yang datang serentak mesti dibunyikan dengan bunyi vokal. Selain itu, perubahan bunyi hentian bibir tak bersuara [p] kepada bunyi geseran gigi gusi bersuara [f] berlaku kerana bunyi [p] tidak ada dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

58. Bahasa Inggeris : *scurvy* – [skɜvi]

/skɜ/ /vɪ/ /kv/, /kv/

Bahasa Arab : سُقْرُبُعٌ /ʔisqarbu:tˤ/ – [ʔisqarbu:tˤ]

/ʔis/ /qar/ /bu:tˤ/ /kv/, /kvk/, /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *Scurvy* dalam bahasa Inggeris adalah [skɜvi]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [ʔisqarbu:t^f]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin moden (Harper: 2012). *Scurvy* adalah sejenis penyakit yang disebabkan oleh kekurangan vitamin C dalam makanan (ditandai oleh gusi bengkak dan berdarah, perdarahan di bawah kulit (Kamus Dewan 2005:1511). Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan. Berlaku perubahan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, berlaku penambahan bunyi hentian glotis tak bersuara [?] dan bunyi vokal depan sempit [i] sebelum bunyi geseran gusi tak bersuara [s] dalam bahasa Inggeris. Pada suku kata kedua, bunyi [k] menjadi [q]. Selain itu, bunyi vokal [z] dan bunyi [v] menjadi bunyi [but] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, berlaku penambahan bunyi hentian glotis tak bersuara [?] dan bunyi vokal depan sempit [i] kerana bunyi ini digunakan untuk memisahkan bunyi gugus konsonan [sk] dalam bahasa Inggeris yang menjadi bunyi [sq] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi konsonan geseran gusi tak bersuara [s] dalam bahasa Inggeris Pada suku kata kedua, fonem /i/ di awal perkataan, bunyi [k] menjadi [q] dan bunyi [v] menjadi bunyi [but] di dalam bahasa Arab.

59. Bahasa Inggeris : *tragedy* – [trædʒədi]

/træ/ /dʒə/ /di/ /kkv/ /kv/ /kv/

Bahasa Arab : تراجيديا -[tara:dʒi:dija:]

/ta//ra:/ /dʒi:/ di/ /ja:/ /kv/ /kv:/ /kv:/ /kv/

Sebutan sebenar perkataan *tragedy* dalam bahasa Inggeris disebut [trædʒədi].

Manakala dalam bahasa Arab disebut [taradʒi:dija:]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis lama (Harper: 2012). *Tragedy* merujuk kepada peristiwa yang menyedihkan atau tragedi. Perkataan bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Manakala perkataan bahasa Arab dapat dibahagikan kepada lima suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan. Berlaku perubahan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi gugus konsonan [tr] telah dipisahkan dengan bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Hal ini telah menyebabkan satu suku kata telah menjadi dua suku kata iaitu /ta/ dan /ra/ di dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, tiada perubahan berlaku. Berlaku penambahan bunyi [ja:] dalam bahasa Arab pada akhir perkataan yang merupakan suku kata kelima dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, berlaku penambahan bunyi vokal tengah luas [a] selepas bunyi hentian gusi tak bersuara [t] bagi memisahkan bunyi dua konsonan yang datang serentak iaitu [tr]. Dalam bahasa Arab, setiap bunyi konsonan mesti dibunyikan dengan bunyi vokal. Jadi, bunyi yang terhasil adalah [ta] dan bunyi [ra]. Pada suku kata kedua, perubahan bunyi vokal tengah [ə] kepada bunyi vokal tengah luas [a] kerana bunyi vokal tengah [ə] tidak ada dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, tiada perubahan berlaku kerana bunyi-bunyi yang terlibat ada di dalam kedua-dua bahasa. Penambahan bunyi [ja:] pada akhir perkataan bahasa Arab adalah kerana perkataan ini merupakan kata nama. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

60. Bahasa Inggeris : *Thermometer* - [θərməmitə]

/θə/ /mə/ /mi/ /tə/ /kv/ /kv/ /kv/ /kv/

Bahasa Arab : ترموميتر - [tirmumitar]

/tar/ /mu:/ /mi/ /tar/ /kvk/ /kv:/ /kv/ /kvk/

Perkataan *thermometer* dalam bahasa Inggeris disebut [θərməmitə]. Manakala dalam bahasa Inggeris pula disebut sebagai [tarmu:mitar]. *Thermometer* adalah alat penyukat suhu, jangka suhu (kamus Dewan 2005: 1672). Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis (Harper: 2012). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada empat suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Berlaku perubahan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, perubahan telah berlaku pada bunyi konsonan geseran gigi tak bersuara [θ] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi hentian gigi gusi tak bersuara [t]. Selain itu, bunyi vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dan berlaku penambahan bunyi getaran gigi gusi bersuara [r] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal belakang luas bundar [v] telah berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u:] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata keempat, bunyi vokal tengah [ə] telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab.

Perubahan pada suku kata pertama, perubahan bunyi [ə] kepada bunyi [a] adalah disebabkan bunyi vokal tengah [ə] tidak ada di dalam bahasa Arab. Begitu juga dengan perubahan pada suku kata kedua dan keempat berlaku kerana bunyi vokal belakang luas bundar [v] dan bunyi vokal tengah [ə] tidak ada di dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia

digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

61. Bahasa Inggeris : *telescope* – [teliskəʊp]

/te/ /lɪs/ /kəʊp/ /kv/ /kvk/ /kvk/

Bahasa Arab : التلسكوب – [tiliskub]

/ti/ /lis/ /kub/ /kv/ /kvk/ /kvk/

Sebutan sebenar perkataan *telescope* dalam bahasa Inggeris adalah [teliskəʊp]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [tiliskub]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Italy (Harper: 2012). *Telescope* adalah alat yang bentuknya seperti tiub panjang dan mempunyai kanta di dalamnya untuk melihat objek yang sangat jauh, misalnya bintang, dengan terang dan besar, teropong jauh (Kamus Dewan 2005:1636). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan separuh sempit [e] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i]. Pada suku kata kedua, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata ketiga, bunyi diftong [əʊ] telah berubah menjadi bunyi belakang sempit [u:] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi konsonan hentian bibir tak bersuara [p] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi konsonan hentian bibir bersuara [b] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, perubahan bunyi vokal depan separuh sempit [e] kepada bunyi vokal depan sempit [i] adalah kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Begitu juga dengan perubahan pada suku kata kedua dan ketiga. Iaitu bunyi diftong [əʊ] dan bunyi hentian bibir tak bersuara [p] tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, bunyi-bunyi ini telah digantikan dengan bunyi yang hampir sama dari

aspek fonetiknya dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

62. Bahasa Inggeris : *Telegraph* – [teligra:f]

/te/ /lɪ/ /gra:f/ /kv/ /kv/ /kkv:k/

Bahasa Arab : التلغراف – [tiliṣraf]

/ti/ /liš/ /ra:f/ /kv/ /kvk/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *telegraph* dalam bahasa Inggeris disebut [teligra:f]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [tiliṣraf]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis (Harper: 2012). *Telegraph* adalah alat untuk menghantar berita dengan cepat ke tempat yang jauh (dengan kuasa elektrik dan kawat) (kamus Dewan 2005:1634). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan berlaku pada bunyi vokal dan konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal separuh depan sempit [e] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi hentian lelangit lembut bersuara [g] yang terletak dalam suku kata ketiga pada perkataan bahasa Inggeris berubah menjadi bunyi [ʃ] di dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal [e] berubah menjadi bunyi vokal [i] kerana bunyi vokal depan separuh sempit [e] tidak ada dalam bahasa Arab. Begitu juga dengan perubahan bunyi [g] kepada bunyi [ʃ]. Bunyi konsonan hentian lelangit lembut bersuara tidak ada dalam bahasa Arab.

63. Bahasa Inggeris : *television* – [telivizn]

/te/ /l/ /v/ /ʒn/ /kv/ /kv/ /kv/ /kk/

Bahasa Arab : تِلْفِيْزِيُون – [tilifizju:n]

/ti/ /li/ /fiz/ /ju:n//kv/ /kv/ /kvk/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *television* dalam bahasa Inggeris adalah [telivizn]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [tilifizju:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis (Harper: 2012). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan antara keduanya. Berlaku perubahan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi vokal depan separuh sempit [e] di dalam bahasa inggeris menjadi bunyi vokal depan sempit [i] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, tiada perubahan berlaku. Pada suku kata ketiga, bunyi geseran bibir gigi bersuara [v] telah berubah menjadi bunyi geseran bibir gigi bersuara [f] dalam bahasa Arab. Selain itu, berlaku penambahan bunyi konsonan geseran gigi gusi bersuara [z]. Pada suku kata keempat, bunyi geseran lelangit keras bersuara [ʒ] telah berubah menjadi bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] di dalam bahasa Arab. Berlaku penambahan bunyi vokal belakang sempit [u] di antara bunyi [j] dan bunyi sengauan gigi gusi bersuara [n] di dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi [e] telah berubah menjadi bunyi [i] kerana bunyi vokal [e] tidak ada di dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, berlaku perubahan bunyi [v] kepada bunyi [f] kerana dalam bahasa Arab. Hal ini kerana bunyi [v] tidak ada dalam bahasa Arab dan pada masa yang sama bunyi [f] merupakan bunyi geseran bibir gigi bersuara. Sedangkan di dalam bahasa Inggeris bunyi [f] merupakan bunyi geseran bibir gigi tak bersuara. Terdapat sedikit perbezaan dari segi markhraj bunyi [f] dalam kedua-dua bahasa. Pada suku kata keempat, bunyi geseran lelangit keras bersuara [ʒ] telah berubah

menjadi bunyi geluncuran lelangit keras bersuara [j] kerana bunyi [ʒ] tidak ada dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

64. Bahasa Inggeris : *siphon* – [saifn]

/sai/ /fn/ /kv/ /kk/

Bahasa Arab : سيفون - [si:fu:n]

/si:/ /fu:n/ /kv:/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *siphon* dalam bahasa Inggeris disebut [saifən]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [si:fu:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis (Harper: 2012). *Siphon* adalah tangkai paip bilik air atau sifon tiub yang digunakan untuk mengeluarkan cecair. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan antara keduanya. Perubahan berlaku pada bunyi vokal.

Pada suku kata pertama, bunyi diftong [ai] berubah menjadi bunyi vokal panjang depan sempit [i:] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, perkataan bahasa Inggeris ini, terdapat suku kata yang disebut sebagai “*syllabic consonants*” atau “*syllabic sound*”. Bunyi *schwa* [ə] dalam bahasa Inggeris telah digugurkan antara bunyi [f] dan [n]. Hal ini kerana bunyi schwa hanya terdapat dalam *syllable* yang tidak mengalami tekanan (*unstressed syllable*). Oleh itu ianya amat pendek (*short duration*), sehingga boleh digugurkan sama sekali sebelum konsonan bahasa Inggeris yang boleh disebut *syllabic consonants* seperti /l/, /m/, /n/. Maknanya dalam struktur *syllable* tersebut tidak perlu ada vokal kerana *syllabic consonant* ‘mengambil tempat’ vokal dalam struktur *syllable*.

Pada suku kata pertama, bunyi diftong [ai] berubah menjadi bunyi vokal panjang depan sempit [i:]. Penulis berpendapat hal ini mungkin kerana dipengaruhi oleh ejaan perkataan bahasa Inggeris. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] telah digugurkan kerana bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab dan terdapat suku kata yang disebut sebagai “*syllabic consonants*”. Perubahan yang berlaku melibatkan perubahan dari aspek fonetik.

65. Bahasa Inggeris : *solar* – [səʊlə(r)]

/səʊ/, /lə(r)/ /kv/, /kv(k)/

Bahasa Arab : سُولَر - [su:la:r]

/su:/, /la:r/ /kv:/, /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *solar* dalam bahasa Inggeris disebut [səʊlə(r)]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [su:la:r]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin (Harper: 2012). *Solar* adalah bahan pembakar lebih cair daripada minyak diesel. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan konsonan. Perubahan berlaku pada bunyi vokal.

Pada suku kata pertama, bunyi diftong [əʊ] yang terdiri dari bunyi vokal tengah [ə] dan vokal belakang sempit (pendek) [ʊ] di dalam bahasa Inggeris menjadi bunyi vokal belakang sempit pendek juga [u] di dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi tengah [ə] di dalam bahasa Inggeris menjadi bunyi tengah luas [a:] di dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi diftong [əʊ] yang terdiri dari bunyi vokal tengah [ə] dan vokal belakang sempit (pendek) [ʊ] dalam bahasa Inggeris menjadi bunyi vokal belakang sempit pendek juga [u] kerana bunyi ini tidak dalam bahasa Arab.

Pada suku kata kedua, bunyi tengah [ə] di dalam bahasa Inggeris menjadi bunyi tengah luas [a:] kerana bunyi ini juga tidak ada dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

66. Bahasa Inggeris : *Uranus* – [jʊrənəs]

/ju/, /rə/, /nəs/ /kv/, /kv/, /kvk/

Bahasa Arab : أورانس - [ura:nus]

/ʔu/, /ra:/, /nus/ /kv/, /kv:/, /kvk/

Sebutan sebenar perkataan *Uranus* dalam bahasa Inggeris disebut [jʊrənəs]. Manakala dalam bahasa Arab disebut [ʔura:nus]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin (Harper: 2012). *Uranus* adalah planet yang ketujuh jauhnya dari matahari. Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan antara keduanya. Perubahan yang berlaku melibatkan kelainan bunyi vokal dan penambahan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi geluncuran gusi bersuara [j] di dalam bahasa inggeris menjadi bunyi letupan glotis tak bersuara [ʔ]. Selain itu, bunyi vokal belakang sempit (pendek) [ʊ] dalam bahasa Inggeris menjadi bunyi vokal belakang sempit pendek juga [u] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi tengah [ə] dalam bahasa Inggeris menjadi bunyi tengah luas [a:] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi vokal tengah [ə] telah berubah menjadi bunyi belakang sempit [u] dalam bahasa Arab.

Perubahan pada suku kata pertama, perubahan bunyi [j] kepada bunyi [?] tidak dapat diketahui alasannya. Perubahan pada suku kata kedua dan ketiga berlaku kerana bunyi vokal tengah [ə] tidak ada dalam bahasa Arab. Namun perubahan yang berbeza pada suku kata kedua dan ketiga walaupun kedua-dua merupakan bunyi vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris adalah disebabkan pengaruhnya pada bunyi asal pada tulisan bahasa Inggeris.

67. Bahasa Inggeris : *varnish* - [va:nɪʃ]

/va:/, /nɪʃ/ /kv:/, /kvk/

Bahasa Arab : الورنيش - [warni:ʃ]

/war/, /ni:ʃ/ /kvk/, /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan varnish dalam bahasa Inggeris adalah [va:nɪʃ]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [warni:ʃ]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Perancis lama(Harper: 2012). *Varnis* adalah sejenis cat berminyak yang terdiri daripada campuran pelarut dan bahan perekat (digunakan untuk memelihara dan mengilangkan perabot kayu dan rotan). (Kamus Dewan, 2005:1788). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada dua suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan taburan bunyi konsonan. Perubahan yang berlaku melibatkan perubahan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi konsonan geseran bibir gigi bersuara [v] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi konsonan geluncuran bibir lelangit bersuara [w] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi vokal belakang luas bukan bundar [ɑ:] panjang menjadi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab dan berlaku penambahan bunyi konsonan getaran gigi gusi bersuara [r] selepasnya. Pada suku kata kedua, tiada perubahan ketara berlaku.

Penulis berpendapat, perubahan pada suku kata pertama berlaku, kerana bunyi geseran bibir gigi bersuara [v] tidak ada dalam bahasa Arab dan digantikan dengan bunyi yang hampir sama dalam bahasa Arab iaitu bunyi geluncuran bibir lelangit bersuara [w]. Manakala penambahan bunyi konsonan getaran gigi gusi bersuara [r] kerana pada tulisannya, bunyi ini ada. Namun ianya tidak disebut. Sedangkan dalam bahasa Arab setiap huruf melambangkan satu bunyi yang akan disebut. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

68. Bahasa Inggeris : *Vitamin* – [vitəmɪn]

/vɪ/ /tə/ /mɪn/ /kv/ /kv/ /kvk/

Bahasa Arab : [fɪ:ta:mi:n]

/fɪ:/ /ta:/ /mɪ:n/ /kv:/ /kv:/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *vitamin* dalam bahasa Inggeris adalah [vitəmɪn]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [fɪ:ta:mi:n]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin (Harper: 2012). *Vitamin* adalah bahan organik yang sangat penting yang diperlukan oleh badan dengan jumlah yang kecil dan berperanan dalam pertumbuhan normal, pengawalan kesihatan, dan pencegahan penyakit (Kamus Dewan, 2005: 1790). Perkataan ini dapat dibahagikan kepada tiga suku kata. Terdapat persamaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan yang berlaku melibatkan perubahan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi konsonan geseran bibir gigi bersuara [v] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi konsonan geseran bibir gigi tak bersuara [f] dalam bahasa Arab. Selain itu, perubahan juga berlaku pada bunyi vokal tengah

[ə] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab.

Penulis berpendapat, perubahan pada suku kata pertama berlaku kerana, dalam bahasa Arab tidak ada konsonan geseran bibir gigi bersuara [v] dan ditukar kepada konsonan dari makhraj dan cara bunyi yang sama iaitu geseran bibir bersuara bersuara [f]. Begitu juga dengan perubahan pada suku kata kedua. Perubahan bunyi vokal tengah [ə] kepada bunyi vokal tengah luas [a] kerana bunyi vokal tengah [ə] tidak ada dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

69. Bahasa Inggeris : *Virus* – [vaɪrəs]

/vai/, /rəs/ /kvv/ /kvk/

Bahasa Arab : الفيروس - [fai:ru:s]

/fai:/, /ru:s/ /kv:/ /kv:k/

Sebutan sebenar perkataan *virus* ialah [vaɪrəs]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [fai:ru:s]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin (Harper: 2012). *Virus* adalah sejenis kuman yang lebih halus daripada bakteria yang boleh menyebabkan penyakit pada manusia, haiwan, atau tumbuhan. Perkataan ini dapat dipecahkan kepada dua suku kata. Terdapat perbezaan pada taburan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Perubahan yang berlaku melibatkan perubahan pada bunyi vokal dan bunyi konsonan.

Pada suku kata pertama, bunyi konsonan geseran bibir gigi bersuara [v] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi konsonan geseran bibir gigi tak bersuara [f] dalam bahasa Arab. Selain itu, perubahan juga berlaku pada bunyi diftong [ai]

dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi vokal depan sempit [i:] panjang dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi vokal tengah [ə] di dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal belakang [u:] panjang di dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi konsonan geseran bibir gigi bersuara [v] telah berubah menjadi konsonan geseran bibir gigi tak bersuara [f] kerana bunyi geseran gigi bersuara [v] tidak ada dalam bahasa Arab. Jadi, bunyi ini telah digantikan dengan bunyi dari tempat dan cara bunyi yang paling hampir. Selain itu, bunyi diftong [ai] yang telah berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i]. Penulis berpendapat, hal ini mungkin untuk memudahkan sebutan. Perubahan pada suku kata kedua pula berlaku mungkin kerana bunyi vokal tengah [ə] tidak ada dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

70. Bahasa Inggeris : *volcano* [vɒlkənəʊ]

/val/, /keɪ/, /nou/ /kvk/, /kv/, /kv/

Bahasa Arab : بركان [burka:nu]

/bur/, /ka/, /nu/ /kvk/, /kv/, /kv/

Sebutan sebenar perkataan *volcano* dalam bahasa Inggeris ialah [vɒlkənəʊ]. Manakala dalam bahasa Arab menjadi [burka:nu]. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin (Harper: 2012). *Volcano* adalah perkataan bahasa Inggeris yang merujuk kepada gunung berapi. Perkataan ini dapat dipecahkan kepada tiga suku kata. Terdapat persamaan dapat dilihat pada taburan bunyi vokal dan bunyi

konsonan. Hal ini kerana setiap bunyi konsonan diikuti oleh bunyi vokal. Perubahan yang berlaku ialah perubahan pada bunyi konsonan dan bunyi vokal.

Pada suku kata pertama, bunyi konsonan geseran bibir gigi bersuara [v] dalam bahasa Inggeris telah menjadi bunyi letupan dua bibir bersuara [b] dalam bahasa Arab. Berlaku juga perubahan pada bunyi vokal belakang luas [ɑ] dalam bahasa Inggeris kepada bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi konsonan sisian gusi bersuara [l] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi getaran gigi gusi bersuara [r] dalam bahasa Arab. Pada suku kata kedua, bunyi diftong [eɪ] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal panjang tengah luas [a:] dalam bahasa Arab. Pada suku kata ketiga, bunyi [oo] berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab.

Pada suku kata pertama, bunyi konsonan geseran bibir gigi bersuara [v] dalam bahasa Inggeris telah menjadi bunyi letupan dua bibir bersuara [b] dalam bahasa Arab. Penulis berpendapat, hal ini mungkin kerana bunyi geseran bibir gigi bersuara [v] tidak ada dalam bahasa Arab. Begitu juga dengan bunyi vokal belakang luas [ɑ]. Bunyi ini tidak ada dalam bahasa Arab. Selain itu, bunyi konsonan sisian gusi bersuara [l] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi getaran gigi gusi bersuara [r] kerana pada asalnya bunyi [r] dan [l] merupakan bunyi dari tempat dan cara bunyi yang sama dalam bahasa Inggeris iaitu bunyi sisian gusi bersuara. Namun di dalam bahasa Arab, bunyi [r] menjadi bunyi getaran gigi gusi bersuara. Jadi, ianya tidak menjelaskan walaupun digantikan bunyi [l] dengan [r] kerana kedua-dua bunyi ini dari tempat keluar yang sama dalam bahasa Arab iaitu bunyi konsonan gigi gusi.

Pada suku kata kedua, bunyi diftong [eɪ] dalam bahasa Inggeris telah berubah menjadi bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab kerana bunyi diftong [eɪ] tidak ada dalam bahasa Arab. Bunyi vokal menjadi vokal panjang mungkin

kerana bunyi diftong dalam bahasa Inggeris yang mewakili dua bunyi vokal. Dalam bahasa Arab, hanya terdapat dua bunyi diftong iaitu bunyi [aj] dan [aw].

Pada suku kata ketiga, bunyi [oo] berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Arab. Hal ini kerana bunyi gugusan vokal [ou] dalam bahasa Inggeris ini terdiri daripada bunyi vokal belakang sempit [u] dan bunyi vokal separuh sempit [o]. Jadi bunyi-bunyi ini telah berubah menjadi vokal belakang sempit [u] di dalam bahasa Arab kerana hanya bunyi ini yang terdapat dalam bahasa Arab. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

4.2 Analisis Umum

Hasil penelitian terhadap data kajian, penulis mendapati bahawa, terdapat enam bentuk perubahan yang utama iaitu penggantian, penambahan, pengguguran, penyisipan, pemanjangan dan pemendekan bunyi. Keenam-enam perubahan ini mempunyai penggolongannya yang tersendiri.

Perubahan ini lebih menjurus kepada penyesuaian fonologi berbanding morfologi. Penyesuaian yang berlaku melibatkan penyesuaian pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Ciri perubahan ataupun penyesuaian fonologi yang paling kerap berlaku ialah perubahan pada bunyi vokal. Perubahan pada bunyi vokal ini berlaku kerana perbezaan variasi bunyi vokal di dalam kedua-dua bahasa.

4.2.1 Penggantian Bunyi

Ciri penggantian bunyi memperlihatkan penggantian sesuatu bunyi dalam perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab kepada bunyi bahasa Arab. Ciri ini dapat dibahagikan kepada penggantian bunyi vokal dan penggantian bunyi konsonan.

4.2.1.1 Penggantian Bunyi Vokal

Penggantian bunyi vokal merupakan penggantian bunyi yang paling kerap berlaku di dalam sebutan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab. Penggantian bunyi vokal melibatkan penggantian bunyi vokal dalam bahasa Inggeris kepada enam bunyi vokal utama bahasa Arab iaitu, bunyi vokal tengah luas pendek [a] dan panjang [a:], bunyi vokal depan sempit pendek [i] dan panjang [i:] dan bunyi vokal belakang sempit pendek [u] dan panjang [u:]. Penggantian bunyi vokal dapat dirumuskan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.1 Penggantian Bunyi Vokal

Penggantian Bunyi Vokal	Jenis Penggantian	Jumlah perkataan	Contoh
Penggantian Kepada Bunyi Vokal [a]	[ə] kepada [a]	13 perkataan	BI : [ədrenəlin] BA : [ədri:nə:lin]
	[e] kepada [a]	3 perkataan	BI : [petrəl] BA : [batru:l]
	[æ] kepada [a]	20 perkataan	BI : [æljəməniəm] BA : [əlaminjum]
	[eɪ] kepada [a]	4 perkataan	BI : [steɪbl] BA : [stebəlu]
	[əʊ] kepada [a]	1 perkataan	BI : [mæŋgəʊ] BA : [mandʒah]

Penggantian Kepada Bunyi Vokal [i]	[ɑ] kepada [a]	3 perkataan	BI : [kɑ:bən] BA: [karbu:n]
	[ɪ] kepada [a]	2 perkataan	BI: [ɪnsjələn] BA:[ansulin]
	[ʌ] kepada [a]	1 perkataan	BI : [spʌndʒ] BA : [?isfandʒ]
	[ɔ] kepada [a]	1 perkataan	BI : [skɔvi] BA : [?isqarbu:t ^f]
Penggantian Kepada Bunyi Vokal [u]	[ə] kepada [i]	7 perkataan	BI : [penəsili:n] BA : [binisili:n]
	[e] kepada [i]	10 perkataan	BI: [Pədrenəlm] BA : [Padi:na:lin]
	[ʊ] kepada [i]	1 perkataan	BI: [nu:tra:n] BA: [nijutrun]
	[aɪ] kepada [i]	4 perkataan	BI : [haɪdrədʒən] BA:[?i:dru:dʒi:n]
	[ʊə] kepada [i]	1 perkataan	BI: [bjʊə'rəkrəsi] BA:[biruqrat ^f ijjah]
	[eə] kepada [i]	1 perkataan	BI: ['æmpəə(r)] BA: [?ambi:r]
Penggantian Kepada Bunyi Vokal [u]	[ɒ] kepada [u]	9 perkataan	BI : [kætəlɒŋ] BA: [katalu:dʒ]
	[ɔ] kepada [u]	1 perkataan	BI: [hɔ:məʊn] BA: [hurmu:n]
	[ɑ] kepada [u]	2 perkataan	BI : [nu:trə:n] BA: [niju:tru:n]
	[ʊ] kepada [u]	1 perkataan	BI : [jʊrənəs] BA : [ura:nus]
	[ə] kepada [u]	19 perkataan	BI : [?æljə'miniəm] BA: [?alaminjum]
	[əʊ] kepada [u]	9 perkataan	BI: [?æstrəʊleɪb] BA: [?ast ^f urla:b]
	[oʊ] kepada [u]	3 perkataan	BI: [eskəmoo] BA: [?iski:mu:]
	[aɪ] kepada [u]	1 perkataan	BI : [θiəkrəsi] BA: [tjuqrat ^f i:]

4.2.1.1 Penggantian kepada Bunyi Vokal Tengah Luas [a]

Kebanyakan penggantian bunyi vocal dalam kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab kepada bunyi vokal tengah luas bahasa Arab iaitu [a] melibatkan bunyi vokal tengah dalam bahasa Inggeris iaitu bunyi [ə], [ɜ], dan [ʌ]. Hasil dari dapatan yang diperoleh, terdapat dua bunyi vokal yang paling kerap digantikan oleh bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab. Kedua-dua bunyi vokal tersebut adalah bunyi vokal depan luas [æ] dan bunyi vokal tengah @ schwa [ə]. Bunyi vokal ini merupakan bunyi yang paling banyak dipadankan dengan bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab.

Hal ini kerana, kedua-dua bunyi ini memperlihatkan contoh-contoh yang paling banyak. Hasil dapatan menunjukkan penggantian bunyi vokal depan luas [æ] dapat dilihat pada 20 perkataan pinjaman. Manakala penggantian bunyi vokal tengah @ schwa [ə] dapat dilihat pada 13 perkataan pinjaman. Perkara ini membuktikan bahawa kedua-dua bunyi ini merupakan padanan yang paling sesuai dengan bunyi vokal [a] bahasa Arab.

4.2.1.2 Penggantian Kepada Bunyi Vokal Depan Sempit [i]

Kebanyakan penggantian bunyi vokal di dalam kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab kepada bunyi vokal depan sempit [i] melibatkan beberapa taburan bunyi vokal. Hasil dari dapatan yang diperoleh, terdapat dua bunyi vokal yang paling banyak digantikan oleh bunyi vokal tengah luas [i] di dalam bahasa Arab iaitu bunyi vokal depan separuh sempit [e] dan bunyi vokal tengah [ə]. Hal ini kerana kedua-dua bunyi ini tidak terdapat di dalam bahasa Arab. Selain itu, penggantian ini juga bergantung kepada ejaan perkataan tersebut yang melibatkan huruf i, e dan y. Hasil dapatan menunjukkan, penggantian bunyi vokal depan luas [e] dapat dilihat pada 10 patah perkataan pinjaman. Manakala penggantian bunyi

vokal tengah @ schwa [ə] dapat dilihat pada 7 patah perkataan pinjaman. Perkara ini membuktikan bahawa kedua-dua bunyi ini merupakan padanan yang paling sesuai dengan bunyi vokal [i] bahasa Arab.

4.2.1.1.2 Penggantian Bunyi Vokal Kepada Bunyi Vokal Belakang Sempit[u]

Penggantian bunyi vokal kepada bunyi vokal [u] ini melibatkan beberapa taburan. Taburan - taburan tersebut melibatkan bunyi vokal belakang [ʊ], [ɔ], [ɑ], dan [ʊ], bunyi vokal tengah [ə] dan bunyi - bunyi diftong [əʊ], [oʊ] dan [aɪ]. Penggantian vokal kepada bunyi vokal belakang sempit [u] boleh dirumuskan seperti berikut: Kebanyakan ciri penggantian bunyi vokal kepada bunyi vokal belakang sempit [u] melibatkan penggantian daripada bunyi-bunyi vokal belakang seperti bunyi [ʊ], [ɔ], [ɑ], [ʊ] dan bunyi-bunyi diftong yang melibatkan bunyi belakang seperti [əʊ], [oʊ]. Namun begitu, hasil dapatan menunjukkan, bunyi vokal yang paling kerap digantikan oleh bunyi vokal belakang sempit [u] di dalam bahasa Arab adalah bunyi vokal tengah [ə].

4.2.1.2 Penggantian Bunyi Konsonan

Penggantian bunyi konsonan adalah proses di mana sesuatu bunyi konsonan di dalam perkataan pinjaman bahasa Inggeris di dalam bahasa Arab digantikan dengan bunyi konsonan lain yang terdapat di dalam bahasa Arab. Penggantian bunyi konsonan dapat dirumuskan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.2 Jadual Penggantian Bunyi Konsonan

Penggantian Bunyi Konsonan	Jenis Penggantian	Jumlah Perkataan	Contoh
Penggantian Bunyi [k]	[k] kepada [q]	6 perkataan	BI:[?aeri'stəkræt] BA:[?aristuqra:t'iyah]
Penggantian Bunyi [p]	[p] kepada [b]	12 perkataan	BI : [?əmpeə(r)] BA: [?ambi:r]
Penggantian Bunyi [t]	[t] kepada [tʃ]	7 perkataan	BI: [?əstrəoleib] BA: [?astʃurla:b]
Penggantian Bunyi [θ]	[θ] kepada [t]	2 perkataan	BI:[θiaɪkrəsi] BA:[tjuqratʃi]
Penggantian Bunyi [g]	[g] kepada [v]	2 perkataan	BI: [telɪgra:f] BA: [tilikra:f]
Penggantian Bunyi [g]	[g] kepada[dʒ]	5 perkataan	BI: [gæsəli:n] BA: [dʒa:zu:li:n]
Penggantian Bunyi [s]	[s] kepada [sʃ]	2 perkataan	BI:[səudiəm] BA:[sʃu:dju:m]
Penggantian Bunyi [v]	[v] kepada [f]	2 perkataan	BI : [vairəs] BA: [fai:ru:s]
	[v] kepada [b]	1 perkataan	BI:[valkeimoo] BA:[burka:nu]
	[v] kepada [w]	1 perkataan	BI: [va:nif] BA:[warni:f]

Hasil dapatan mendapati, ciri penggantian bunyi konsonan selalunya berlaku pada bunyi konsonan yang tidak terdapat di dalam bahasa Arab seperti bunyi [p], bunyi

[g] dan [v]. Bunyi [p] telah digantikan dengan bunyi [b] di dalam bahasa Arab. Manakala bunyi [g] telah digantikan dengan dua bunyi iaitu bunyi [ɣ] ataupun bunyi [dʒ]. Bunyi [v] pula boleh digantikan dengan bunyi [f], [b] ataupun [w]. Namun begitu, ia juga berlaku pada bunyi konsonan yang sedia ada di dalam bahasa Arab seperti [s] dan [t]. Bunyi [s] telah digantikan kepada bunyi [s^f]. Manakala bunyi [t] telah digantikan kepada bunyi [t^f].

4.2.2 Penyisipan Bunyi

Ciri penyisipan bunyi adalah proses menyisipkan bunyi [w] dan [j] di dalam persekitaran yang melibatkan pertembungan dua bunyi vokal dari dua suku kata yang berlainan. Jadi bunyi [w] dan [j] ditambah di antara bunyi vokal bagi mengelakkan berlakunya pertembungan dua bunyi vokal.

4.3 Jadual Penyisipan Bunyi

Jenis Penyisipan	Jumlah Perkataan	Contoh
Penyisipan Bunyi [w]	3 perkataan	BI: [herəʊɪn] BA:[hi:ruwi:n]
Penyisipan Bunyi [j]	4 perkataan	BI: [kædmiəm] BA:[kadmijum]

4.2.3 Pemisahan Gugusan Konsonan

Ciri pemisahan gugusan konsonan adalah proses memisahkan pertembungan dua bunyi konsonan di dalam sesuatu perkataan. Ciri ini diwakili oleh 13 patah perkataan. Contohnya:

Tragedy [trædʒədi]

تراجيديا [taradʒidiya]

4.2.4 Penambahan Bunyi

Ciri penambahan bunyi adalah proses penambahan bunyi baru kepada sesuatu kata sama ada di awal kata, tengah kata atau belakang kata.

4.4 Jadual Penambahan Bunyi

Jenis Penambahan	Jumlah Perkataan	Contoh
Penambahan Bunyi [i]	3 perkataan	BI:[spʌndʒ] BA:[?isfandʒ]
Penambahan Bunyi [r]	4 perkataan	BI: [skɜvi] BA: [?isqarbu:t̪]
Penambahan Bunyi [h]	9 perkataan	BI: [fəlv:səfi] BA:[falsafah]

Penambahan bunyi vokal depan sempit [i] di awal kata berlaku pada perkataan yang bermula dengan huruf /s/ dan hadir dalam bentuk gugusan konsonan. Jadi bunyi [i] ditambah bagi memisahkan gugusan konsonan ini. Hal ini kerana, gugusan konsonan tidak wujud di dalam sistem bunyi bahasa Arab.

Penambahan bunyi konsonan getaran gigi gusi [r] berlaku pada perkataan bahasa Inggeris yang mempunyai huruf /r/ seperti Antarctic. Bunyi ini digugurkan di

dalam sebutan bahasa Inggeris dan dikekalkan di dalam bahasa Arab. Jadi bunyi [r] ditambah kerana setiap bunyi di dalam perkataan bahasa Arab adalah berfungsi iaitu akan disebut.

Manakala penambahan bunyi [h] di akhir perkataan menunjukkan perkataan itu adalah kata nama tunggal feminine di dalam bahasa Arab.

4.2.5 Pemanjangan dan Pemendekan Vokal

Ciri pemanjangan vokal berlaku apabila bunyi vokal pendek di dalam perkataan bahasa Inggeris menjadi bunyi vokal panjang di dalam bahasa Arab. Ciri pemendekan vokal berlaku apabila bunyi vokal panjang di dalam perkataan bahasa Inggeris menjadi bunyi vokal pendek di dalam bahasa Arab. Ciri-ciri ini dapat dilihat pada perkataan- perkataan berikut:

4.5 Jadual Pemanjangan dan Pemendekan Vokal

Ciri Perubahan	Jumlah Perkataan	Contoh Perkataan
Pemanjangan Bunyi Vokal	79 perkataan	BI: [ədrenəlm] BA:[adri:na:li:n]
Pemendekan Bunyi Vokal	10 perkataan	BI:[hɔ:mən] BA: [hurmu:n]

Hasil dari dapatan menunjukkan kebanyakan pemanjangan vokal berlaku pada bunyi-bunyi vokal dan bunyi- bunyi diftong yang tidak ada di dalam bahasa Arab terutamanya bunyi vokal tengah @ schwa [ə]. Selain itu, ia juga berlaku kepada bunyi-bunyi diftong. Pemanjangan bunyi vokal pada bunyi diftong mungkin

kerana ingin menunjukkan kehadiran dua bunyi vokal tetapi disebut dengan satu bunyi sahaja. Manakala pemendekan vokal pula berlaku pada bunyi-bunyi vokal yang mengalami pengguguran bunyi [r] selepasnya seperti perkataan *varnish* dan pada bunyi vokal yang pada asal ejaaannya terdiri daripada dua bunyi vokal yang berlainan seperti perkataan *neon*.

4.3 Kesimpulan

Secara ringkasnya, perubahan yang berlaku melibatkan bunyi-bunyi yang tidak terdapat di dalam bahasa Arab. Bunyi-bunyi ini disesuaikan dengan bunyi-bunyi homorgan (bunyi-bunyi yang dihasilkan oleh alat ujaran yang sama) dan cara ujaran yang sama atau hampir sama bagi bunyi konsonan dan merupakan bunyi dari kedudukan lidah yang sama atau hampir sama bagi bunyi vokal di dalam bahasa Arab. Perubahan pada bunyi konsonan memperlihatkan perubahan dari aspek penggantian bunyi, penyisipan, dan pengguguran bunyi. Perubahan pada bunyi vokal pula memperlihatkan perubahan dari aspek penggantian bunyi vokal di dalam kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab.

Selain itu, terdapat juga beberapa perubahan yang berlaku terhadap bunyi-bunyi yang ada di dalam kedua-dua bahasa. Seperti perubahan pada bunyi hentian gusi bahasa Inggeris [t] berubah menjadi bunyi hentian gigi gusi bahasa Arab [t°] bahasa Arab, bunyi geseran gusi bahasa Inggeris [s] menjadi bunyi geseran gigi gusi bahasa Arab [s^f] dan bunyi hentian lelangit lembut bahasa Inggeris [k] menjadi bunyi hentian anak tekak bahasa Arab [q]. Penulis berpendapat, perubahan yang dibuat kepada bunyi-bunyi ini adalah bertujuan untuk memperlihatkan ciri bunyi bahasa Arab dengan lebih jelas di samping menyesuaikannya mengikut proses Ibdal di dalam bahasa Arab. Seperti

perubahan [s] kepada bunyi [s^f] di dalam perkataan *stable* [steɪbl̩] menjadi اصطبل [isṭablu]. Perkataan ini juga disebut sebagai اسطلب [istablu]. Namun begitu, terdapat juga perubahan yang berlaku tanpa melibatkan apa-apa faktor ataupun tidak mempunyai apa-apa fungsi kecuali fungsi estetik bunyi sahaja.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Secara keseluruhannya kajian ini adalah satu kajian yang bertujuan untuk melihat perubahan fonologi dan morfologi yang berlaku pada perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab. Kajian ini berusaha untuk menghuraikan dan merumuskan beberapa ciri tertentu yang terdapat dalam penyesuaian fonologi dan morfologi perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab dan ingin melihat sejauh manakah penyesuaian ini mengikut ciri atau sistem bahasa Arab itu sendiri.

Hal ini kerana, hasil pertembungan bahasa dan pinjaman leksikal khasnya yang bersabit dengan usaha pembinaan dan perancangan bahasa, sesuatu bahasa akan ter dorong untuk meminjam perkataan-perkataan atau istilah-istilah daripada bahasa yang lain. Penutur-penutur bahasa penerima akan menyesuaikan sebutan perkataan pinjaman ini mengikut sistem bunyi bahasa mereka.

5.1 Rumusan

Secara keseluruhannya kajian morfo-fonologi perkataan pinjaman ini melibatkan tiga aspek utama kajian iaitu fonologi, morfologi dan perkataan pinjaman. Rumusan kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Kajian pada aspek fonologi dan morfologi bahasa Arab telah menunjukkan bahawa, terdapat beberapa proses fonologi dan morfologi yang berlaku di

dalam bahasa Arab. Proses – proses itu ialah asimilasi (**التماثل**), disimilasi (**التحالف**), penambahan (**الوصل**), pengguguran (**المناكلة**), pemendekan (**التقصير**), penggandaan konsonan (**التضعيف**) dan qalbu makaniy. Manakala proses morfologi bahasa Arab pula melibatkan proses al-I'lāl dan al-Ibdāl.

- 2) Kajian ini seterusnya mendapati, dalam proses morfologi bahasa Arab terdapat beberapa proses yang boleh dianggap sebagai proses morfo-fonologi. Hal ini kerana proses yang berlaku melibatkan kedua-dua faktor iaitu fonologi dan morfologi. Proses-proses ini melibatkan beberapa proses dalam al-I'lāl bil-Hazfi, al-I'lāl bil-Qalb dan al-Ibdāl.
- 3) Aspek-aspek ini seterusnya memperlihatkan perubahan morfo-fonologi yang berlaku di dalam perkataan pinjaman. Hasil penelitian terhadap data kajian yang dikumpul, terdapat enam bentuk perubahan yang utama iaitu ciri penggantian bunyi, penyisipan bunyi, pemisahan gugusan konsonan, penambahan bunyi, pemanjangan dan pemendekan bunyi vokal.
- 4) Perubahan yang berlaku lebih menjurus kepada penyesuaian fonologi. Penyesuaian yang berlaku melibatkan penyesuaian pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Ciri penyesuaian fonologi yang paling kerap berlaku ialah pada bunyi vokal. Perubahan pada bunyi vokal ini berlaku kerana perbezaan variasi bunyi vokal di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab.
- 5) Kajian juga mendapati, bunyi vokal tengah atau schwa [ə] merupakan bunyi vokal yang dominan kerana bunyi ini wujud sebagai gantian kepada ketiga-tiga bunyi vokal bahasa Arab. Hal ini bermakna, bunyi ini boleh digantikan oleh

mana-mana bunyi vokal bahasa Arab tanpa mengambil kira kedudukan lidah bunyi vokal tersebut. Hal ini mungkin kerana bunyi ini merupakan vokal tengah. Jadi, ia dapat disesuaikan dengan mana-mana vokal.

- 6) Kajian ini juga mendapati terdapat fenomena yang tidak ada di dalam sistem bahasa Arab iaitu proses gugusan konsonan. Proses ini memperlihatkan kehadiran dua bunyi konsonan wujud serentak sama ada di awal, tengah atau akhir perkataan. Fenomena gugusan konsonan pada asalnya tidak ada di dalam bahasa Arab. Namun adakalanya ianya dikekalkan seperti dalam bahasa asal. Jadi, hal ini menunjukkan bahawa perkataan itu merupakan perkataan pinjaman. Contohnya perkataan *elektron*.
- 7) Hasil dapatan juga mendapati, perkataan bahasa Inggeris sebenarnya mesti dimulakan dengan bunyi konsonan walaupun pada ejaannya dimulakan dengan bunyi vokal. Setiap perkataan yang dimulakan dengan huruf vokal di dalam bahasa Inggeris sebenarnya wujud unsur glotis. Manakala perkataan bahasa Arab dimulai dengan bunyi konsonan. Penulis berpendapat, ejaan tidak menunjukkan cara sebutan yang tepat.
- 8) Kajian ini juga menunjukkan, kesemua perubahan bunyi mempunyai alasannya yang tersendiri. Namun begitu, terdapat juga perubahan yang berlaku tanpa melibatkan apa-apa alasan ataupun tidak mempunyai apa-apa fungsi tetapi mempunyai fungsi estetik bunyi.
- 9) Hasil penelitian terhadap data kajian, penulis mendapati perkataan pinjaman yang terlibat merupakan perkataan dari jenis al-dakhīl iaitu perkataan yang

diambil tanpa diubah polanya. Namun perubahan pada aspek bunyi tetap berlaku iaitu dengan menggunakan bunyi yang sama atau hampir sama di dalam bahasa Arab. Jika bahasa asing itu tidak dapat disesuaikan makhrajnya ke dalam bahasa Arab, maka ia perlu diubah sekurang-kurangnya kepada sesuatu makhraj yang paling hampir dengan makhraj Arab.

- 10) Selain itu, hasil kajian ini juga mendapat perkataan pinjaman ini datang dalam pelbagai bentuk sebutan Seperti yang berlaku pada perkataan *stable* dan *electron*. Perkataan pinjaman yang sering diambil adalah perkataan-perkataan baru umpamanya perkataan-perkataan dalam bidang sains dan perubatan.

5.2 Cadangan

Belum banyak kajian yang dibuat tentang analisis morfo-fonologi perkataan pinjaman dalam bahasa Arab. Kajian ini merupakan antara kajian terawal yang melibatkan kajian morfo-fonologi kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab. Kebanyakan kajian yang telah dibuat sebelum ini mengkaji pengaruh bahasa Arab ke dalam bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Sedangkan kajian ini tertumpu kepada pengaruh bahasa asing iaitu bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab.

Penulis merasakan masih terdapat pelbagai usaha boleh dilakukan bagi kajian seumpama ini. Beberapa cadangan atau beberapa langkah dapat diambil bagi mengisi kekosongan yang terdapat di dalam kajian ini. Antaranya ialah:

- 1) Kajian ini belum menyentuh aspek semantik secara terperinci. Makna yang disebut di dalam kajian ini hanyalah makna secara literal bagi panduan pembaca. Selain itu, kajian ini juga boleh dibuat dengan melihat kepada sejarah asal-usul perkataan atau disebut juga sebagai etimologi. Kajian ini juga dapat diperincikan

dengan mengumpulkan data dari sumber-sumber yang terkini seperti internet, suratkhabar dan sumber elektronik yang lain seperti televisyen dan radio.

- 2) Oleh kerana kajian ini hanya melihat makna perkataan pinjaman secara makna denotasi tanpa melihat kepada makna konotasi. Kajian lanjutan dari aspek semantik boleh dilakukan dengan membuat perbandingan di antara bahasa asal dengan bahasa yang meminjam. Perbandingan di sini bermaksud perbandingan pada aspek penggunaan makna sama ada perkataan ini mengalami perluasan makna ataupun mengekalkan makna yang asal.
- 3) Kajian selanjutnya diharapkan dapat mengkaji perkataan pinjaman dari aspek etimologinya secara terperinci. Hal ini kerana, penentuan perkataan bahasa Inggeris di dalam kajian ini hanya dibuat melalui penggunaan atau kewujudan perkataan ini di dalam kamus bahasa Inggeris tanpa mengkaji asal-usul perkataan ini secara terperinci. Perkara ini secara tidak langsung dapat menjelaskan pengaruh bahasa asing yang paling berpengaruh di dalam bahasa Arab.
- 4) Diharapkan juga ada kajian selanjutnya mengumpulkan dan mengkaji data yang lebih terkini dengan melihat perkataan pinjaman di dalam internet, akhbar, buku dan di dalam bahan bercetak dan bahan elektronik yang lain. Hal ini boleh melihat perkembangan penggunaan perkataan pinjaman dengan lebih luas bukan sahaja dari aspek fonologi dan morfologi malah dari aspek semantiknya.
- 5) Akhir sekali, kajian sebegini boleh dibuat dengan melihat aspek perubahan penggunaan perkataan dari masa ke semasa. Antara perubahan yang mungkin berlaku adalah perubahan pada aspek penggolongan kata. Perkataan yang asalnya merupakan kata nama digunakan sebagai kata kerja. Contohnya perkataan *فِعْلَة* dalam bentuk kata nama digunakan sebagai kata kerja *فَعْلَةٌ* dan *فَعْلَاتٍ*. Perkataan ini dirujuk sebagai al-Muwalled kerana perubahan yang berlaku pada penggunaannya.

5.3 Penutup

Secara umumnya, tidak ada peraturan tertentu yang boleh digunakan untuk menetapkan perubahan bunyi pada bunyi vokal. Tetapi satu peraturan boleh dibuat pada bunyi konsonan perkataan pinjaman bahasa Inggeris di dalam bahasa Arab. Hal ini dapat dilihat pada bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] di dalam bahasa Inggeris. Kesemua bunyi ini telah digantikan dengan bunyi hentian dua bibir bersuara [b] di dalam bahasa Arab. Namun begitu, sebagai panduan umum, kita boleh mengatakan bahawa, mana-mana kelainan bunyi yang wujud di dalam bahasa Inggeris akan disesuaikan dengan bunyi yang paling hampir dari pada sifat bunyi yang sedia ada di dalam bahasa Arab. Perkara ini juga dapat dilihat pada bahasa-bahasa lain. Sifat bunyi yang paling hampir akan digunakan terlebih dahulu di dalam menentukan cara pengambilan perkataan pinjaman.

BIBLIOGRAFI

Abduh al-Rājihīy. (1984). *Al-Tatbiq al-Sarfi*. Iskandariyah : Dār al-Ma`rifat al-

Jam `iyyat.

Abdul Aziz Mohd Sharif. (1983). *Fonetik Melayu dan Kata-kata Pinjaman:*

Perbezaan Ortografi dan Sebutan dalam Seminar Fonologi Melayu Kuala Lumpur.

Abdul Rauf Bin Haji Hassan. (2002). *Peminjaman Bahasa Asing Dalam Kamus*

Al-Miṣbāḥ al-Munīr. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

‘Abdul Ṣabūr Shāhīn. (1986). *al-‘Arabiyyat Lughat al-‘Ulūm wa al-Tiqniyyat*.

Kaherah: Dār al-I’tiṣām.

Abdullah Hassan. (1979). *Penterjemahan dan Penciptaan Istilah Saintifik dalam*

Asmah Haji Omar (Penyunting). Aspek Penterjemahan dan Interpretasi. Kuala Lumpur: Pusat Bahasa Universiti Malaya.

Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik Am. Siri Pengajaran dan Pembelajaran*

Bahasa Melayu. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Adrian Akmajian et al. (2002). *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi.*

Diterjemah oleh Aishah Mahdi dan Azizah Hussien. Kuala Lumpur, Malaysia:
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad al-Ḥamalāwīyy. (2008). *Shadhā Al-'Arf Fi Fann al-Sarf.* Kaherah : Dār
al-Faḍīlah Li al-Nasyri Wa al-Tauzī ‘.

Ahmad Mukhtār ‘Am. (1998). *Asas Ilmu Al-Lughat.* Kaherah.

Aḥmad Mukhtār ‘Umar. (2006). *Dirāṣah al-Ṣawt al-Lughawīyy.* Kaherah : ‘Ālim
al-Kitāb.

Aḥmad Taymūr. (2003). *Asrār al-‘Arabiyyah.* Dār al-Āfāq al-‘Arabiyyat.

Al-Fairūz Ābādīyy, Majduddīn M. bin Ya'qūb. (1987). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*.

Beirut: Mu'assasat Al-Risālat.

Al-Ghalāyīniyy, Muṣṭafā. (1997). *Jāmi' al-Durūs al-Arabiyyat*. Beirut: al-Maktabat

al-'Aṣriyyat.

Al-Ghāmidīy, Mansūr Muḥammad. (2000). *Al-Ṣawtiyyat al-'Arabiyyat*. Maktabah

al-Taibat, Al-Riyāḍ: Mamlakat al-'Arabiyyat al-Su'udiat.

Al-Ḥamalāwīyy Ahmad. (1977). *Kitab Shadha:l Al-'Arf Fi Fann al-Ṣarf*. Al-Azhar:

Al-Jihāz al-Markaz li al-Kutub al-Jam'iyyat.

Al-Ḥijāzīy Maḥmūd Fahmīy. (1998). *Al-Lughah al-'Arabiyyah Fi al-'Asr al-*

Hadīth. Kaherah: Dār al-Qaba 'Li al-Tibā 'ah Wa al-Nasyr Wal-Tawzī'.

Al-Jawālīqīy, Abū Manṣūr. (1990). *Al-Mu'arrab Min al-Kalām al-A'jamīy 'Ala*

huruf al-Mu'jam. Beirut: Dār al-Qalam.

Al-Jauhariy, Abu 'Ismā 'il Ḥummād. (1977). *Tāj al-Lughat Wa Siḥāḥ al-*

'Arabiyyat. Beirut: Dār al- Ilm li al-Malāyīn.

Al-Maghribīy Abd. Al-Qādir. (1908 M). *Al-Isytiqāq Wa al-Taqrīb*. Kaherah:

Matba 'ah al-Hilāl.

Al-Mansūriy, 'Alīy Jābir dan al-Khaffājīy, 'Alā' Hāshim. (2002). *Al-Tatbiq al-*

Sorfiy – Ta 'rīf al-Af'āl Ta 'rīf al-Asmā'. 'Ummān: Dār al-Thaqāfat

Al-Mu'jam al-'Arabiyy Al-Asasī. (1988). al-Munazzamat al-'Arabiyyat al-Tarbiyyat

Wa Thaqāfat Wa al-'Ulum.

Al-Suyūtīy, Abd. Al-Rahman Jalaluddin. (t.t.). *Al-Muzhir Fi 'Ulūm al-Lughah Wa*

Anwa ' iha. Beirut: Dār al-Jil.

Amat Juhari Moain. (1992). *Peminjaman Kata Istilah Daripada Bahasa Asing*.

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Anas Maulana Nuryadi. (2004). *Kata Nama Bahasa Arab dan Bahasa Melayu:*

Satu Analisis Kontrastif. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik,
Universiti Malaya.

Asmah Omar (1995). *Bahasa Kesusastraan Klasik Kedah.* Kuala Lumpur :

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar (ed.). (2006). *Bahasa Mah Meri.* Kuala Lumpur : Penerbit

Universiti Malaya.

Asyraf. (1893). *Pembinaan Bahasa Untuk Menghilangkan Kesan Penjajahan*

Kebudayaan Dalam Dewan Bahasa, 27(9): 650-653.

Azahari Muhammed Ali. (2000). *Morfem-morfem Dalam Kata Kerja Bahasa Arab:*

Ciri-ciri dan Makna Leksikalnya. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa
Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Ayman Amin ‘Abdul Ghaniy. (2000). Al-Şārf al-Kāfiy. Beirūt: Dār al-Kutub al-

‘Ilmiyyāt.

Bloomfield, L.: (1992). *Bahasa*. Alias Mahpol dll (tr), Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa dan Pustaka.

Crystal, David. (2008). *A Dictionary Of Linguistics And Phonetics*. 6th edition.

Cambridge, MA: Basil Blackwell.

Fahd Khalīl Zayd. (2006). *Al-‘Arbiyyat Bainā Al-Taghrīb Wa al-Tahwīd*. Dār Yāfā

al-‘ilmīyyah, Dār Makīn.

Fairuz Abadiy, Majd al –Din Muhammad Ya’qūb. (1997). *Al-Qāmūs al-Muhiṭ*.

Beirut : Dār Ihyā’ al-Turāth al’Arabīy.

Farid M. Onn. (1998). *Konsep-konsep Dasar Teori Generatif* dalam Nik Safiah

Karim (Penyuting). Linguistik Transformasi Generatif: Satu Penerapan Pada Bahasa Melayu. 169-180.

Farid M. Onn. (1980). *Penambahan Bahasa dan Kajian Dialek: Satu Pendekatan*

Tatabahasa Generatif dalam dewan Bahasa, 24(8): 4-11.

Finch, Geoffrey. (2000). *Linguistic Terms And Concepts*. London : MacMillan

Press.

Heah Lee Hsia, C. (1989). *The Infuence of English on The Lexical Expansion of*

Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hornby, Albert Sydney. (2006). *Oxford Advanced Learner's Dictionary of*

Current English 7th ed. London: Oxford University Press.

Harper, D. (2012). Diakses pada 12 Ogos 2012 dari <http://www.etymonline.com/>

Harper, D. (2012). Diakses pada 12 Ogos 2012 dari <http://www.etymonline.com/>

Ibn Hisyām, ’Abū Muḥammad ‘Abdullah Jamāluddin bin Yūsuf bin Ahmad in

Abdullah bin Hisyam al-ansariy al-Masriy (1984). *Syarh Syudhur al-Dhahab*.

Edit Abd Ghaniy al-Daqr. Damsyik : al-Syarikat al-Muttaḥidat li tawzī’.

Ibrāhīm Maḥmūd Khalīl. (2007). *Fi al-Lisaniyyāt Wa Nahw al-Nass*. Oman: Dār

al-Masīrat Li al-Nasyri Wa al-Tauzī’ Wa al-Tibā’ah.

Ibrāhīm Anīs. (1979). *al-Āṣwāt al-Lughawiyyat*. Kaherah : Maktabat al-Anglu al-

Miṣriyyat.

Ibrāhīm Madkūr. (1990). *al-Mu’jam al-Wasīṭ*. Istambul: Dār al-Da’wat.

Indirawati Zahid dan Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan Fonologi. Siri*

Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: PTS

Professional Publishing Sdn. Bhd.

‘Isam Nuruddīn. (1992). *Ilmu al-Āṣwāt al-Lughawiyyat al-Fūnūtika*. Beirut: Dār

al-Fikri al-Lubnānīy.

Jaludin Chuchu. (2002). *Morphology of Brunei Malay*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamus Dewan 4th ed. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khalid M. Hussain. (1978). *Kata-kata Pinjaman Bahasa Sanskerta Dalam Bahasa Melayu*. Dalam Dewan Bahasa, 22(7): 469-492.

Kridalaksana, Harimurti. (1983). *Kamus Linguistik*. Jakarta:Penerbit Gramedia.

Kridalaksana, Harimurti. (1996). *Pembentukan Kata Dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Gramedia.

Kridalaksana, Harimurti. (2007). *Pembentukan Kata dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: PT.Gramedia Pustaka Utama.

Lutfi Abas. (1992). *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Malmkjaer, Kirsten. (1991). *The linguistics encyclopedia*. London : Routledge.

McCarthy, Michael. (1991). *Discourse analysis for language teachers*. Cambridge: Cambridge University Press.

Mohd. Zaki Abd. Rahman. (2007). *Asimilasi dan Disimilasi Dalam Bahasa Arab*.

Jurnal Teknologi, 46 (E) Jun 2007: 85-98.

Mohd Zaki Abd. Rahman. (2001). *Huruf Bahasa Arab: Nilai dan Kegunaannya*.

Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Fakulti Bahasa dan Linguistik.

Mohd Zaki Abd. Rahman dan Che Radiah Mezah. (2010). *Ciri-ciri Bahasa Arab*

Fonetik, Morfologi dan Sintaksis. Serdang, Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Mohd. Rosdi Ismail. (2003). *Formula Bahasa Arab Mikro Binaan Kata & Fungsi Makna*. Kota Bharu, Kelantan : Percetakan Darul Naim.

Mohd Shafien Othman. (2008). *Penguasaan al-i'la:l dan al-ibda:l dikalangan*

pelajar-pelajar peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) : satu kajian kes.
Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan
Linguistik, Universiti Malaya.

Muhammad 'Abd al-Ghanīy. (1989). *'Ilm al-Šarf wa al-Niẓām al-Lughawīy*.

'Ammān: Maktabat al-Risālat al-Hadīsat.

Muhammad Marwan Ismail & Wan Moharani Mohammad. (2009). *Kajian*

semantik dan Mu'jam 'Arabiyy. Bandar Baru Nilai:Universiti Sains Islam
Malaysia.

Radzuan Ahmad. (1999). *Kajian Medan Maklumat Di Dalam al-Mu'jam al-Wasīt*.

Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan
Linguistik, Universiti Malaya.

Rajīy al-Asmir. (1993). *Al-Mu'jam al-Mufaṣṣal Fi 'Ilmi al-Šarf. Beirūt: Dār al-*

Kutub āl-'Ilmiyyāt .

Rahmat Sato. (1998). *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur:

Universiti Malaya, Fakulti Bahasa dan Linguistik.

Ramlan, M. (1978). *Morfologi: Suatu Tinjauan Deskriptif*. Yogyakarta:

CV.Karyono.

Ridhwān Manisi ‘Abdullah. (2007). *al-Fikr al-Lughawīyy ‘inda al-'Arab Fi Dhaw'i*

'ilm al-Lughat al-Hadith. Kaherah : Dār al-Nashar.

Sabri Sahrir. (2002). *Kata Kerja Perintah Dalam Bahasa Arab : Pola dan*

penggunaannya. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti

Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Sheikh Salim Sheikh Othman. (1979). *Peminjaman Kata Dari Sudut Sejarah dan*

Kebudayaan. Dalam Dewan Bahasa. 23 (2): 59-67.

Tan, Joo Seng. (1991). *Ciri-ciri Penyesuaian Fonologi Istilah Pinjaman Bahasa*

Inggeris dalam Bahasa Melayu. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Fromkin, Victoria et. al. (2002). *An Introduction To Language 7th ed.* United

State: Wadsworth.

Wāfiy, ‘Alīyy A.Wāhid. (t.t). *Fiqh al-Lughat*. Kaherah : Dār nahdāt Miṣr.

Wan Ibrahim Bin Haji Wan Mamat. (1995). *Pembentukan Kata Pinjaman Dalam*

Bahasa Arab. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Zainab Ahmad. (1983). *Morfofonem Untuk Kata Pinjaman: Satu Rumusan Awal.*

Dalam Dewan Bahasa. 27(8): 546-561.